

**PEMILIHAN BAHASA DI KALANGAN**

**KOMUNITI BUGIS**

**SAIDAH BINTI ISMAIL**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK**

**UNIVERSITI MALAYA**

**KUALA LUMPUR**

**JULAI 2009**

## ABSTRAK

Kajian mengenai pemilihan bahasa yang melibatkan kumpulan etnik minoriti Bugis di Malaysia masih belum dijalankan. Oleh itu kajian ini adalah untuk melihat pemilihan bahasa di kalangan komuniti Bugis. Pemilihan bahasa yang digunakan oleh komuniti Bugis di Kampung Parit Keroma, Pontian, Johor di tiga domain iaitu rumah, intra-komuniti dan pekerjaan dijadikan fokus utama kajian ini. Selain daripada itu perbandingan pemilihan bahasa juga dibuat terhadap komuniti Bugis yang telah berhijrah ke Kuala Lumpur. Metodologi penyelidikan yang digunakan termasuklah soal-selidik, rakaman, temu-bual dan pemerhatian. Hasil kajian menunjukkan bahawa responden kumpulan umur 70-89 masih menggunakan bahasa Bugis di domain rumah dan interaksi intra-komuniti, kumpulan umur 50-69 adalah dwi-bahasa dan menggunakan kedua-dua bahasa iaitu Melayu dan Bugis, mengakomodasi dengan interlocuter mereka, kumpulan umur 30-49 menggunakan kedua-dua bahasa tetapi majoriti hanya menggunakan bahasa Melayu di domain rumah dan interaksi intra-komuniti. Sebaliknya majoriti kumpulan umur 13-29 menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa dominan mereka. Bagi semua peringkat umur di domain pekerjaan bahasa dominan yang digunakan ialah bahasa Melayu. Majoriti responden yang tinggal di Kuala Lumpur menggunakan bahasa Melayu di domain rumah, pekerjaan dan interaksi intra-komuniti. Komuniti yang masih tinggal di Kampung Parit Keroma berbanding komuniti di Kuala Lumpur, mereka masih berpeluang berkomunikasi dalam bahasa Bugis kerana majoriti adalah terdiri dari kumpulan etnik yang sama. Sebaliknya, penggunaan bahasa Bugis di kalangan responden yang tinggal di Kuala Lumpur adalah terhad.

## ABSTRACT

Research about language choice that involves the minority ethnic group of Bugis in Malaysia has not been conducted. Therefore this research is to observe the language choice of the Bugis community. Language choice used by the Bugis in Kampung Parit Keroma, Pontian, Johor in three domains i.e. home, intra-community interaction and at work are the main focus of this research. In addition, comparisons of language choice are also made with Bugis who have migrated to Kuala Lumpur. The research methodologies used include questionnaire, recordings, interviews and also observation. Research results have shown that respondents aged 70-89 are still using the Bugis in the domains of home and intra-community interactions, the group aged 50-69 are bilingual and use both Malay and Bugis, accommodating to their interlocutor, the group aged 30-49 use both languages as well but the majority only use Malay in the home domain and in intra-community interactions. In sharp contrast the majority of the group aged 13-29 use Malay as their dominant language. For all age groups in the job domain, the dominant language used is Malay. The majority of the respondents who live in Kuala Lumpur, use Malay in the home and job domains and in intra-community interactions. The community still living in Kampung Parit Keroma compared to the community in Kuala Lumpur have the opportunity to speak Bugis since the majority are from the same ethnic group. In contrast, the use of Bugis among the respondents who live in Kuala Lumpur is limited.

## ISI KANDUNGAN

	<b>Muka surat</b>
Abstrak	ii
Abstract	iii
Penghargaan	iv
Isi Kandungan	v
Senarai Singkatan	xii
Senarai Jadual	xiii
Senarai Rajah	xv

### **BAB 1 PENGENALAN**

1.0.	Pengenalan	1
1.1.	Objektif Kajian	1
1.2.	Soalan Kajian	2
1.3.	Kepentingan Kajian	3
1.4.	Batasan Kajian	4
1.5.	Latar belakang Kajian	5
	1.5.1. Peta Penghijrahan Bugis Sekitar 1680-an	7
1.6.	Bahasa Bugis	8
	1.6.1. Skrip atau Tulisan Bahasa Bugis	9
1.7.	Sejarah Bugis di Tanah Melayu	10
1.8.	Penempatan Orang Bugis di Malaysia	12
1.9.	Kegiatan Sosio-Ekonomi Orang Bugis	14
1.10.	Politik	15
1.11.	Agama	17
1.12.	Adat dan Budaya	18
1.13.	Sejarah Kampung Parit Keroma Pontian Johor	19
1.14.	Kesimpulan	21
	1.14.1 Peta Daerah – daerah di Johor	21
	1.14.2 Mukim – Mukim di Daerah Pontian	22

## **BAB 2 KAJIAN KEPUSTAKAAN**

2.0.	Pengenalan	23
2.1.	Bahasa Minoriti	23
2.2.	Tekanan Bahasa	24
	2.2.1 Bahasa Stabil	24
	2.2.2 Di pinggiran	24
	2.2.3 Mulai Pudar	25
	2.2.4 Nazak	25
	2.2.5 Suci	25
	2.2.6 Mati	26
2.3.	Pemeliharaan dan Pengalihan Bahasa – satu penerangan ringkas	26
2.4.	Definisi Pemeliharaan, Pengalihan Bahasa dan Kepupusan Bahasa	28
2.5.	Konsep-konsep Penting Dalam Pemeliharaan dan Pengalihan Bahasa	30
	2.5.1. Dwi bahasa	30
	2.5.2. Pertukaran Kod/Pengalihan Kod	32
	2.5.3 Domain	33
2.6.	Variabel-variabel yang menjadi faktor kepada pemeliharaan dan pengalihan bahasa serta contoh-contoh kajian	34
	2.6.1. Migrasi	35
	2.6.2. Umur	36
	2.6.3. Lakuan Identiti	37
	2.6.4. Etnolinguistik Vitaliti	38
	2.6.5. Teori “Speech Accomodation”	39
	2.6.6. Kehadiran Datuk dan Nenek di Rumah	40
	2.6.7. Perkahwinan Campur	41
	2.6.8 Peranan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris	42
2.7.	Kesimpulan	43

### **BAB 3 METODOLOGI**

3.0.	Pengenalan	44
3.1.	Soal Selidik	45
3.1.1.	Demografi Responden di Kampung Parit Keroma	46
3.1.2	Demografi Responden di Kuala Lumpur	48
3.1.3	Jantina Responden di KPK	48
3.1.4	Jantina Responden di KL	49
3.1.5	Jenis Pekerjaan Responden di KPK	50
3.1.6	Jenis Pekerjaan Responden di KL	52
3.1.7	Bahasa Pertama dan Tahap Kecekapan Bahasa	54
3.1.8	Pilihan Bahasa	54
3.1.9	Sikap Terhadap Bahasa Bugis	55
3.1.10	Dasar Pendidikan Negara	56
3.2.	Merakamkan Perbualan di Rumah-rumah yang dikunjungi	57
3.2.1	Analisis Transkripsi	57
3.3	Temu-bual dengan Responden Tua	58
3.4	Pemerhatian	58
3.5	Kesimpulan	60

### **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.0.	Pengenalan	61
4.1.	Bahasa Pertama Responden	61
4.2.	Penggunaan Bahasa di domain Rumah	62
4.2.1.	Bahasa yang digunakan di rumah dengan suami/isteri	62
4.2.2.	Bahasa yang digunakan dengan anak-anak	64
4.2.3.	Bahasa yang digunakan dengan ibu bapa	65
4.2.4.	Bahasa yang digunakan dengan Nenek/Datuk	66
4.2.5.	Bahasa yang digunakan dengan Adik-beradik	68
4.2.6.	Bahasa yang digunakan dengan Bapa/Ibu Saudara	69
4.2.7.	Bahasa yang digunakan dengan Ahli Keluarga	70

	dan Saudara-mara	
4.3	Penggunaan Bahasa dalam Domain Pekerjaan	72
	4.3.1. Bahasa di Tempat Kerja dengan Rakan Sekerja	73
	4.3.2. Bahasa di Tempat Kerja dengan Rakan Bugis	74
4.4.	Pengurangan Penggunaan Bugis dalam Fungsi Bahasa yang Spesifik	76
	4.4.1. Bahasa Ketika Berdoa	76
	4.4.2. Bahasa Ketika Marah	76
	4.4.3. Menyatakan Sayang	78
	4.4.4. Bahasa Ketika Berdoa dalam Hati	79
	4.4.5. Bahasa Ketika Berfikir	80
4.5.	Tahap Kecekapan Bahasa Bugis	82
	4.5.1 Membaca dalam Bahasa Bugis	82
	4.5.2 Menulis dalam Bahasa Bugis	82
	4.5.3 Berbincang Isu Semasa dalam Bahasa Bugis	83
4.6.	Peranan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pengantar di Sekolah	83
4.7.	Persepsi dan Sikap Masyarakat Terhadap Identiti Dan Bahasa Etnik Mereka	84
	4.7.1. Bahasa Bugis Adalah Identiti kepada Orang Bugis	84
	4.7.2. Responden yang Mahu Anak Mereka Belajar Bahasa Bugis	84
	4.7.3. Responden yang Mahu Anak Mereka Menggunakan Bahasa Bugis	85
	4.7.4. Alasan Bersetuju Anak Mereka Menggunakan Bahasa Bugis	85
	4.7.5. Bahasa Bugis Berguna	86
	4.7.6. Alasan Mengatakan Bahasa Bugis Adalah Bahasa yang Berguna	87
	4.7.7. Tidak Bersetuju Menggunakan Bahasa Bugis Dan Alasannya	88
	4.7.8 Perkahwinan Campur	89

4.8.	Keputusan dan Analisis Data 20 Orang Etnik Bugis yang Menetap di Kuala Lumpur	90
	4.8.1 Bahasa Pertama Responden	90
4.9.	Penggunaan Bahasa di domain Rumah	91
	4.9.1. Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Suami-Isteri	91
	4.9.2. Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Anak-anak	93
	4.9.3. Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Ibu bapa	94
	4.9.4. Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Datuk Nenek	95
	4.9.5. Bahasa Pertuturan dengan Ibu/Bapa Saudara	96
4.10.	Penggunaan Bahasa di domain Pekerjaan	97
4.11.	Pengurangan Penggunaan bahasa Bugis dalam Fungsi Bahasa yang Spesifik	97
	4.11.1 Bahasa Ketika Berdoa	97
	4.11.2 Bahasa Ketika Marah	97
	4.11.3 Menyatakan Sayang	99
	4.11.4 Bahasa Ketika Berdoa dalam Hati	100
	4.11.5 Bahasa Ketika Berfikir	101
4.12.	Tahap Kecekapan Bahasa Bugis	102
	4.12.1. Membaca dan Menulis dalam Bahasa Bugis	102
	4.12.2. Berbincang Isu Semasa dalam Bahasa Bugis	102
4.13.	Peranan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pengantar di sekolah	102
4.14.	Bahasa Bugis adalah Identiti kepada Orang Bugis	103
	4.14.1. Responden yang Mahu Anak Mereka Belajar Dan Menggunakan Bahasa Bugis	103
	4.14.2. Alasan Bersetuju Anak Mereka Menggunakan Bugis	102
	4.14.3. Bahasa Bugis Berguna	104
	4.14.4. Alasan Mengatakan Bahasa Bugis Adalah Bahasa yang Berguna	105
	4.14.5. Tidak Bersetuju Menggunakan Bahasa Bugis1 Dan Alasannya	105



4.15.	Pemerhatian Kepada 10 keluarga di Kampung Parit Keroma	106
4.16.	Pemerhatian kepada 4 Keluarga yang Berasal dari KPK	107
4.17.	Perbandingan di Antara Responden yang Tinggal di KPK dengan Responden yang Tinggal di KL	110
4.18.	Punca-punca Pemilihan Bahasa di kalangan Komuniti Bugis	111
	4.18.1. Etnolinguistik Vitaliti/Umur	111
	4.18.2. Sikap Terhadap Bahasa Bugis	111
	4.18.3. Pengaruh Penggunaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris	112
	4.18.4. Lakuan Identiti	113
	4.18.5. Usaha dan Motivasi Ibu bapa terhadap Penggunaan dan Kecekapan Bahasa Anak-anak	113
4.19.	Kesimpulan	114

## **BAB 5 BAHASA PILIHAN DALAM KELUARGA DAN INTRA KOMUNITI**

5.0.	Pengenalan	115
5.1.	Analisis Rakaman Perbualan 1 dan 2	116
5.2.	Bahasa yang digunakan di kalangan Responden Berumur 70 – 89	117
5.3.	Bahasa yang digunakan di kalangan Responden Berumur 50-69	118
5.4.	Bahasa yang digunakan di kalangan Responden Berumur 30-49	120
5.5.	Bahasa yang digunakan d kalangan Responden Berumur 13-29	121
5.6	Pilihan Bahasa Keluarga dan Intra-komuniti Merentasi Umur	122
	5.6.1. Monolingual/Satu Bahasa	122
	5.6.2. Percampuran Kod	122

5.6.3.	Dwi Bahasa dan Akomodasi	123
5.7.	Bahasa Pilihan Komuniti yang Muda (yang berumur 13-29)	125
	Non-reciprocity- tiada komunikasi dua hala	
5.8	Kesalahfahaman Komunikasi	127
5.9	Kesimpulan	128
<b>BAB 6</b>	<b>PENUTUP</b>	
6.0.	Pendahuluan	131
6.1.	Tujuan Kajian	131
6.2.	Metodologi Kajian	131
6.3.	Dapatan Kajian	132
6.4.	Perbandingan di antara responden di Kampung dan di Kuala Lumpur	133
6.5.	Cadangan Kajian Seterusnya	134
6.6.	Kesimpulan	134
	<b>RUJUKAN</b>	137
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	142

## SINGKATAN

KPK: Kampung Parit Keroma

KL: Kuala Lumpur

Universiti Malaya

## SENARAI JADUAL

Jadual 1.1 :	Perbandingan Perkataan “beras” dalam Bahasa Serumpun	8
Jadual 3.1 :	Demografi Responden di KPK	47
Jadual 3.2 :	Demografi Responden di Kuala Lumpur	48
Jadual 3.3 :	Jantin Responden di KPK	49
Jadual 3.4 :	Jantina Responden di KL	50
Jadual 3.5 :	Jenis Pekerjaan di KPK	51
Jadual 3.6 :	Jenis Pekerjaan di KL	53
Jadual 3.7 :	Senarai Nama Responden yang ditemu-bual	58
Jadual 3.8 :	Maklumat Pemerhatian Penulis di KPK dan di KL	60
Jadual 3.9 :	Maklumat Pemerhatian Penulis di Majlis-majlis	60
Jadual 4.1 :	Bahasa Pertama Responden	62
Jadual 4.2 :	Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Suami-isteri	63
Jadual 4.3 :	Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Anak-anak	65
Jadual 4.4 :	Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Iubapa	66
Jadual 4.5 :	Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Nenek/Datuk	67
Jadual 4.6 :	Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Adik-beradik	69
Jadual 4.7 :	Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Bapa/Ibu saudara	70
Jadual 4.8 :	Penggunaan Bahasa Bugis di kalangan ahli keluarga	71
Jadual 4.9 :	Bahasa yang digunakan di tempat kerja dengan pekerja	72
Jadual 4.10 :	Bahasa Di tempat Kerja Dengan Rakan Sekerja	74
Jadual 4.11 :	Bahasa di tempat Kerja dengan Rakan Bugis	75
Jadual 4.12 :	Bahasa Ketika Marah	77
Jadual 4.13 :	Menyatakan Sayang	78
Jadual 4.14 :	Bahasa Ketika Berdoa dalam Hati	80
Jadual 4.15 :	Bahasa Ketika Berfikir	81
Jadual 4.16 :	Membaca Bahasa Bugis	82
Jadual 4.17 :	Menulis Bahasa Bugis	83
Jadual 4.18 :	Berbincang Isu Semasa dalam Bugis	83
Jadual 4.19 :	Bahasa Bugis adalah Identiti Kepada Orang Bugis	84

Jadual 4.20 :	Responden yang Mahu Anak Mereka Belajar Bahasa Bugis	85
Jadual 4.21 :	Responden yang Mahu Anak Mereka menggunakan Bugis	85
Jadual 4.22 :	Alasan Bersetuju Anak Mereka Menggunakan Bugis	86
Jadual 4.23 :	Bahasa Bugis Berguna	87
Jadual 4.24 :	Alasan Mengatakan Bahasa Bugis Adalah Bahasa yang Berguna	88
Jadual 4.25 :	Tidak Bersetuju Menggunakan Bahasa Bugis dan Alasannya	88
Jadual 4.26 :	Kahwin Campur	89
Jadual 4.27 :	Bahasa Pertama Responden	91
Jadual 4.28 :	Bahasa Pertuturan di Rumah Dengan Suami-isteri	92
Jadual 4.29 :	Bahasa Pertuturan di Rumah Dengan Anak-anak	93
Jadual 4.30 :	Bahasa Pertuturan di Rumah Dengan Ibu bapa	94
Jadual 4.31 :	Bahasa Pertuturan di Rumah Dengan Datuk Nenek	95
Jadual 4.32 :	Bahasa Pertuturan Dengan Ibu atau Bapa Saudara	96
Jadual 4.33 :	Bahasa Ketika Marah	98
Jadual 4.34 :	Menyatakan Sayang	99
Jadual 4.35 :	Bahasa Ketika Berdoa Dalam Hati	100
Jadual 4.36 :	Bahasa Ketika Berfikir	101
Jadual 4.37 :	Berbincang Isu Semasa Dalam Bahasa Bugis	102
Jadual 4.38 :	Responden Yang Mahu Anak Mereka Belajar dan Menggunakan Bugis	103
Jadual 4.39 :	Alasan Bersetuju Anak Mereka Menggunakan Bugis	104
Jadual 4.40 :	Bahasa Bugis Berguna	104
Jadual 4.41 :	Alasan Mengatakan Bahasa Bugis Adalah Bahasa Yang Berguna	105
Jadual 4.42 :	Tidak Bersetuju Menggunakan Bahasa Bugis dan Alasannya	106
Jadual 5.1 :	Analisis Rakaman Perbualan 1	116
Jadual 5.2 :	Analisis rakaman Perbualan 2	116

## SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	: Tulisan Bugis	10
Rajah 3.1	: Kaedah Penyelidikan	44
Rajah 3.2	: Jantina Responden di KPK	49
Rajah 3.3	: Jantina Responden di KL	50
Rajah 3.4	: Jenis Pekerjaan di KPK	52
Rajah 3.5	: Jenis Pekerjaan di KL	53
Rajah 4.1	: Bahasa Pertama Responden	62
Rajah 4.2	: Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Suami-isteri	63
Rajah 4.3	: Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Anak-anak	65
Rajah 4.4	: Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Ibubapa	66
Rajah 4.5	: Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Nenek/Datuk	68
Rajah 4.6	: Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Adik-beradik	69
Rajah 4.7	: Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Bapa/Ibu saudara	70
Rajah 4.8	: Penggunaan Bahasa Bugis di kalangan ahli keluarga	71
Rajah 4.9	: Bahasa yang digunakan di tempat kerja dengan pekerja	73
Rajah 4.10	: Bahasa Di tempat Kerja Dengan Rakan Sekerja	74
Rajah 4.11	: Bahasa di tempat Kerja dengan Rakan Bugis	75
Rajah 4.12	: Bahasa Ketika Marah	77
Rajah 4.13	: Menyatakan Sayang	79
Rajah 4.14	: Bahasa Ketika Berdoa dalam Hati	80
Rajah 4.15	: Bahasa Ketika Berfikir	81
Rajah 4.16	: Kahwin Campur	90
Rajah 4.17	: Bahasa Pertama Responden	91
Rajah 4.18	: Bahasa Pertuturan di Rumah Dengan Suami-isteri	92
Rajah 4.19	: Bahasa Pertuturan di Rumah Dengan Anak-anak	94
Rajah 4.20	: Bahasa Pertuturan di Rumah Dengan Ibu bapa	95
Rajah 4.21	: Bahasa Pertuturan di Rumah Dengan Datuk nenek	96
Rajah 4.22	: Bahasa Pertuturan Dengan Ibu atau Bapa Saudara	97
Rajah 4.23	: Bahasa Ketika Marah	98
Rajah 4.24	: Menyatakan Sayang	99
Rajah 4.25	: Bahasa Ketika Berdoa Dalam Hati	100
Rajah 4.26	: Bahasa Ketika Berfikir	101

## **BAB 1: PENGENALAN**

### **1.0 Pengenalan**

Bab ini membicarakan tentang objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, latar belakang kajian, sejarah Bugis di Tanah Melayu, penempatan orang Bugis di Malaysia, kegiatan sosio-ekonomi, politik, agama serta adat dan Budaya orang Bugis. Di samping itu, sejarah Kampung Parit Keroma yang merupakan lokasi penempatan komuniti Bugis di dalam kajian ini turut dibincangkan dalam bab ini.

### **1.1 Objektif Kajian**

Semua bangsa atau komuniti dalam sesebuah negara atau tempat di dunia ini mempunyai bahasa ibunda mereka sendiri. Namun begitu, sejauh mana mereka masih menggunakan bahasa ibunda mereka sepenuhnya dalam kehidupan seharian mereka yang semakin mencabar dalam pelbagai aspek boleh menimbulkan persoalan. Ini adalah disebabkan peranan globalisasi misalnya dapat mengubah tanggapan ini. Kesannya adalah berlakunya perubahan dan pengalihan kepada bahasa lain yang lebih dominan dalam konteks semasa. Di samping itu juga cara sebutan dalam sesuatu bahasa ibunda juga boleh berubah atau dipengaruhi oleh bahasa lain akibat dari pertembungan harian dalam pelbagai domain.

Bertitik tolak dari perkara tersebut satu kajian boleh dijalankan untuk melihat apa yang terjadi dalam satu komuniti yang dipilih. Sehubungan dengan itu komuniti minoriti Bugis di Malaysia telah dipilih sebagai sampel kajian. Komuniti yang dipilih adalah masyarakat Bugis yang tinggal di Kg. Parit Keroma, Ayer Baloi (KPK), Pontian Johor. Komuniti ini dipilih kerana peranan mereka sebagai komuniti minoriti yang mempunyai bahasa ibunda

tersendiri iaitu bahasa Bugis dan berada dalam satu kelompok masyarakat yang besar yang mempunyai pelbagai etnik dan bahasa. Kajian ini diharap dapat memperlihatkan sejauh mana penutur Bugis ini menggunakan bahasa ibunda mereka dalam kehidupan seharian mereka.

Sehubungan dengan itu 2 objektif kajian telah dikenal pasti, iaitu:

- 1) Untuk mengenal pasti pemilihan bahasa oleh komuniti Bugis di Kg. Parit Keroma, Ayer Baloi, Pontian, Johor dalam domain rumah, domain intra komuniti dan domain kerja.
- 2) Untuk membandingkan penggunaan bahasa oleh komuniti yang sama tetapi telah berpindah atau berhijrah dan menetap di Kuala Lumpur dalam tiga domain yang sama.

Bagi memenuhi objektif-objektif tersebut, 2 soalan kajian telah dihasilkan dan akan dibincangkan seterusnya.

## **1.2 Soalan Kajian**

Dalam era globalisasi ini bahasa memainkan peranan penting sebagai alat perhubungan atau komunikasi. Keperluan terhadap bahasa kebangsaan, rasmi, antara bangsa atau bahasa ketiga menyebabkan kita tidak mengambil kira atau mengambil perhatian tentang bahasa-bahasa minoriti yang terdapat di negara kita. Oleh itu, pengkaji ingin melihat sejauh mana



bahasa minoriti etnik Bugis iaitu bahasa Bugis masih digunakan berdasarkan soalan-soalan kajian berikut:

- 1) Apakah bahasa yang dipilih oleh komuniti Bugis di Kg. Parit Keroma, Ayer Baloi, Pontian, Johor dalam domain rumah, domain intra-komuniti dan domain kerja?
- 2) Apakah bahasa yang dipilih oleh komuniti Bugis dari KPK yang telah berpindah dan menetap di Kuala Lumpur dalam domain rumah, domain intra-komuniti dan domain kerja?

Kedua-dua persoalan ini dijangkakan dapat membantu dan memberi gambaran yang jelas tentang kajian ini.

### **1.3 Kepentingan Kajian**

Kajian ini diharapkan dapat memperkenalkan kepada umum tentang wujudnya bahasa Bugis yang merupakan salah satu bahasa minoriti yang terdapat di Malaysia di mana bahasa ini dituturkan oleh etnik Bugis. Ini adalah kerana pada zaman ini perlumbaan kepada penguasaan bahasa yang dominan dan bahasa yang bertaraf antara bangsa menjadikan kita alpa terhadap kewujudan bahasa-bahasa minoriti yang terdapat di Malaysia.

Di samping itu juga, bagi generasi muda kumpulan etnik Bugis ini diharapkan mengetahui wujudnya bahasa ibunda yang merupakan warisan daripada nenek moyang mereka. Melalui

kajian ini, kita akan melihat corak-corak pemilihan bahasa oleh komuniti Bugis dalam domain rumah, domain intra-komuniti dan domain pekerjaan.

Diharapkan juga adanya tindakan dari pihak-pihak tertentu untuk mempromosikan bahasa-bahasa minoriti di Malaysia supaya bahasa ini diketahui umum dan tidak lupus begitu sahaja.

#### **1.4 Batasan Kajian**

Kajian pemilihan bahasa di kalangan komuniti Bugis belum pernah dilakukan oleh mana-mana pengkaji di Malaysia sebelum ini. Ini merupakan kajian pertama mengenai pemilihan bahasa yang melibatkan etnik komuniti Bugis. Oleh itu, adalah sukar mendapatkan bahan-bahan rujukan yang berkaitan dan membuat perbandingan dengan kajian-kajian lepas. Walaupun begitu, terdapat kajian pemilihan, pengekalan dan pengalihan bahasa yang dijalankan ke atas kaum etnik minoriti yang lain seperti komuniti Jawa, komuniti Sindhi, komuniti Rajang-Tanjong, komuniti Portugis di Melaka dan komuniti Iyers yang boleh dijadikan rujukan.

Di samping itu, terdapat juga kajian-kajian lain yang dijalankan mengenai komuniti Bugis. Ianya melibatkan bidang-bidang seperti sosio-budaya, konsep siri'(malu), kajian etnografi, kajian fonologi, migrasi, pola dan sosio-ekonomi serta dialektologi bahasa Bugis.

Kajian ini hanya tertumpu kepada golongan etnik Bugis yang tinggal di Kg Parit Keroma, akan dirujuk sebagai (KPK), Pontian, Johor dan beberapa keluarga etnik Bugis yang berasal dari KPK yang telah menetap di Kuala Lumpur. Responden kajian di KPK adalah

berjumlah 100 orang sahaja iaitu daripada 22 keluarga etnik Bugis. Manakala hanya 20 orang sahaja responden etnik Bugis yang telah menetap di Kuala Lumpur iaitu terdiri daripada 6 keluarga.

### **1.5 Latar Belakang Kajian**

Orang Bugis menurut Lineton (1974:6) berasal dari kepulauan Sulawesi atau Pulau Celebes di Indonesia dan jumlah penduduk mereka kini hampir tiga juta orang yang tinggal di kawasan selatan kepulauan Sulawesi. Namun begitu ramai dari mereka telah berhijrah ke kepulauan lain di Indonesia dan tempat-tempat lain di Asia Tenggara seperti Malaysia. Penghijrahan mereka adalah disebabkan beberapa faktor dan salah satu di antaranya ialah penjajahan Belanda di Indonesia. Orang Bugis dikatakan tidak mahu menyerah kepada pemerintahan Belanda dan mereka mula berhijrah meninggalkan tanah air mereka. Di samping itu juga mereka adalah terdiri dari pelayar-pelayar yang hebat dan ini telah memudahkan mereka berlayar untuk mencari penempatan baru. Rubin dalam Tamrin (2001: 6) telah menulis tentang perkara yang sama:

*'The Dutch capture of Macassar in 1668 had the result of driving the adventurous Bugis traders out of their own land, where they were unwilling to submit to the Dutch monopoly regulation'* Rubin (1974: 104)

Kesan dari penghijrahan ini, terdapat orang Bugis yang telah sampai ke Tanah Melayu pada masa itu dan memulakan penempatan mereka di negeri-negeri seperti Johor, Selangor dan Sabah.

Penghijrahan di kalangan komuniti Bugis adalah berbeza dari segi motifnya. Andi Zainal Abidin (1983: 58), mengatakan motif perantauan dari dahulu hingga kini adalah untuk

membaiki kehidupan kecuali pada kurun ke 10 hingga ke 15 yang sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh permusuhan sesama mereka dan perebutan kuasa. Manakala pada akhir-akhir ini adalah lebih bermotifkan ekonomi.


Mengikut Mohd. Yusuf Md. Noor di dalam Noor Aina Dani (2006: 192), terdapat dua tahap migrasi orang Bugis dari tanah tumpah darah mereka di Pulau Sulawesi Selatan. Pertama, migrasi pada pertengahan kurun ke 16 akibat tekanan penjajah. Peristiwa ini berlaku selepas kemusnahan perdagangan rempah di Maluku yang pernah dikuasai oleh orang Belanda. Orang Bugis telah kehilangan punca pendapatan. Akhirnya mereka terpaksa berpindah ke Tanah Melayu iaitu Selangor dan Johor. Pada mulanya mereka hanya menjalankan aktiviti pertanian. Walaubagaimanapun segalanya berubah dengan kehadiran Bugis lima bersaudara iaitu Daeng Merewah, Daeng Celak, Daeng Parani, Daeng Menambun dan Daeng Kemasi. Sejak itu telah berlaku perubahan di dalam kedudukan kaum Bugis di mana mereka terlibat secara langsung di dalam sistem politik di Tanah Melayu, terutamanya di dalam sistem politik negeri Johor hingga mereka dilantik sebagai pemerintah Riau. Orang-orang Bugis seterusnya memperluaskan kuasa pemerintahan mereka ke negeri-negeri yang mempunyai bijih timah seperti Perak dan Selangor serta menubuhkan kerajaan sendiri di Selangor.

Migrasi kedua pula berlaku pada sekitar tahun lima puluhan akibat tekanan ekonomi yang memaksa mereka mencari nafkah di tempat yang lebih selamat. Ketika itu, Sulawesi turut mengalami kemiskinan dan gejala sosial yang serius. Pada masa yang sama juga, terdapat faktor tarikan dari Tanah Melayu seperti pembukaan tanah-tanah baru serta peluang pekerjaan yang lebih menjamin masa depan. Oleh sebab itu penghijrahan yang berlaku kali

kedua ini adalah lebih pesat. Sebagai contoh, bilangan komuniti Bugis dan Jawa pada tahun 1894 di negeri Johor dianggarkan 30 000 orang (Noor Aina , 2006: 193).

Sebagaimana yang telah diketahui, ciri orang-orang Bugis yang sentiasa berlumba-lumba untuk mengumpulkan kekayaan juga menyebabkan mereka sentiasa bergerak dan belayar ke merata tempat. Mereka suka bergerak atau merantau seterusnya mempunyai kecenderungan untuk berpindah ke tempat lain. Mereka bergerak ke serata tempat termasuklah ke Malaya (Malaysia), New Guinea Barat, selatan Filipina, utara Borneo dan kepulauan Sunda (Pelras, 1996:5). Penghijrahan orang-orang Bugis ini dapat dilihat dengan lebih jelas dalam peta berikut:

#### 1.5.1 Peta Penghijrahan Orang-Orang Bugis Sekitar 1680-an.



Peta 1 : Tamrin (2001:16)

## 1.6 Bahasa Bugis

Bahasa Bugis adalah salah satu cabang dari bahasa Nusantara yang termasuk dalam rumpun Austronesia. Campbell (1991: 230) mengatakan bahawa bahasa Bugis adalah berasal dari keluarga Malayo-Polynesia iaitu salah satu cabang dari bahasa Austronesia. Oleh sebab itu bahasa Bugis mempunyai hubungan yang rapat dengan bahasa-bahasa yang datang dari bahagian barat gugusan kepulauan Melayu seperti bahasa Jawa, Sunda, dan Madura. Bahasa Bugis juga mempunyai hubungan dengan bahasa yang berasal dari timur gugusan kepulauan Melayu iaitu bahasa Melayu. Menurut Ibrahim Ahmad di dalam Noor Aina (2006:193), bahasa Bugis termasuk dalam rumpun Austonesia dan ini dibuktikan berdasarkan sifatnya yang sama dengan kebanyakan bahasa lain yang sekelompok dengannya.

Untuk membuktikan hubungan tersebut, Arbak Othman (1983:43) menunjukkan perbandingan berdasarkan perkataan beras seperti yang digambarkan dalam Jadual 1.1 di bawah:

**Jadual 1.1** : Perbandingan Perkataan “beras” dalam Bahasa Serumpun

<b>Melayu</b>	<b>Batak</b>	<b>Madura</b>	<b>Makasar</b>	<b>Bugis</b>	<b>Sunda</b>
Beras	Boras	bereus	Berasa	Wara	Beas

Walaubagaimanapun perkataan beras yang digunakan oleh komuniti etnik Bugis di Kg. Pt. Keroma adalah “bere” bukan “wara”. Perkataan “wara” telah mengalami proses disimilasi iaitu penggantian konsonan “w” kepada “b” dan vokal “a” kepada “e” untuk memudahkan

sebutan. Perkataan “bere” juga adalah lebih hampir dengan perkataan “beras” jika dibandingkan dengan “wara”.

Bahasa Bugis di Sulawesi terbahagi kepada dialek-dialek dan sub-dialek. Menurut Rosman Bachok (1988:5), bahasa Bugis di Sulawesi Selatan ini terbahagi kepada beberapa dialek iaitu dialek Palakka atau Bone, dialek Wajo, dialek Soppeng, dialek Sidenreng atau Rappang, dialek Pare-pare, dialek Sawito atau Pinrang, dialek Camba dan dialek Luwuk. Namun begitu, menurut Hjh. Indok Jennek yang merupakan generasi pertama di KPK, Hj. Beduroding yang merupakan bekas Ketua Kampung KPK, Hj Arshad dan isterinya Hjh. Maharani yang merupakan warga tua di KPK, dialek yang digunakan oleh penduduk etnik Bugis di KPK ialah dialek Wajo.

### **1.6.1 Skrip atau Tulisan Bahasa Bugis**


Tulisan Bugis dikenali sebagai Lontara atau Aksara Bugis. Menurut Moen di dalam Tamrin (2001:12), Lontara adalah tulisan kuno Bugis yang ditulis di atas sejenis daun palma kering di mana di atasnya huruf atau skrip ditulis dengan garisan-garisan tajam. Garisan-garisan yang terbentuk kemudiannya dibubuh dengan serbuk hitam sebagai dakwat untuk memberi warna kepada garisan tadi.

Menurut Nordin Bula aksara atau tulisan ini telah wujud sejak abad ke-12 lagi iaitu sewaktu berkembangnya pengaruh Hindu di Kepulauan Indonesia (<http://www.sabah.org.my/bm/daerah/daerah/twu/tawau/bugis.htm>).

Chacho Bulan pula dalam Tamrin (2001:13) bahasa Bugis adalah suatu bahasa yang unik kerana etnik Bugis mempunyai bahasa dan tulisan yang tersendiri yang tidak ditiru atau

diceduk dari mana-mana bahasa lain. Bagi Noor Aina Dani (2006: 194), bangsa Bugis adalah bangsa yang bertamadun kerana mempunyai tulisan yang tersendiri. Menurut beliau lagi, tulisan Bugis terdiri daripada 23 huruf dan ianya tidak seperti tulisan Jawi (Melayu) yang mencontohi bahasa Arab.

Berikut adalah contoh tulisan Bugis:



**Rajah 1.1 : Tulisan Bugis**

(<http://www.sabah.org.my/bm/daerah/daerah/twu/tawau/bugis.htm>).

### 1.7 Sejarah Bugis Di Tanah Melayu

Orang-orang Bugis telah datang ke Tanah Melayu dan terlibat dalam politik Tanah Melayu sejak abad ke 18 lagi. Sebagaimana menurut Tregonning di dalam Rosman (1988:2),

*'The eighteenth century in Malayan history is the Bugis century. In Selangor, a Bugis became Sultan and in Johor they eventually obtained complete control'*  
(Tregonning 1964:2)

Menurut Tregonning lagi orang-orang Bugis telah terlibat di dalam satu percaturan yang berlanjutan yang telah meletakkan mereka di barisan hadapan dalam kegiatan politik alam Melayu.



Jessy (1970: 66), pula menyatakan bahawa sejarah Bugis di Tanah Melayu bermula sejak penaklukan negeri Johor oleh Raja Kechil dari Siak. Raja Kechil telah membuat helah untuk bekerjasama dengan Daeng Parani untuk menyerang Johor. Apabila Daeng Parani sedang bersiap-sedia mengumpulkan angkatan tenteranya di Selangor, Raja Kechil secara mengejut telah menyerang Johor secara sendiri seterusnya menakluki negeri itu. Anak raja Johor pada ketika itu yang melarikan diri ke negeri Pahang iaitu Raja Sulaiman telah meminta bantuan daripada Daeng Parani. Akhirnya, Raja Kechil dapat dikalahkan. Baginda ditabalkan sebagai Sultan Johor dengan gelaran Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (1721-1760). Sebagai mengenang jasa Daeng Parani dan memenuhi janji Raja Sulaiman, abang Daeng Parani iaitu Daeng Merewah telah dilantik menjadi Yamtuan Muda iaitu pada tahun 1722. Jawatan Yamtuan Muda bukan bakal Sultan dan boleh disandang oleh keturunan Bugis sahaja (Abdullah Zakaria 1999: 41). Yamtuan Muda adalah orang yang paling berkuasa dalam kerajaan Johor dan Sultan Sulaiman dikenali sebagai Raja Boneka sahaja. Bertitik-tolak dari sinilah pengaruh Bugis diperluaskan hingga ke Pahang, Selangor, Kedah dan Perak.

Di Selangor pula, Daeng Parani telah berkahwin dengan seorang Bugis yang kemudiannya menuntut gelaran Yamtuan Selangor. Manakala bagi masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan, Undang merupakan ketua masyarakat bagi kawasan Sungai Ujong yang diberi gelaran Bugis iaitu Dato' Kelana Putera kerana Undang pada masa itu mempunyai darah keturunan Bugis. Selepas itu, perkara yang sama berlaku di Linggi. Ini bermakna gelaran Bugis mula digunakan di kawasan orang-orang Minangkabau di Negeri Sembilan (Jessy, 1970).

Setelah orang-orang Bugis mengukuhkan kedudukan di selatan mereka kemudiannya bergerak ke utara pula. Di Kedah, lima bersaudara iaitu Daeng Parani dan empat saudaranya telah berjaya menabalkan putera sulung Sultan Kedah sebagai Sultan selepas membantu baginda memenangi perebutan kuasa dengan adinda bongsu baginda. Selepas itu Daeng Parani telah dikahwinkan dengan salah seorang kerabat diraja Kedah dan menetap di Kedah. Beliau telah membantu Sultan Kedah untuk berperang dengan adinda bongsu baginda yang mendapat bantuan daripada Raja Kechik. Perang saudara ini telah dimenangi oleh Sultan Kedah dengan bantuan orang-orang Bugis. Di negeri Perak pula, raja-raja Kedah dan pahlawan-pahlawan Minangkabau banyak memegang jawatan-jawatan penting dalam kerajaan dan ini telah menyebabkan kemarahan orang-orang Bugis. Apabila perang saudara meletus antara Sultan Perak dan adinda baginda Muzaffar Shah, Daeng Merewah telah menyebelahi Muzaffar Shah dalam perang tersebut dan berjaya memenanginya. Sultan Muzaffar Shah kemudiannya ditabalkan menjadi Sultan dengan gelaran Yang diPertuan (Jessy, 1970).

Secara keseluruhannya, pergolakan politik pada abad ke 18 menyebabkan orang-orang Bugis berjaya menguasai politik di Selangor, Johor, Kedah, Perak, Riau, Linggi dan kawasan Minangkabau yang sebelumnya di bawah pengaruh Raja Kechil dari Siak.

### **1.8 Penempatan Orang Bugis di Malaysia**

Penghijrahan adalah merupakan satu sebab mengapa orang-orang Bugis boleh ditemui di pelbagai negara di kawasan Asia Tenggara. Sebagaimana menurut Millar di dalam Tamrin (2001: 19),

*Migration is far from being a recent phenomenon for the Bugis. They have been known for centuries throughout the Indonesian Archipelago and the Malay Peninsula as traders, pirates and settlers. By the beginning of the twentieth century there were large settlements of Bugis on the east coast of the Malay Peninsula, on the eastern and southwestern coast of Borneo and elsewhere (Millar 1981: 18)*

Perkara ini juga telah dijelaskan oleh Saidah (2000: 22), di mana sebelum orang-orang Bugis tiba ke Tanah Melayu pada kurun ke 17. Mereka cuba membuka penempatan di Sumbawa, Lombok dan Bali tetapi tekanan dari pihak berkuasa di sana telah menyebabkan mereka beralih ke kawasan lain seperti Tanah Melayu. Selain dari itu perang saudara yang berlarutan di selatan pulau Sulawesi serta tekanan dari pihak Belanda yang menyerang mereka dalam perebutan perdagangan rempah mengakibatkan mereka berhijrah pada akhir abad ke 17 dan telah tiba di persisiran pantai barat semenanjung Tanah Melayu iaitu seperti di kawasan jajahan Johor.

Penghijrahan juga telah membawa orang-orang Bugis berpindah ke Sabah, pada sekitar tahun 1950 an kerana permintaan tenaga buruh daripada pemerintah British untuk mengusahakan ladang-ladang getah yang mendatangkan hasil lumayan pada masa itu (Noor Aina 2006: 193). Seterusnya orang-orang Bugis sekali lagi berhijrah beramai-ramai pada tahun 1960 an dan 1970 an di Tawau, Sabah kerana mereka diperlukan untuk bekerja di ladang-ladang dan dalam industri pembalakan.

Apabila dilihat dari segi sejarah, komuniti Bugis telah berhijrah dari Sulawesi Selatan ke negeri Johor, Sabah serta negeri-negeri lain di Tanah Melayu untuk membuka penempatan baru serta membina penghidupan baru yang lebih baik. Jika dilihat pula dari segi sejarah pembabitan Bugis di dalam politik Melayu, ianya melibatkan negeri Johor, Selangor dan

Perak. Dengan itu, dapatlah dikatakan bahawa taburan komuniti Bugis di Malaysia adalah di Johor, Selangor, Perak, dan Sabah. Ini dijelaskan dengan kenyataan Hayatie Untong (1996: 2),

*Masyarakat Bugis merupakan salah satu kelompok imigran Indonesia yang telah masuk dan menjalani kehidupan dalam masyarakat Melayu. Mereka dengan mudah menjadi warganegara Malaysia seperti di **Johor, Selangor, Perak dan Sabah** kerana mereka beragama Islam dan mempunyai cara hidup yang sama dengan penduduk tempatan.*

### **1.9 Kegiatan Sosio-Ekonomi Orang Bugis**

Komuniti Bugis di Sulawesi menjalankan kegiatan pertanian secara aktif. Di antara tanaman utama mereka adalah padi, jagung, pelbagai jenis ubi, kacang dan sayur-sayuran. Selain daripada itu mereka juga menanam tembakau, cengkeh, kelapa dan buah-buahan untuk tujuan perdagangan (Zulyani Hidayah 1997:64). Di samping melibatkan diri dalam bidang pertanian orang-orang Bugis juga menceburi bidang perdagangan. Ini dikatakan oleh Andaya di dalam Tamrin Amboala (2001: 3):

*'Mereka (orang-orang Bugis) adalah saudagar-saudagar terbaik di kepulauan timur, nilai kargo mereka begitu tinggi menyebabkan ketibaan mereka sentiasa ditunggu-tunggu oleh semua kaum peniaga'*

Menurut Tamrin (2001) orang-orang Bugis juga telah memonopoli kawasan bijih timah dan penanaman gambir di Tanah Melayu. Mereka mula melibatkan diri dalam aktiviti perlombongan bijih timah sedekad lebih awal sebelum orang-orang Cina membukanya secara besar-besaran pada abad ke 20.

Koentjaningrat di dalam Tamrin (2001:18) mengatakan, sikap dan perwatakan orang-orang Bugis menjelaskan penglibatan mereka dalam aktiviti perikanan dan perdagangan. Aktiviti ini telah membawa mereka belayar ke Sumatera, Tanah Melayu, Siam, Kepulauan Maluku dan Utara Australia.

Dari segi sejarah, etnik Bugis terlibat secara aktif dalam bidang ekonomi seperti dalam aktiviti pertanian, perlombongan bijih timah, perdagangan dan pelayaran. Menurut Encik Yusufa yang merupakan Ketua Kampung KPK, kegiatan sosio-ekonomi etnik Bugis di KPK adalah bertani dan hasil pertanian mereka adalah kelapa, kelapa sawit, nenas, dan pisang di mana melibatkan 70% dari jumlah penduduknya manakala 30% daripadanya bekerja sebagai kakitangan kerajaan dan swasta di sekitar bandar Pontian, Johor.

### **1.10 Politik**

Pada zaman dahulu orang Bugis di Sulawesi pernah memiliki kerajaan yang kukuh. Menurut Nuryani Hidayah (1997:64), di antara kerajaan mereka adalah seperti Kesultanan Bone, Bugis-Luwuk dan Soppeng. Pada masa itu, masyarakat Bugis terbahagi kepada beberapa lapisan sosial, golongan kerabat diraja digelar **anakarung** (bangsawan), rakyat biasa digelar **tomaradika** dan golongan bawahan yang digelar **ata**. Golongan **ata** ini adalah dari tawanan perang atau pelanggar hukum adat.

**La Galigo** adalah epik yang terpanjang di dunia ditulis dalam bahasa Bugis lama. Ia merupakan legenda Bugis yang dikarang dalam bentuk puisi. Menurut **La Galilo**, kerajaan Bugis yang pertama ialah Wewang Nriwuk, Luwuk dan Tompokitikka. Luwuk mendapat kedudukan istimewa kerana ianya dianggap sebagai ketua Bugis. Walaubagaimanapun,

pada abad ke 15, berlakunya perubahan di dalam sosio-politik, ekonomi dan agama disebabkan berlakunya migrasi penduduk dari persisiran pantai hingga ke tengah hutan belantara dan membuka penempatan baru. Di dalam bidang ekonomi, penanaman padi sawah, pembuatan besi dan penggunaan kuda diperkenalkan. Dari segi agama, adat membakar mayat di sesetengah tempat mula diamalkan. Pada akhir abad ke 15, munculnya beberapa kerajaan baru menentang kerajaan Luwuk. Antaranya ialah Goa (Makassar), Bone dan Wajo'. Kematian Dewaraja, seorang raja Luwuk, menyebabkan perebutan dinasti untuk memerintah Tanah Bugis. Goa bersekutu dengan Bone menawan Luwuk dan sekaligus mempunyai pengaruh yang besar ke atas Sulawesi Selatan (<http://ms.wikipedia.org/wiki/Bugis>).

Pada pertengahan abad ke 16, Sulawesi Selatan dikuasai oleh Goa dan Bone. Oleh kerana kedua-dua negeri ingin meluaskan kuasa mereka, maka tercetuslah peperangan sesama mereka dan Bone dikalahkan. Sebagai membalas dendam, seorang putera Bone bernama Arung Palakka bersekutu dengan Belanda untuk menyerang Makassar. Pada tahun 1667, Makassar jatuh ke tangan Belanda dan ini menyebabkan migrasi Bugis ke Sumatera dan Tanah Melayu (<http://ms.wikipedia.org/wiki/Bugis>).

Faktor kemerosotan ekonomi juga menyebabkan mereka berhijrah ke Tanah Melayu. Sebagaimana menurut Noor Aina (2006: 193), orang-orang Bugis telah berhijrah ke Tanah Melayu untuk mendapatkan pekerjaan selepas kemusnahan perdagangan rempah di Maluku iaitu pada abad ke 16. Menurut Noor Aina lagi, kedatangan lima bersaudara Bugis iaitu Daeng Parani dan empat saudaranya telah menyebabkan perubahan kedudukan Bugis di Tanah Melayu kerana mereka terlibat di dalam percaturan politik pada masa itu dengan mengambil kesempatan dengan pergolakan yang sedia ada hinggalah terdirinya kesultanan Johor dan Selangor. Mereka juga telah menjawat jawatan penting seperti Daeng Merewah

sebagai Yamtuan Muda Johor dan Daeng Parani sebagai Yamtuan Selangor kerana usaha mereka membantu Sultan untuk mendapatkan kembali kerajaan mereka.

Kegiatan politik semasa atau terkini kaum minoriti Bugis di Malaysia boleh dilihat di peringkat kampung seperti di KPK yang mempunyai penduduk yang majoritinya dari etnik Bugis. Mereka biasanya akan melantik ketua kampung dari golongan etnik mereka. Sementara dalam kegiatan politik yang lebih tinggi di Malaysia etnik Bugis tidak mempunyai satu parti politik sendiri. Ini adalah disebabkan mereka menganggap diri mereka dalam bangsa Melayu dan dengan itu memadai bagi mereka untuk menyertai parti politik etnik Melayu dan dalam konteks di Malaysia ialah UMNO.

### **1.11 Agama**

Pada asalnya masyarakat Bugis di Sulawesi mempercayai Tuhan yang digelar Dewa. Menurut Zulyani Hidayah (1997: 64), masyarakat Bugis di Sulawesi mempercayai dewa tertinggi iaitu yang dinamakan **Patoto 'e** (Dewa Yang Menentukan Nasib) atau **Dewata seuwa'e** (Dewa Yang Tunggal). Walaubagaimanapun Campell (1991: 230) mengatakan bahawa komuniti Bugis di Sulawesi pada asalnya beragama Buddha sebelum memeluk Islam. Komuniti Bugis dan Makassar telah meninggalkan kepercayaan asal mereka dan akhirnya memeluk Islam pada abad ke 16. Mereka diislamkan oleh Abdul Makmur, iaitu seorang Minangkabau pada abad ke 16 (<http://ms.wikipedia.org/wiki>). Menurut Pelras (1996:4), pada awal abad ke 17 orang-orang Bugis telah memeluk agama Islam bersama-sama orang-orang Aceh dan Minangkabau dari Sumatera, orang-orang Melayu dari Mindanao, orang-orang Banjar dari Borneo dan orang-orang Sunda dari Jawa Timur.

Setelah memeluk Islam orang-orang Bugis ini mempunyai identiti Islam yang kukuh dan Islam merupakan sebahagian dari budaya dan cara hidup mereka.

### **1.12 Adat dan Budaya**

Amalan adat dan budaya yang diwarisi oleh etnik Bugis sejak zaman berzaman kebanyakannya sudah ditinggalkan dan diasimilasikan dengan budaya lain serta ditambah dengan permodenan. Ini ada dinyatakan oleh Wilson di dalam Hayatie Untong (1996:2),

*Wahai umat Melayu, semuanya Tanah Semenanjung dan Kepulauan Indonesia, sama tanah pusaka datuk moyang kita orang Melayu. Nama Minangkabau, Bugis, Jawa, Brunei, Aceh, Lamapong, Palembang, Rawau, Kampar, Kelantan, Perak dan lain-lain itu bukannya nama bangsa ialah nama negeri. Bangsa tulen kita ialah Melayu.*

Memetik kata-kata Ibrahim Yaacob di dalam Nurul Huda (2003:10),

*Probably the largest group of Indonesian immigrants was the Minangkabau from Sumatera, the other major group are Bugis, Konichi, Rawa, Mandiling, Achehese and Batak. Since these immigrants were Moslems and were from a similiar cultural background, they could assimilate to the resident Malay population quite easily often through intermarriage Wilson (1967: 8)*

Ini amat bertepatan jika dikatakan bahawa komuniti etnik Bugis adalah mudah untuk memasuki dan menjalani kehidupan orang Melayu atau “masuk Melayu” kerana di dalam Perlembagaan Malaysia Melayu ditakrifkan sebagai orang yang bertutur Bahasa Melayu, menganut agama Islam dan mengamalkan cara hidup Melayu (Asmah Omar 1988: 42).



Di antara adat atau budaya Bugis atau yang mempunyai pengaruh budaya asal Bugis yang masih diamalkan oleh komuniti etnik Bugis di KPK ialah adat perkahwinan dan adat naik buai bagi bayi yang baru dilahirkan. Orang-orang Bugis juga amat menggalakkan perkahwinan sesama etnik atau di kalangan saudara mara mereka. Ini adalah disebabkan mereka mahu mengekalkan budaya dan bahasa mereka. Di samping itu mereka juga mahu kekayaan yang mereka perolehi dapat dikekalkan di kalangan keluarga sahaja.

Konsep budaya dalam masyarakat Bugis adalah berteraskan tiga konsep utama. Menurut Rosmini Sumsudin (1999:2) orang Bugis atau To Ugi memegang tiga konsep dalam kehidupan mereka iaitu **pisse** – sikap setiakawan yang kukuh, **siri**’ – harga diri dan maruah diri serta **syara** – syariat Islam. Berdasarkan tiga konsep utama ini menjadikan masyarakat Bugis hidup bermuafakat, mempunyai jati diri yang kuat di samping menjalani kehidupan mengikut landasan Islam.

Setelah melihat dari segi sejarah, politik, sosio-ekonomi, agama dan budaya komuniti Bugis kini beralih pula kepada asal-usul KPK atau sejarah KPK yang mana sampel penduduknya menjadi fokus di dalam kajian ini.

### **1.13 Sejarah Kampung Parit Keroma Pontian Johor**

Kampung Parit Keroma terletak di daerah Pontian dalam negeri Johor. Menurut cerita dari beberapa orang dari kampung ini seperti Ketua Kampung ini iaitu Encik Yusufa, bekas Ketua Kampung Tuan Haji Beduroding dan Imam kampung iaitu Tuan Haji Ismail orang pertama yang bertanggungjawab membuka perkampungan di kawasan Parit Keroma ialah seorang berketurunan Bugis yang bernama Daeng Madimeng Bin Daeng Patompok iaitu

pada tahun 1952. Beliau dikatakan telah berhijrah dari Tanah Ugi (Bugis) Sulawesi ke Tanah Melayu (Johor) dan telah membuka penempatan di Pontian, Johor setelah tiba dari Sulawesi.

Kampung ini dipercayai pada mulanya dinamakan sebagai Kampung Sungai Keroma berdasarkan kepada sebatang pokok kurma yang dijumpai di tepi sungai di kawasan perkampungan tersebut. Namun begitu pokok kurma tersebut mempunyai keganjilan iaitu ianya tidak pernah berbuah.

Pada tahun 1960 anak kepada Daeng Madimeng iaitu Daeng Mabela telah dilantik menjadi Ketua Kampung pertama kampung tersebut. Namun begitu nama kampung ini telah ditukar kepada Kampung Parit Keroma pada tahun 1962 bersempena dengan penubuhan Parti Kebangsaan Melayu Bersekutu atau UMNO pada 12 April 1962 dan ketua kampung pada masa itu ialah Tuan Haji Beduroding Bin Haji Sedekek. Beliau merupakan Ketua Kampung yang paling lama berkhidmat di kampung ini iaitu dari tahun 1962 hingga 2005. Jawatan beliau telah diambil alih oleh Encik Yusufa Bin Mustafa pada tahun tahun 2005.

Kampung Parit Keroma mempunyai keluasan lebih kurang empat kilometer persegi dan terletak dua puluh kilometer dari Bandar Pontian. Jumlah Penduduk kampung ini ialah hampir 300 ratus orang dan terdiri dari 80 keluarga. Majoriti penduduk kampung ini iaitu 95% adalah berketurunan Bugis dan 5% lagi adalah berketurunan Cina.

## 1.14 Kesimpulan

Komuniti Etnik Bugis di KPK adalah salah satu etnik minoriti yang tinggal di Malaysia di mana di dalamnya terdapat kepelbagaian bangsa dan budaya dan bahasa Melayu merupakan bahasa yang dominan. Oleh itu, kajian ini adalah untuk melihat pemilihan bahasa di kalangan komuniti Bugis di Kg.Parit Keroma yang asalnya dari kepulauan Sulawesi, Indonesia. Kajian ini adalah untuk melihat adakah berlakunya pemeliharaan dan pengalihan bahasa di kalangan mereka.

### 1.14.1 Peta Daerah –daerah di Johor

Berikut adalah peta negeri Johor iaitu terdiri dari 8 daerah dan Kampung Parit Keroma adalah terletak di daerah Pontian.




Peta 2: <http://johor.jkr.gov.my/2007/daerah.htm>

\* Kg Parit Keroma terletak di Daerah Pontian

### 1.14.2 Mukim-Mukim di Daerah Pontian

Berikut adalah mukim-mukim yang terdapat di daerah Pontian, Johor dan Kg Parit Keroma adalah terletak di Mukim Ayer Baloi.



Peta 3: [http://www.johordt.gov.my/mdp/sejarah\\_daerah\\_pontian.htm](http://www.johordt.gov.my/mdp/sejarah_daerah_pontian.htm)

\* Kg Parit Keroma terletak di Mukim Ayer Baloi

## BAB 2 : KAJIAN KEPUSTAKAAN

### 2.0 Pengenalan

Bab 2 ini ditulis adalah bertujuan untuk melihat teori-teori dan kajian-kajian yang relevan di dalam kajian pemilihan bahasa komuniti Bugis.

### 2.1 Bahasa Minoriti

Bahasa Bugis adalah fokus dalam kajian ini di mana pengkaji ingin melihat adakah pemeliharaan atau pengalihan berlaku ke atas penutur bahasa ini. Bahasa Bugis boleh dikatakan sebagai bahasa yang minoriti di Malaysia kerana jumlah penuturnya yang sedikit jika dibandingkan dengan bahasa majoriti iaitu bahasa Melayu.

*All other languages indigenous to South-East Asia can be classified as minority languages. Indonesia, Thailand, Burma, the three Indo-Chinese countries, and the Philippines have many large numbers of them, many occurring in the remote mountainous areas of these countries (Asmah Omar 1984: 98)*

Sebagai satu daripada bahasa minoriti yang wujud di Malaysia, penulis mendapati perlunya pemeliharaan bahasa ini daripada pupus. Sebagaimana menurut Thieberger di dalam Norhisham (1999: 3), bahasa golongan minoriti ini perlu dipelihara kerana bahasa tersebut merupakan salah-satu sumber semula jadi negara, keperluan sosial dan sebagai identiti negara. Menurut beliau lagi, bahasa golongan minoriti ini juga adalah satu corak dalam kepelbagaian bahasa yang mewarnai sesebuah negara dan bahasa ini dapat memainkan peranan sebagai pemeliharaan kebudayaan yang boleh membawa kepada kesejahteraan sosial individu serta asas kepada keadilan sosial.

## **2.2 Tekanan Bahasa**

Pengalihan dan perubahan bahasa adalah disebabkan oleh tekanan dari bahasa-bahasa lain yang lebih dominan atau lebih berkuasa. Weber (1991:296) membahagikan tekanan bahasa kepada enam tingkat iaitu stabil, di pinggiran, mulai pudar, nazak, suci dan mati. Berikut adalah penerangan berkenaan dengan keenam-enam tingkat bahasa.

### **2.2.1 Bahasa Stabil**

Kedudukan bahasa minoriti adalah di dalam keadaan stabil walaupun kedudukan georafinya agak terpencil. Kebanyakan bahasa yang tergolong dalam keadaan stabil mempunyai bilangan penutur yang besar yang tidak mengetahui bahasa lain serta tidak mengalami sebarang kesan buruk dalam kehidupan mereka ekoran daripada keadaan itu. Contoh bahasa dalam kategori ini ialah Afrikaan yang mempunyai lima juta penutur dan dituturkan di Afrika Selatan. Selain daripada itu, bahasa Cebuano yang dituturkan di Filipina dan jumlah penuturnya adalah 13 juta (Weber 1991: 296).

### **2.2.2 Di Pinggiran**

Kedudukan bahasa yang dipinggirkan ini adalah agak goyah kerana bilangan penuturnya yang semakin berkurang. Bahasa ini masih hidup walaupun bilangan penuturnya semakin menurun. Bilangan penuturnya yang eka bahasa adalah kecil dan semakin mengecil. Bahasa dalam kelompok ini ada yang mendapat bantuan kerajaan untuk menghindarinya daripada berlaku kepupusan dan ada yang terus tertindas dan dipinggirkan begitu sahaja. Contoh bahasa yang mendapat bantuan kerajaan adalah bahasa Maori dan Welsh di mana bahasa ini sudah diajar di sekolah-sekolah (Weber 1991:301). Manakala bahasa yang tertindas dan mendapat tekanan pemerintah seperti bahasa Melayu di Thailand dan bahasa

yang tidak dipedulikan adalah seperti bahasa minoriti (bahasa Austronesia) seperti Kayan, Kelabit, Kenyah yang dikatakan tidak mempunyai kepentingan di dalam masyarakat (Noor Aina 2004: 424).

### **2.2.3 Mulai Pudar**

Bahasa yang tergolong dalam kumpulan ini berada dalam situasi yang menyedihkan. Kesemua bahasa ini sudah mula pudar dan menghadapi zaman gelap sama ada dengan perlahan, cepat, atau riuh-rendah. Bilangan penutur eka bahasanya dianggap sangat kecil dan tersebar di sana-sini. Dalam kehidupan sehari-hari, mereka sudah tidak menggunakan dwi-bahasa. Contoh bahasa yang mulai pudar ialah kebanyakan bahasa Ameridia di benua Amerika dan semua bahasa penduduk asli Australia (Weber 1991: 301).

### **2.2.4 Nazak**

Bahasa daripada kategori nazak ialah bahasa yang dalam keadaan kritikal. Ini disebabkan bahasa ini sudah tidak dikenali kecuali oleh pakar bahasa dan beberapa penutur yang masih hidup. Kematian bahasa ini dapat dijangka dalam masa beberapa generasi. Untuk menangguhkan kematian bahasa ini ada keluarga atau kelompok menggunakan bahasa nazak sebagai kod rahsia di kalangan mereka. Contoh bahasa dalam kategori ini ialah bahasa Ainu di utara negeri Jepun yang mempunyai penutur natif seramai 500 orang sahaja. Bahasa Andaman juga adalah dalam kategori bahasa nazak di mana kurang daripada 200 orang penutur natif dan bahasa ini dituturkan di pulau Andaman/India (Weber 1991: 302).

### **2.2.5 Suci**

Bahasa ini dikatakan suci kerana penggunaannya di dalam domain agama. Walaupun ada bahasa dalam kategori ini yang pada mulanya tidak mempunyai penutur natif. Kebanyakan

paderi dan ahli teologi terpaksa mempelajarinya sebagai sebahagian daripada pendidikan keagamaan profesion mereka. Sebagai contoh bahasa Latin yang telah mati digunakan sebagai bahasa rasmi Vatican. Bahasa ini juga masih digunakan dalam gereja Roman Katholik. Selain daripada itu bahasa Sanskrit juga dianggap sebagai bahasa suci di India di mana ia digunakan oleh penganut agama Hindu (Weber 1991: 303).

### **2.2.6 Mati**

Bahasa dalam kategori ini terjadi apabila sudah tidak ada lagi penutur natif yang menuturkannya. Walaupun begitu banyak bahasa yang dianggap sudah mati masih dipelajari, dikaji dan dituturkan oleh pengkaji bahasa, arkeologi, sejarah, dan peminat bahasa. Sebagai contoh bahasa Cornish dikaji untuk mengenal peninggalan budaya Cornish yang telah pupus. Bahasa Cornish mati pada tahun 1777 di mana penutur natifnya yang terakhir telah meninggal dunia pada tahun tersebut (Weber 1991: 303).

Di akhir kajian ini nanti kita akan melihat di manakah tahap kedudukan bahasa Bugis sebagai bahasa minoriti di Malaysia. (Sila lihat 6.3).

Seterusnya kita beralih kepada penerangan apakah yang dimaksudkan dengan pemeliharaan dan pengalihan sesuatu bahasa.

## **2.3 Pemeliharaan dan Pengalihan bahasa – satu penerangan ringkas**

Fenomena pemeliharaan dan pengalihan bahasa ini adalah kajian yang berkaitan dengan kesan penggunaan bahasa kedua dan ketiga di dalam pertuturan sesebuah komuniti terhadap penggunaan bahasa ibunda sesuatu kumpulan etnik. Sebagaimana menurut Fasold di dalam Norhisham Osman (1999: 8):



*Pemeliharaan bahasa dan pengalihan bahasa adalah kesan jangka panjang pemilihan bahasa yang berlaku di dalam komuniti. Pada peringkat permulaan, berlaku pemilihan antara bahasa mana yang perlu digunakan dalam situasi atau domain tertentu. Lama-kelamaan salah satu bahasa tersebut langsung tidak digunakan lagi.*

Pemeliharaan dan pengalihan bahasa juga berkaitan dengan kestabilan atau perubahan sesuatu bahasa apabila wujud pertembungan dengan bahasa-bahasa lain. Fishman (1964:33):

*The study of language maintenance and language shift is concerned with the relationship between change or stability in habitual language use, on the one hand, and ongoing psychological, social or cultural processes, on the other hand, when populations differing in language are in contact with each other.*

Kajian-kajian pengalihan bahasa menunjukkan terdapat dua jenis perubahan yang berlaku kepada bahasa-bahasa minoriti apabila bertembung dengan bahasa-bahasa majoriti sesuatu komuniti (Lokasundari, 2004:59). Jenis perubahan pertama adalah perubahan dari segi linguistik dan jenis perubahan yang kedua adalah perubahan semulajadi sosiolinguistik di mana sesuatu bahasa etnik yang digunakan beransur-ansur berkurangan di dalam sesuatu fungsi atau dalam domain-domain tertentu.

Kajian Noor Aina & Mhd. Amin (2004) mengenai peralihan bahasa suku kaum Dusun di Ranau Sabah kepada bahasa Melayu di mana di dalam kajiannya didapati banyak perkataan Dusun dipinjam dari bahasa Melayu seterusnya diserapkan ke dalam bahasa Dusun. Di dalam kajian mereka ada diterangkan teori-teori perubahan bahasa seperti teori penyimpangan bunyi, teori fesyen dan ketidaktentuan rawak yang mengakibatkan perubahan sesuatu bahasa.

Kajian Rokhsana Bibi (2002) mengenai pemilihan bahasa komuniti Melayu Singapura yang merupakan kumpulan minoriti yang terbesar di Singapura telah mula menunjukkan peralihan bahasa daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris kerana kepentingan bahasa Inggeris dalam pelbagai bidang terutamanya dalam pendidikan dan ekonomi.

Kajian David (2001) mengenai etnik Sindhi menunjukkan pemilihan untuk berubah kepada bahasa lain dalam konteks komuniti Sindhi di Malaysia kepada Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu disebabkan oleh persekitaran di mana komuniti Sindhi tinggal dalam komuniti kelas pertengahan dan perniagaan di kawasan bandar yang melibatkan penggunaan Bahasa Inggeris dalam majlis-majlis sosial dan tidak sosial yang mereka sertai. Bagi generasi muda pula peranan rakan sebaya dalam pergaulan seharian mereka juga memainkan peranan dalam pemilihan bahasa semasa proses perubahan bahasa.

Kajian Norhisham (1999) mengenai komuniti Rajang Tanjong (di Sarawak) yang sedikit demi sedikit beralih daripada bahasa ibunda kepada bahasa Iban yang merupakan bahasa suku kaum yang majoriti dan bahasa Melayu yang merupakan bahasa pentadbiran dan pendidikan.

#### **2.4 Definisi Pemeliharaan, Pengalihan Bahasa dan Kepupusan Bahasa**

Apabila sesuatu kumpulan etnik minoriti itu masih menggunakan bahasa etnik mereka di dalam kehidupan seharian dan menguasai bahasa itu dengan cekap iaitu di dalam percakapan dan penulisan walaupun bahasa-bahasa lain mempunyai kepentingan di dalam komuniti, ia bermaksud pemeliharaan terhadap bahasa tersebut masih berlaku. Walaubagaimanapun apabila terdapat individu di dalam kumpulan etnik itu sudah tidak cekap menggunakan bahasa etnik mereka dan menggunakan bahasa lain sebagai alternatif

semasa berkomunikasi, ini bermaksud peralihan bahasa sudah berlaku (Fase, Jaspaert dan Kroon,1992a:4).

Di antara contoh yang dinyatakan oleh Fishman di dalam Clyne (2003:20) ialah peralihan bahasa yang telah berlaku di kalangan komuniti Austria di mana pada asalnya menggunakan bahasa Hungari tetapi telah beralih kepada bahasa Jerman yang lebih dominan dan berprestij.

Apabila sesuatu komuniti bahasa itu beralih kepada bahasa lain dan bahasa tersebut telah menggantikan bahasa ibundanya kemungkinan bahasa ibunda yang digunakan pada asalnya akan hilang atau pupus. Ini ditegaskan oleh Shameem (1994:403) :

*'Such movement away from the mother tongue or a particular language can lead to language loss and sometimes even language death'*

Peralihan bahasa tidak dapat lari dari istilah kehilangan bahasa dan kepupusan bahasa. Ini adalah kerana bermula dari peralihan dari satu bahasa ke bahasa lain lama-kelamaan akan berlaku kehilangan dan kepupusan terhadap bahasa yang pertama tadi.

Fase et al (1992:8), mengatakan kehilangan bahasa adalah merupakan kesan dari pengurangan penggunaan sesuatu bahasa di kalangan individu yang tidak lagi menggunakan bahasa minoriti mereka. Apabila sesuatu bahasa sudah tidak lagi dituturkan oleh sesebuah komuniti dan komuniti tersebut sudah beralih sepenuhnya kepada bahasa yang lain yang lebih dominan maka bahasa tersebut akan hilang atau pupus dalam dunia ini. Ini ditegaskan oleh Dorian di dalam Mohamad Subakir Mohd.Yasin (1998:37).

Beliau mengatakan bahawa kehilangan sesuatu bahasa berlaku apabila tiada seorang pun lagi penutur yang tinggal bagi sesetengah bahasa di dunia ini. Beliau juga mengatakan bahawa kehilangan bahasa adalah kerana pengalihan sepenuhnya kepada bahasa baru oleh sesebuah masyarakat.

Oleh yang demikian dapatlah dirumuskan bahawa bermula dari keadaan dwi-bahasa, pertukaran kod atau pengalihan kod, sehinggalah kepada pengalihan kepada sesuatu bahasa lain lama-kelamaan boleh menjadikan sesuatu bahasa itu hilang atau pupus di dunia ini.

## **2.5 Konsep-konsep penting dalam Pemilihan Bahasa**

### **2.5.1 Dwi Bahasa**

Di dalam negara yang berbilang bangsa dan bahasa, penduduknya tidak akan lari dari mengalami keadaan dwi bahasa atau berbilang bahasa. Sebagaimana menurut Ferguson (1959:325)

*In a multi ethnic and multi lingual society where two or more languages exist side by side, the use of the languages will vary according to their popularity. The more dominant language may be used more often in formal settings for example, for administration, law and education whereas the less dominant varieties may be used for informal every day interaction. The practice of using two or more languages is described as bilingualism. An individual who uses two or more languages is considered bilingual*

Menurut Landé dan Pascasio (1979: 218), kajian-kajian bilingualisme menunjukkan penutur dwi bahasa tidak perlu menguasai kesemua kecekapan di dalam kemahiran asas bertutur, mendengar, membaca dan menulis. Sebagai contohnya, penutur natif Filipina yang memahami dan bertutur bahasa Inggeris dengan baik tetapi tidak tahu membaca dan

menulis dalam bahasa Inggris dikatakan penutur dwi bahasa (Filipina-Inggris) di mana bahasa Filipina adalah dominan. Sebaliknya seseorang yang mahir dalam kedua-dua bahasa (Filipina-Inggris) mahupun kemahiran asas dikatakan sebagai penutur dwi bahasa yang seimbang (Lobleza Asuncion-Landé 1979: 218-219).

Apabila penutur di dalam komuniti di dalam sesebuah negara adalah dwi bahasa atau pelbagai bahasa, lama-kelamaan mereka akan menggunakan satu sahaja bahasa yang dominan dan ini mengakibatkan komuniti tersebut mengalami pengalihan bahasa. Perkara ini dinyatakan oleh Weinreich (1953:68):

*The use of two or more languages within one community is the rule rather than the exception in the world today. While on every continent there are groups that have been bilingual for centuries and are remaining so, there are always others in transition: bilingual towns, villages, or by neighbourhoods in which the habitual use of one language is being replaced by the habitual use of another. These communities are experiencing language shift*

Sebagai contoh kajian bahasa-bahasa di Britian (1985), pada asalnya terdapat empat kumpulan keluarga bahasa yang terdapat di Britain iaitu bahasa-bahasa Celtic (Irish, Scottish Gaelic, Welsh, Cornish), bahasa Latin dari keluarga Latin, keluarga bahasa Jermanik (English, Scots, Norse), keluarga bahasa Romanik (bahasa Perancis, bahasa Romani). Walaubagaimanapun bahasa yang masih dituturkan di Britain adalah bahasa Inggeris, Welsh dan Scottish Gaelic (Price, 1984:9).

### 2.5.2 Pertukaran kod/Pengalihan kod

Apabila seseorang penutur adalah dwi bahasa atau berbilang bahasa, code-switching atau pertukaran kod merupakan perkara yang mesti berlaku di dalam perbualan sama ada secara sedar atau tidak.

Vasseberg (1993: 64) menyatakan:

*Code-switching –the alternation of two languages within discourse –is a very important and salient aspect of bilingualism. It raises a large number of linguistic, psychological and sosial issues. These have been addressed from a variety of theoretical and methodological approaches*

Pertukaran kod adalah keadaan ujaran yang berselang-seli di dalam perbualan walaupun ke dua-dua bahasa mempunyai sistem tata bahasa yang berbeza. Gumperz mendefinisikan pertukaran kod (1982: 59) :

*‘The juxtaposition within the same speech exchange of passages of speech belonging to two different grammatical systems or subsystems’*

Saravanan (1993: 146) pula menyatakan :

*‘The phenomenon of code-switching is seen when a speaker switches from one language to another. Code-mixing takes place when one language is mixed with words or phrases from another language’*

Pertukaran kod juga boleh dikaitkan dengan domain kerana hubungan di antara keduanya membantu kita memahami apakah pilihan bahasa dan pertukaran kod di kalangan penutur dwi bahasa. Contohnya hubungan di antara variasi bahasa dengan elemen-elemen tuturan lain seperti interlokuter, peranan hubungan di antara mereka dan juga “setting”.

Menurut Vassberg (1993: 95) pertukaran kod yang berlaku di dalam sesuatu perbualan mempunyai fungsi-fungsi berikut seperti “emphasis” (untuk menekankan atau menegaskan sesuatu), “mitigation” (untuk memudahkan sesuatu) , “topic change” (pertukaran tajuk), “alignment” (sebagai persetujuan), “endorsement” (untuk mengesahkan sesuatu perkara) dan “involvement” (untuk melibatkan diri dalam perbualan).

Menurut Brockmann (1979: 162) di dalam kajiannya mengenai bahasa dan etnik di British Honduras, pada umumnya kumpulan etnik berkomunikasi sesama mereka menggunakan bahasa vernakular melainkan sekiranya ia bersesuaian menggunakan bahasa Inggeris. Di dalam komunikasi di luar etnik pula, seseorang akan menggunakan kod yang dikongsi bersama dengan sesuatu etnik yang memahami iaitu dengan siapakah dia hendak bercakap. Orang yang menjawab menggunakan bahasa yang ditujukan kepadanya. Oleh kerana kebanyakan penduduk etnik minoriti tidak mempunyai kesemua kecekapan utama dalam bahasa, corak-corak bahasa lain telah dibentuk iaitu seperti menggunakan bahasa yang diguna bersama kepada kumpulan tersebut atau seseorang berperanan sebagai penterjemah.

Oleh yang demikian, bolehlah dikatakan bahawa pertukaran kod merupakan satu strategi oleh penutur-penutur dwi bahasa atau berbilang bahasa untuk menjadikan perbualan mereka berjalan dengan berkesan dan berjaya.

### **2.5.3 Domain**

Dalam situasi dwi bahasa atau berbilang bahasa di sesebuah negara peranan domain adalah penting di dalam perlakuan bahasa seseorang penutur. Menurut Fishman (1964:37),

*‘The qualitative aspects of bilingualism are most easily illustrated in connection with the location of language maintenance and language shift in terms of domains of language behaviour’*

Beliau menambah lagi, kajian domain adalah untuk melihat dalam keadaan apakah sesuatu bahasa itu digunakan seperti variasi bahasa, dialek, gaya bahasa dan lain-lain. Baginya adalah sukar untuk mengklasifikasikan domain-domain perlakuan bahasa di dalam komuniti dwi bahasa.

Domain juga didefinisikan oleh Vasseberg (1993: 62),

*'Domains are theoretical constructs which include factors such as location, topic and participant'*

Sebagai contoh, di dalam kajian Vasseberg (1993: 62) bagi masyarakat Sepanyol di kawasan selatan barat-daya Amerika Syarikat di sekolah mereka menggunakan bahasa Inggeris tetapi bahasa Sepanyol digunakan di rumah. Begitu juga dengan penutur di Oberwart, Austria yang menggunakan bahasa Hungary di gereja manakala bahasa Jerman lebih digunakan sebagai bahasa persekolahan dan pekerjaan (Gal, 1979:106).

Di dalam bab 4 pengkaji akan melihat apakah bahasa yang digunakan oleh penutur komuniti Bugis di KPK dalam domain-domain seperti rumah, tempat kerja dan mengapakah mereka memilih bahasa tersebut.

## **2.6 Variabel-variabel yang menjadi faktor kepada pemilihan bahasa serta contoh-contoh kajian**

Penulis mendapati variabel-variabel yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana terdahulu ada yang mempunyai persamaan dan saling bertimbak-balik. Di sini penulis menyenaraikan



variabel-variabel yang mempunyai kaitan dengan kajian minoriti etnik Bugis dan memberikan contoh-contoh dapatan yang sesuai dan relevan.

### **2.6.1 Migrasi**

Faktor migrasi atau penghijrahan merupakan salah satu faktor yang paling penting dalam pengekalan dan pengalihan sesuatu bahasa etnik. Sesuatu komuniti etnik minoriti yang berhijrah ke satu tempat yang lain perlu mempelajari bahasa dominan sesuatu kumpulan itu untuk tujuan berkomunikasi, urusan seharian atau pekerjaan dan lain-lain lagi keperluan.

Menurut May (2002: 1)

*Language shift and loss is increasing exponentially in the world today as speakers 'shift' from speaking their first language to speaking the dominant language of the wider society in which they live. This process occurs for many minority language groups, but particularly for those who have migrated to another country*

Kumpulan imigrasi Itali yang berhijrah ke Australia pada abad ke 19 merupakan satu contoh yang baik untuk faktor migrasi ini. Pada mulanya mereka hanya menggunakan bahasa ibunda mereka sahaja dalam kehidupan seharian mereka. Namun begitu disebabkan oleh keperluan kehidupan di tempat yang baru seperti untuk tujuan komunikasi, urusan seharian dan kepupusan generasi pertama, kumpulan ini telah beralih ke bahasa Inggeris yang merupakan bahasa dominan di Australia (Clyne, 2003:13).

Migrasi boleh menyebabkan bahasa lain digunakan dan lama-kelamaan menjadi bahasa ibunda dan kehilangan bahasa ibunda asal mereka. Perkara ini turut berlaku kepada keluarga Palauan yang berhijrah ke Amerika Syarikat di mana mereka telah kehilangan

bahasa mereka dalam satu generasi kerana keperluan bahasa Inggeris sebagai bahasa yang dominan (Paulston, 1994:20).

## 2.6.2 Umur

Faktor umur juga memainkan peranan di dalam pemeliharaan dan peralihan bahasa. Kebiasaannya generasi tua lebih bersifat mengekalkan bahasa ibunda berbanding generasi muda. Mengikut Fasold (1984),

*'.....it has been argued that younger speakers are more easily assimilated into the wider society than older ones'.*

Weinreich (1953:94) mengatakan bahawa :

*A language shift is hardly ever so abrupt as to sever communication between age groups. What appears to be a discrete generation difference in mother tongues within a single family is projection of a more gradual age and language transition in the community. It can be assumed that the same reasons that lead an age group to shift to a new language usually compel its elders at least to learn that language. Thus language shifts are almost invariably preceded by widespread bilingualism*

Saxena (2002) di dalam kajiannya di Brunei telah menganalisis pembahagian umur dalam usaha untuk memahami tabiat penggunaan bahasa oleh kumpulan populasi tua dan muda. Perbezaan di antara penutur-penutur yang lebih tua menunjukkan mereka lebih menggunakan satu bahasa sebagai warisan, rumah, bahasa komuniti manakala penutur-penutur muda pula lebih menggunakan bahasa lain. Ini menunjukkan tanda-tanda pengalihan bahasa sedang berlaku.

### 2.6.3. Lakuan Identiti

Apabila seseorang cuba untuk menyertai sesuatu perbualan, maka akan berlakulah perubahan dalam pilihan-pilihan bahasa yang dia akan gunakan dalam perbualan tersebut. Beliau semestinya mahu diterima dalam kumpulan perbualan tersebut yang berkemungkinan besar berbeza bahasa yang digunakan dari bahasa pertuturan beliau. Dalam hal ini seseorang penutur itu terpaksa membuat pilihan untuk menukar dari bahasa yang digunakannya kepada bahasa sasaran atau bahasa perbualan kumpulan tadi.

Gal (1979: 3) mengatakan,

*“the process of language shift should be seen within a broader framework of expressively and symbolically used linguistic variation”*

Dalam hal ini, perbezaan pilihan bahasa oleh penutur-penutur adalah dihubungkan dengan penilaian status oleh kumpulan-kumpulan lain dengan bahasa yang sedia ada. Le Page & Tabouret –Keller di dalam Mohd. Subakir (1998:23) telah memperkenalkan konsep “acts of identity” (lakuan identiti). Le Page & Tabouret –Keller menegaskan bahawa

*Perubahan-perubahan linguistik menyebabkan berlakunya fenomena sosial. Lakuan-lakuan identiti ini membolehkan penilaian terhadap proses kemunculan dan kehancuran sesuatu identiti dan mengakibatkan peralihan bahasa atau pemeliharaan bahasa. Pada umumnya, lakuan bahasa digambarkan sebagai siri perlakuan identiti di mana manusia mendedahkan identiti peribadi mereka kepada peranan sosial dengan mencipta corak-corak untuk menyamai satu kumpulan atau kumpulan-kumpulan di mana dari masa ke masa mereka ingin diterima dalam kumpulan tersebut ( Le Page & Tabouret – Keller, 1985).*

Menurut kajian yang dijalankan oleh Mohamad Subakir Mohd.Yasin (1998) terhadap golongan etnik Jawa di Sungai Lang, mereka menukar bahasa Jawa ke bahasa Melayu di

atas faktor identiti supaya mereka dikenali sebagai orang Melayu dan diterima sebagai orang Melayu. Vasseberg (1993) juga di dalam kajian bahasa Alsatian di Alsace (Perancis) menunjukkan orang-orang Alsatian akan kehilangan identiti Jermanik mereka kerana beralih kepada identiti Perancis yang lebih berprestij.

#### **2.6.4 Etnolinguistik Vitaliti**

Etnolinguistik Vitaliti adalah tahap kesetiaan sesebuah kumpulan etnik terhadap bahasa etnik mereka. Giles et al (1977) mengatakan bahawa di antara variabel untuk menilai Etnolinguistik Vitaliti ialah status, ekonomi, kedudukan sosial, prestij sejarah dan status bahasa yang digunakan oleh komuniti.

Allard dan Landry mendefinisikan Etnolinguistik Vitaliti (1992: 172):

*'that which makes a group likely to behave as a distinctive and active collective entity in intergroup situations'*

Oleh itu dengan adanya Etnolinguistik Vitaliti ini sesuatu bahasa di dalam komunikasi antara sesama etnik itu boleh dijangka sama ada boleh berlaku pengekalan atau pengalihan. Etnolinguistik Vitaliti inilah juga membolehkan sesuatu kumpulan itu menunjukkan perbezaannya di dalam perhubungan sosial di antara kumpulan-kumpulan lain. Sekiranya Etnolinguistik Vitaliti sesuatu kumpulan etnik itu tinggi maka pengekalan bahasa etnik mereka akan menjadi tinggi berbanding dengan lain-lain kumpulan etnik yang Etnolinguistik Vitalitinya rendah.

Fishman dalam kajian sikap terhadap bahasa Yahudi penduduk yang berhijrah ke Amerika mengatakan:

*Yiddish provided a temporary pathway to English, to Americanization, to adjustment to American life and problems. At most, Yiddish provided a link with 'the old country' with family and friends still there, with countrymen now here, and with the ideological and philosophical differences that existed in Eastern European Jewish life (Fishman,1980: 47)*

Ini menunjukkan tahap kesetiaan kepada bahasa atau tahap Vitaliti mereka adalah rendah dan bahasa Yahudi mengalami pengalihan kerana penutur-penutur memilih menggunakan bahasa Inggeris.

Evans (1996:177), membuat kajian bahasa Sepanyol di kalangan penutur Mexico-Amerika yang dijalankan di Austin, Texas dan di Arizona menunjukkan tahap Vitaliti yang tinggi oleh penutur terhadap bahasa Sepanyol iaitu taat dan setia kepada bahasa Sepanyol dan ini menyebabkan bahasa mereka mengalami pengekalan.

### **2.6.5 Teori “Speech Accomodation”**

Teori Akomodasi Pertuturan ini telah diperkenalkan oleh Giles (1979). Teori ini memberi penjelasan tentang pilihan bahasa yang digunakan untuk mengurang atau meningkatkan jarak sosial di antara interlokuter di dalam kumpulan etnik yang berbeza. Ada penutur yang terpaksa mengalih bahasa atau menggunakan bahasa lain untuk berkomunikasi dengan penutur yang lain tetapi ada penutur yang lebih suka kekal menggunakan bahasanya sendiri dan ini menyebabkan jarak sosial yang lebih jauh dengan penutur lain. Ini juga dapat dikaitkan dengan Etnolinguistik Vitaliti yang dimilikinya adalah tinggi. Menurut David (1996), dalam kajian komuniti Sindhi di Malaysia generasi yang lebih tua lebih suka menyesuaikan diri dengan generasi yang lebih muda dengan menukar bahasa yang digunakan.

Myers Scotton (1983) mendapati bahawa generasi tua di Kenya, Afrika yang dwibahasa (bahasa Inggeris dan bahasa Swahili) adalah lebih suka memilih bahasa yang terkini (bahasa Inggeris) untuk berkomunikasi dengan generasi yang lebih muda. Sekiranya fenomena ini menjadi kebiasaan dalam sesebuah komuniti etnik maka pengalihan bahasa sesuatu etnik minoriti pasti akan berlaku. Sebaliknya, sekiranya sesuatu kumpulan etnik mempunyai Etnolinguistik Vitaliti yang tinggi mereka tidak akan membuat akomodasi dan akan mengekalkan bahasa etnik mereka.

Berdasarkan kajian André Kapanga (1998:284), “impak variasi bahasa dan teori akomodasi ke atas pemeliharaan bahasa” telah membuat analisis tiga bahasa sub-dialek Swahili yang dituturkan di Shaba, Zaire. Beliau mendapati lebih ramai penduduk yang menggunakan “Auxiliary Swahili” berbanding dengan bahasa standard Swahili. Bahasa standard Swahili hanya digunakan dalam tiga tempat iaitu siaran radio, gereja dan di kalangan pengguna yang menggunakan bahasa Standard. Ini adalah disebabkan tahap Vitaliti yang tinggi kepada bahasa dialek (auxiliary Swahili) dan tidak mahu membuat akomodasi dalam pertuturan mereka.

### **2.6.6 Kehadiran Datuk dan Nenek di rumah**

Datuk dan nenek serta moyang juga sebenarnya berperanan dalam usaha pengekalan dan pengalihan sesuatu bahasa etnik terutama apabila mereka tinggal bersama-sama dengan anak dan cucu mereka. David (1996) mendapati dalam usaha untuk menentukan pemeliharaan dan pengalihan bahasa di dalam sesebuah komuniti, adalah penting untuk kita mengkaji interaksi kumpulan generasi muda dengan kumpulan yang lebih tua. Kajian Holmes et al di dalam Ramachandran (2000:35) mengenai komuniti Greek di New Zealand menunjukkan bahasa yang digunakan oleh semua informan di rumah yang tinggal bersama-

sama datuk dan nenek menggunakan bahasa Greek. Clyne dalam kajiannya pada tahun 1996 di Australia mendapati di kalangan kumpulan-kumpulan imigran, datuk nenek terutamanya yang lahir di tanah asal mereka akan menggunakan bahasa dari komuniti mereka. Di antara bahasa yang digunakan ialah bahasa Arab, Kantonis, Croatia, Belanda, Jerman dan lain-lain (Clyne, 2003 : 23-24). Sebaliknya, ada kajian yang menunjukkan walaupun generasi tua masih lagi mengekalkan penggunaan bahasa komuniti etnik mereka tetapi tidak ada jaminan yang generasi muda dari komuniti etnik ini dapat mengekalkan bahasa tersebut. Putz di dalam Ramachandran (2000:35) di dalam kajian bahasa yang digunakan oleh orang Jerman Australia di Canberra menunjukkan bahawa kebanyakan daripada kanak-kanak menjawab dalam bahasa Inggeris apabila bercakap dengan ibu bapa mereka yang menggunakan bahasa Jerman.

#### **2.6.7 Perkahwinan Campur**

Perkahwinan Campur merujuk kepada perkahwinan bukan sesama etnik tetapi berkahwin dengan etnik lain atau komuniti lain. Perkahwinan campur juga memainkan peranan di dalam pengalihan sesuatu bahasa ke satu bahasa lain. Sebagai contoh Martin (1991) membuat kajian tentang pengalihan bahasa di kalangan orang Melayu Belait, iaitu satu etnik minoriti di Brunei mendapati bahawa peningkatan perkahwinan campur di antara kumpulan dominan Melayu dan etnik Minoriti Belait menyebabkan penggunaan secara meluas bahasa Melayu Brunei di kalangan suami-isteri. Bahasa Melayu Belait ini dipilih dan digunakan sehinggalah kepada anak-anak mereka. Kajian David (1996) dalam komuniti Sindhi di Malaysia juga mendapati bahawa 20% peningkatan perkahwinan campur juga menyebabkan pengalihan bahasa. Putz (1991:482) juga mendapati perkahwinan campur di kalangan kumpulan etnik minoriti Jerman di Canberra menyebabkan mereka beralih bahasa ke bahasa Inggeris.

Sebagai contoh yang diberi oleh Anderson (1999: 8), berkenaan dengan bahasa keluarga minoriti, sepasang suami-isteri yang mempunyai bahasa yang sama (bahasa minoriti) tetapi bukan bahasa majoriti di dalam masyarakat yang mereka tinggal adalah mempunyai situasi yang lebih mudah untuk mengekalkan bahasa mereka jika dibandingkan dengan pasangan berkahwin berlainan bahasa. Mereka membentuk kumpulan bahasa minoriti mereka sendiri serta budaya di dalam kepelbagaian bahasa budaya yang ada. Anak-anak dari keluarga ini boleh membezakan dengan jelas di antara rumah dan dunia luar.

### **2.6.8 Peranan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di Malaysia**

Di dalam sesebuah komuniti yang berbilang bahasa dan berbilang budaya adalah penting untuk memilih satu bahasa yang diterima oleh semua orang untuk menyatukan bangsa di dalam komuniti tersebut. Seterusnya bahasa itu menjadi simbol kepada identiti kebangsaan. Justeru itu pihak kerajaan dan pakar-pakar bahasa berusaha membentuk perancangan bahasa dalam sesebuah negara.

Menurut Asmah Omar, dalam perancangan bahasa Melayu (1993), Bahasa Melayu mempunyai syarat-syarat untuk memenuhi keperluan menjadi bahasa kebangsaan. Bahasa Kebangsaan yang melambangkan kedaulatan dan perpaduan negara harus mempunyai dua ciri berikut iaitu menjadi asas kebudayaan nasional dan menyatu-padukan rakyat.

Menurut Nik Safiah Karim, sejarah Perancangan Bahasa di Malaysia dikatakan berjaya. (<http://dbp.gov.my/dbp98/majalah/bahasa20/feb/j02sor.htm>). Bidang pendidikan dikatakan paling berjaya daripada semua domain penggunaan bahasa Melayu. Bahasa Melayu telah diiktiraf menjadi bahasa kebangsaan yang berjaya dalam beberapa domain utama penggunaan bahasa. Kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa



rasmī negara dan bahasa Inggeris sebagai bahasa dalam urusan antara bangsa telah mengatasi bahasa-bahasa etnik komuniti seperti Bugis, Jawa, Banjar dan lain-lain di Malaysia.

## **2.7 Kesimpulan**

Terdapat banyak faktor yang boleh menyumbang kepada pengekalan dan pengalihan sesuatu bahasa itu. Setelah melihat variabel-variabel tersebut seterusnya penulis akan beralih pula kepada jenis-jenis kaedah penyelidikan dalam kajian ini.

Universiti Malaysia


## BAB 3 : METODOLOGI

### 3.0 Pengenalan

Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan pemilihan bahasa oleh komuniti Bugis di Kg. Parit Keroma dan komuniti Bugis dari kampung itu yang telah menetap di Kuala Lumpur. Kajian ini juga adalah untuk menentukan sama ada etnik Bugis masih mengekalkan penggunaan bahasa mereka atau sedikit demi sedikit beralih dari bahasa Bugis ke bahasa-bahasa lain seperti bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.

Untuk menjawab persoalan kajian yang telah dinyatakan dalam bab satu beberapa kaedah dan pendekatan telah digunakan untuk menentukan pemilihan bahasa oleh etnik Bugis di KPK dan di Kuala Lumpur di dalam kajian ini. Ia termasuklah soal-selidik, merakamkan perbualan di rumah-rumah yang dilawati, menemu-bual responden tua dan pemerhatian (Sila rujuk Rajah 3.1).

**Rajah 3.1 Kaedah Penyelidikan**



### 3.1 Soal selidik

Untuk mengenalpasti apakah bahasa yang digunakan oleh etnik Bugis di domain rumah dan domain intra-komuniti satu senarai soal-selidik telah diberikan kepada 100 orang penduduk yang menetap di KPK. Selain daripada itu soal-selidik juga diberikan kepada 20 orang etnik Bugis yang berasal dari KPK dan sekarang menetap di sekitar Kuala Lumpur (Sila lihat Jadual 3.1 & 3.2 di bahagian Demografi Responden muka surat 54, 55).

Senarai soal-selidik ini adalah adaptasi dari soal-selidik yang dibuat oleh David (1996) tetapi diubah-suai mengikut kesesuaian untuk kajian ini (Sila rujuk Lampiran 1).

Di kalangan etnik Bugis terdapat beberapa orang yang tidak memahami bahasa Melayu standard dengan baik tetapi terlalu kecil bilangannya terutamanya golongan tua yang tidak pernah ke sekolah. Oleh sebab itu, soal-selidik disediakan dalam dua versi iaitu bahasa Melayu dan bahasa Bugis (transkripsi bukan tulisan Bugis) dan dibacakan oleh pengkaji kepada mereka (Sila rujuk Lampiran 2).

Soalan-soalan yang diberikan adalah meluas dan menyeluruh. Ianya bertujuan untuk mendapatkan gambaran responden mengenai penggunaan bahasa, sikap dan kecekapan di dalam bahasa etnik mereka. Jumlah item soalan adalah 49. Hanya 3 soalan terbuka dan selainnya adalah soalan tertutup supaya memudahkan responden menjawab soalan-soalan yang diberikan.

Soalan jenis peribadi atau sejarah responden ialah soalan 1 hingga 11. Taburan soalan adalah seperti berikut: Nama (Soalan 1), pekerjaan (Soalan 2), umur (Soalan 3), tempat lahir (Soalan 4), generasi satu, dua atau tiga (Soalan 5), jantina (Soalan 6), status perkahwinan (soalan 7), berapa tahun berada di Malaysia (Soalan 8), tempat tinggal

sebelum berpindah ke Malaysia (Soalan 9), berapa tahun berada di sekolah (Soalan 10) dan bahasa perantaraan yang digunakan di sekolah (Soalan 11).

Soalan 18 adalah untuk mengetahui sama ada responden tinggal dengan keluarga atau berasingan dari generasi yang menuturkan bahasa etnik ini. Soalan 19 adalah untuk mengetahui bagaimana bahasa Bugis dipelajari sama ada dari datuk nenek, ibu bapa dan sebagainya.

Soalan-soalan tersebut dibentuk adalah bertujuan untuk mendapatkan profil responden dan dengan itu penulis akan mendapat gambaran tentang hubungan di antara variabel-variabel ini dengan corak penggunaan bahasa. (Sila rujuk lampiran 1). Sebagai contoh, variabel seperti umur dan bahasa penghantar yang digunakan di sekolah boleh digunakan untuk menerangkan mengenai pilihan bahasa mereka.

### **3.1.1 Demografi Responden di Kampung Parit Keroma**

Seramai 100 orang responden telah dijadikan sampel di dalam kajian ini iaitu lebih kurang 30% dari jumlah keseluruhan penduduk etnik bugis di KPK. Mereka terdiri daripada 10 orang responden dari kumpulan pertama, iaitu yang berumur di antara 70-89 tahun, 30 orang responden dari kumpulan kedua, iaitu yang berumur di antara 50-69 tahun, 30 orang responden dari kumpulan ketiga iaitu yang berumur di antara 30-49 tahun dan 30 orang responden dari kumpulan keempat iaitu yang berumur di antara 10-29 tahun (Sila rujuk Jadual 3.1).

**Jadual 3.1** : Demografi Responden di KPK

Kumpulan	Umur	Jumlah	Peratus
1	70-89	10.0*	10.0
2	50-69	30.0	30.0
3	30-49	30.0	30.0
4	13-29	30.0	30.0
	Jumlah	100.0	100.0

**\*Kekurangan responden di peringkat umur 70-89 tahun kerana ramai di kalangan mereka sudah meninggal dunia.**

Dalam kajian ini penulis membahagikan responden kepada peringkat-peringkat umur tertentu dengan tujuan untuk mengenal pasti pemilihan bahasa etnik Bugis mengikut peringkat umur yang telah ditetapkan. Penulis tidak mengkategorikan mengikut generasi kerana terdapat seorang sahaja generasi pertama iaitu yang dilahirkan di tanah Bugis Sulawesi dan yang lainnya semua dilahirkan di Malaysia. Konsep generasi adalah penting dalam kajian pemeliharaan dan pengalihan bahasa. Walaubagaimanapun bukan mudah untuk mendefinisikan perkataan “generasi”. Nambiar (2002 : 22) dalam artikelnya “The construct of generation analytical implication for LMLS studies” mengatakan apabila kita merujuk kepada generasi kedua Malaysia, maksudnya ibu bapa mereka adalah orang Malaysia atau mereka telah berpindah ke sebuah negara yang telah diterima sebagai warganegara Malaysia. Sebagaimana yang telah diketahui tidak ada batasan umur yang tetap untuk mana-mana generasi sebagai satu konsep yang relatif. Dalam kebanyakan kajian pemeliharaan dan pengalihan bahasa, “generasi” dan “umur” diambil kira sebagai sinonim. Di sini adalah lebih tepat menggunakan kategori umur berbanding generasi.

### 3.1.2 Demografi Responden di Kuala Lumpur

Seramai 20 orang responden telah dijadikan sampel di dalam kajian ini iaitu lebih kurang 20% dari jumlah keseluruhan penduduk etnik Bugis yang berasal dari KPK yang kini menetap di sekitar Kuala Lumpur. Mereka terdiri daripada 3 orang responden daripada kumpulan umur 50-69, 10 orang responden yang berumur di antara 30-49 dan 7 orang responden bagi kumpulan umur 13-29. Responden yang dipilih bermula dari umur 13 hingga 69 tahun sahaja. Ini adalah disebabkan ibu bapa dan datuk nenek responden tinggal di KPK dan tidak mengikut anak-anak mereka berpindah ke Kuala Lumpur (Sila rujuk Jadual 3.2 ).

**Jadual 3.2** : Demografi Responden di Kuala Lumpur

Kumpulan	Umur	Jumlah	Peratus
1	50-69	3.0	15.0
2	30-49	10.0	50.0
3	13-29	7.0	35.0
	Jumlah	20.0	100.0


### 3.1.3 Jantina Responden di KPK

Dari segi jantina, terdapat 30% lelaki berbanding 70% wanita dalam kumpulan umur 70-89. Dalam kumpulan umur 50-69, 43.3% adalah lelaki dan 56.7% wanita. Bagi kategori umur 30-49 pula 36.7% lelaki dan 56.7% adalah wanita. Manakala dalam kumpulan umur 13-29, 40% adalah lelaki berbanding 60% wanita. (Sila lihat Jadual 3.3 dan Rajah 3.2).

**Jadual 3.3 : Jantina Responden di KPK**

		Jantina		Jumlah
		Lelaki	Perempuan	
Umur	70 - 89	3 30.0%	7 70.0%	10 100.0%
	50 - 69	13 43.3%	17 56.7%	30 100.0%
	30 - 49	11 36.7%	19 63.3%	30 100.0%
	13 - 29	12 40.0%	18 60.0%	30 100.0%
Jumlah		39 39.0%	61 61.0%	100 100.0%

**Rajah 3.2 : Jantina Responden di KPK**




### 3.1.4 Jantina Responden di KL

Dari segi jantina, dalam kumpulan umur 50-69, terdapat 2 orang lelaki dan seorang wanita. Dalam kumpulan umur 30-49, terdapat 4 orang lelaki dan 6 orang perempuan manakala dalam kumpulan umur 13-29 terdapat 4 orang lelaki dan 3 orang perempuan. (Sila lihat Jadual 3.4 dan Rajah 3.3).

**Jadual 3.4 : Jantina Responden di KL**

		Jantina		Jumlah
		Lelaki	Perempuan	
Umur	50-69	2 20.0%	1 10.0%	3 30.0%
	30-49	4 40.0%	6 60.0%	10 100.0%
	13-29	4 40.0%	3 30.0%	7 70.0%
Jumlah		10 50.0%	10 50.0%	20 100.0%

**Rajah 3.3 : Jantina Responden di KL**



### 3.1.5 Jenis Pekerjaan Responden di KPK

Berdasarkan rajah, dari kumpulan umur 70-89, seorang responden bekerja sendiri, 3 orang responden adalah pesara dan 6 orang responden adalah suri rumah. Dari kumpulan umur 50-69, 10 orang responden bekerja sendiri, 2 orang responden kakitangan swasta, 5 orang responden pesara dan 13 orang suri rumah. Dari kumpulan umur 30-49, 3 orang bekerja sendiri, 16 orang kaki tangan kerajaan, 7 orang kaki tangan swasta dan 4 orang suri rumah. Dari kumpulan umur 13-29, 11 orang kaki tangan kerajaan, 3 orang kaki tangan swasta dan 16 orang pelajar. Penduduk kampung ini mempunyai tanah sendiri dan mengusahakan pertanian seperti kelapa, nenas, kelapa sawit, pisang dan koko. Oleh sebab itu bilangan responden yang bekerja sendiri tinggi dalam kumpulan umur 50-69 iaitu sebanyak 33.3%.




Dalam kumpulan umur yang pertama kebanyakan responden lelaki adalah bekerja sendiri tetapi dalam usia yang sudah lanjut mereka sudah bersara dan anak-anak mereka yang meneruskan pekerjaan ini. Dalam kumpulan umur 30-49 dan 13-29 didapati semakin ramai responden yang bekerja sebagai kaki tangan kerajaan dan swasta kerana mempunyai pendidikan yang tinggi. Begitu juga bilangan responden wanita lebih ramai yang bekerja dari menjadi suri rumah. Apabila lebih ramai wanita bekerja kesannya ialah berlaku peralihan bahasa (Gal, 1979: 20). Ini kerana bahasa yang diperlukan di tempat kerja adalah bahasa Melayu dan juga pekerjaan yang memerlukan bahasa Inggeris sebagai contoh guru bahasa Inggeris. (Sila lihat Jadual 3.5 dan Rajah 3.4).

**Jadual 3.5 : Jenis Pekerjaan di KPK**


--	--	--	--	--	--

**Rajah 3.4:** Jenis Pekerjaan di KPK




### 3.1.6 Jenis Pekerjaan Responden di KL

Berdasarkan rajah di bawah, dalam kumpulan umur 13-29, 2 orang responden merupakan kakitangan swasta dan 5 orang responden masih belajar di sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi. Dalam kumpulan umur 30-49, 5 orang merupakan kakitangan kerajaan dan 3 orang kakitangan swasta. Dalam kumpulan umur 50-69, 2 orang adalah kakitangan kerajaan. Hanya 3 orang sahaja responden wanita yang tidak bekerja manakala yang lainnya bekerja di jabatan kerajaan dan swasta serta masih belajar. Ini adalah kerana semua responden yang bekerja mempunyai pendidikan yang tinggi sama ada dari dalam dan luar negara. (Sila rujuk Jadual 3.6 dan Rajah 3.5).

**Jadual 3.6: Jenis Pekerjaan di KL**

		Jenis Pekerjaan				Jumlah
		Kakitangan Kerajaan	Kakitangan Swasta	Suri Rumah	Pelajar	
Umur	50-69	2 66.6%	0 0%	1 33.3%	0 0%	3 100.0%
	30-49	5 50%	3 30%	2 20%	0 0%	10 100.0%
	13-29	0 0%	2 28.5%	0 0%	5 71.4%	7 100.0%
Jumlah		7 35%	5 25%	3 15%	5 2.5%	20 100.0%

**Rajah 3.5: Jenis Pekerjaan di KL**



### **3.1.7 Bahasa Pertama dan Tahap Kecekapan Bahasa**

Soalan 12 hingga 16 di dalam soal-selidik adalah untuk mengenalpasti pandangan responden terhadap pengetahuan dalam bahasa Bugis dan lain-lain bahasa.

Soalan 12 adalah pertanyaan mengenai bahasa pertama mereka, sementara soalan 13 untuk mengenalpasti sama ada bahasa pertama semasa kanak-kanak masih merupakan bahasa yang dikuasai sekarang. Soalan 14 untuk mengetahui bahasa selain daripada bahasa pertama yang dikuasai dengan baik. Soalan 15 dan 16 untuk mengenalpasti sama ada boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Bugis.

Soalan 17 adalah untuk mengetahui bahasa yang digunakan untuk membaca bahan-bahan bacaan. Soalan 45 adalah untuk mengetahui sama ada responden boleh berbincang isu-isu semasa dalam Bahasa Bugis atau tidak.

### **3.1.8 Pilihan Bahasa**

Soalan 21 adalah untuk mengetahui bahasa apakah yang digunakan di rumah responden iaitu antara suami-isteri, dengan anak-anak, adik-beradik, bapa, ibu saudara, ayah saudara, nenek dan datuk. Ini adalah untuk melihat corak pertuturan di dalam keluarga. Adakah mereka masih mengekalkan Bahasa Bugis atau sebaliknya? Ini adalah penting untuk melihat siapakah di kalangan keluarga yang masih meneruskan pengekalan bahasa etnik dan adakah wujudnya perbezaan penggunaan di kalangan kumpulan umur responden.

Soalan 22 adalah untuk melihat bahasa apakah yang digunakan oleh responden sekiranya tidak menggunakan bahasa Bugis. Soalan 23 adalah untuk melihat pilihan bahasa di tempat kerja.

Soalan 43 adalah untuk mengetahui apakah bahasa pilihan dari rancangan televisyen yang ditonton oleh responden. Soalan 44 pula adalah untuk mengetahui pilihan bahasa yang digunakan di dalam acara keagamaan atau berdoa oleh responden. Soalan 46 untuk melihat apakah bahasa yang digunakan oleh responden ketika marah. Soalan 47 adalah untuk melihat apakah bahasa yang digunakan oleh responden apabila menyatakan perasaan sayang. Soalan 48 apakah bahasa yang digunakan apabila berdoa di dalam hati dan soalan 49 apakah pula bahasa yang digunakan oleh responden ketika berfikir.

### **3.1.9 Sikap Terhadap Bahasa Bugis**

Sikap terhadap bahasa etnik responden dapat dilihat melalui soalan-soalan 24 hingga 40. Soalan 24 adalah untuk melihat adakah anak-anak responden lahir di Malaysia atau di tempat lain. Soalan 25 adalah untuk mengetahui adakah responden ingin anak-anak mereka mempelajari bahasa Bugis. Soalan 26 dan 27 adalah untuk mengetahui adakah responden ingin anak-anak mereka menggunakan bahasa Bugis serta meminta memberi sebabnya. Soalan 28 dan 29 adalah untuk mengetahui adakah responden merasa bahasa Bugis itu berguna atau tidak dan menyatakan sebab-sebabnya.

Soalan 30 adalah untuk mengetahui adakah responden dan anak-anak belajar bahasa Bugis secara formal. Soalan 31, 32 dan 33 adalah untuk mengetahui adakah tempat-tempat di

Malaysia yang difikirkan boleh mengekalkan penggunaan bahasa Bugis dan meminta menyatakan nama tempat tersebut serta apakah alasan responden.

Soalan 34 adalah ingin mengetahui siapakah kawan-kawan responden dan adakah mereka terdiri dari orang Bugis. Soalan 35 adalah untuk mengetahui apakah bahasa yang digunakan apabila berkomunikasi dengan mereka.

Soalan 36 adalah untuk mengetahui sama ada responden menganggap bahasa mereka sebagai identiti orang Bugis atau sebaliknya. Soalan 37 adalah untuk mengetahui daripada responden apakah identiti bangsa Bugis sekiranya bahasa Bugis bukanlah merupakan identiti.

Soalan 38 dan 39 adalah ingin mengetahui reaksi responden terhadap kahwin campur dan terangkan mengapa mereka menyatakan demikian. Soalan 40 adalah untuk mengetahui komuniti lain yang bergaul dengan responden.

### **3.1.10 Dasar Pendidikan Negara**

Soalan 41 dan 42 adalah untuk mengetahui sistem pendidikan yang dilalui oleh anak-anak responden dan menyatakan mengapa mereka membuat pilihan tersebut.

Kaedah yang digunakan seterusnya adalah merakamkan perbualan di rumah-rumah yang dikunjungi.

### **3.2 Merakamkan Perbualan di rumah-rumah Yang dikunjungi**

Tujuan rakaman perbualan di domain rumah dan domain intra-komuniti adalah untuk mendapatkan gambaran bahasa sebenarnya yang digunakan di dalam komuniti. Berdasarkan perbualan yang dirakamkan secara langsung oleh penulis yang mana kemudiannya didengarkan dan dijadikan transkripsi. Melalui transkripsi perbualan tersebut penulis menjadikannya sebagai rujukan untuk perbincangan. Berbanding dengan soal-selidik yang hanya memerlukan responden menjawab soalan-soalan secara bertulis di ruang jawapan yang disediakan.

Penulis telah merakamkan 21 perbualan di kalangan sesama etnik Bugis di dalam 15 buah rumah di KPK. Perbualan tersebut keseluruhannya mengambil masa 180 minit di mana tiada had masa ditentukan di dalam sesuatu perbualan. Kesemua perbualan yang dirakamkan ini adalah secara tidak formal dan tidak dirancang. Oleh itu, topik perbualan adalah bebas dan berkisar tentang aktiviti seharian komuniti Bugis. Rakaman perbualan yang dibuat adalah di kalangan pelbagai peringkat umur dan merentasi generasi. Rakaman perbualan ini kemudiannya ditranskripsikan untuk mendapatkan data-data. Data-data tersebut diperlukan untuk menganalisa penggunaan bahasa di kalangan komuniti Bugis di rumah.

#### **3.2.1 Analisis Transkripsi**

Analisis yang dibuat bukan berdasarkan transkripsi fonetik. Transkripsi yang dibuat ini adalah sebagai dokumen yang digunakan untuk melihat apakah bahasa dominan yang dituturkan, proses-proses yang berlaku seperti penukaran kod dan akomodasi.

### 3.3 Temu-bual dengan Responden Tua

Temu-bual yang dijalankan dengan responden yang lebih tua adalah perlu untuk mendapatkan maklumat tentang sejarah kedatangan orang Bugis di KPK dan bagaimana kampung ini dibuka dan diberi nama. Gambaran sosio-budaya boleh membantu dalam memahami pilihan bahasa oleh komuniti etnik Bugis ini. Berikut adalah nama lima orang responden yang telah ditemu-bual oleh penulis.

**Jadual 3.7:** Senarai Nama Responden yang ditemu-bual

NAMA	UMUR
1. Hjh. Indok Jenek Binti Hj. Daeng Pawarek	85 Tahun
2. Hj. Arshad B. Hj. Daeng Madimeng	70 Tahun
3. Hjh Tihak Binti Hj. Sedekek	70 Tahun
4.Hj. Beduroding Bin Hj. Sedekek	66 Tahun
5. Hj. Ismail Bin Hj Hanapi	65 tahun

### 3.4 Pemerhatian

Kajian ini dijalankan di kampung penulis sendiri iaitu di Kg. Parit Keroma, Pontian, Johor dan juga beberapa buah rumah etnik Bugis yang berasal dari KPK tetapi telah berhijrah dan menetap di sekitar Kuala Lumpur.

Terdapat lebih kurang lapan puluh buah rumah yang terdapat di KPK. Penulis telah membuat pemerhatian di dalam sepuluh buah rumah komuniti Bugis iaitu sepuluh keluarga etnik Bugis .



Objektif kajian etnografik menurut Hymes di dalam David (2001: 62) ialah untuk memerhatikan “siapa yang bercakap bahasa apa kepada siapa dan bila”. Ini adalah untuk mendapat gambaran pemilihan sesuatu bahasa etnik. Penulis telah melawat ke rumah jiran-jiran yang semuanya merupakan saudara-mara penulis semasa cuti persekolahan iaitu mengunjungi 10 buah rumah sebanyak dua kali setiap satu dan juga menghadiri majlis perkahwinan sebanyak dua kali di dua buah rumah. Penulis juga melawat dua buah rumah sebanyak dua kali untuk kenduri doa selamat. Penulis juga mengunjungi sebuah rumah dengan kekerapan sekali sahaja untuk kenduri naik buai. Pemerhatian penulis kemudiannya dicatatkan.

Aktiviti yang sama dilakukan dengan dua puluh orang etnik Bugis yang berada di sekitar Kuala Lumpur. Kunjungan dibuat terhadap 4 keluarga iaitu 4 buah rumah pada waktu hujung minggu serta berkumpul di rumah salah seorang daripada mereka apabila diadakan majlis perkahwinan dan kenduri doa selamat. Penulis mengunjungi kenduri doa selamat di KL di sebuah rumah saudara sebanyak sekali sahaja. Penulis juga mengunjungi sebuah rumah semasa majlis rumah terbuka Hari Raya iaitu dengan kekerapan sekali sahaja.

Responden yang diperhatikan di KPK terdiri daripada lelaki dan wanita dari semua peringkat umur. Iaitu bermula dari 13 tahun hingga 89 tahun. Walaubagaimanapun pemerhatian yang dijalankan ke atas komuniti Bugis yang menetap di Kuala Lumpur hanya berumur 13 tahun hingga 69 tahun sahaja kerana ibu bapa responden tidak tinggal bersama responden di Kuala Lumpur. Kesemua ibu bapa responden masih ada dan tinggal di KPK. (Sila rujuk Jadual 3.8 dan Jadual 3.9).

**Jadual 3.8** : Maklumat Pemerhatian Penulis di KPK dan di KL

	<b>Bilangan Rumah</b>	<b>Masa/Hari</b>	<b>Kekerapan</b>
Pemerhatian di KPK	10	Cuti persekolahan	2 kali
Pemerhatian di Kuala Lumpur	4	Ahad	2 kali

**Jadual 3.9** : Maklumat Pemerhatian Penulis di Majlis-majlis

	<b>Majlis</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Bilangan Rumah</b>
Pemerhatian di KPK	1.Perkahwinan	2 kali	2
	2.Kenduri Doa Selamat	2 kali	2
	3.Kenduri Naik buai	1 kali	1
Pemerhatian di K. Lumpur	1.Kenduri Doa Selamat.	1 kali	1
	2.Rumah Terbuka Hari Raya	1 kali	1

### 3.5 Kesimpulan

Metodologi yang digunakan adalah pelbagai untuk mengenal pasti apakah penggunaan bahasa oleh etnik Bugis di KPK dalam menjalani aktiviti seharian mereka. Di antaranya ialah soal-selidik, rakaman perbualan, temu-bual dengan responden tua dan pemerhatian. Dalam bab seterusnya penulis akan menunjukkan data-data yang diperolehi melalui kaedah-kaedah yang dijalankan. Penulis dalam bab seterusnya akan menunjukkan hasil dapatan daripada soal-selidik yang telah diperolehi daripada sampel kajian.

## **BAB 4 : DAPATAN KAJIAN**

### **4.0 Pengenalan**

Di dalam bab 3 penulis telah menghuraikan kesemua 49 item soalan dari senarai soalan soal-selidik yang diberikan kepada responden. Dalam bab ini pula, penulis akan menerangkan hasil dapatan daripada jawapan responden dari soal-selidik yang diberi.


### **4.1 Bahasa Pertama Responden**

Responden dari kumpulan umur 70-89 dan kumpulan umur 50-69 menunjukkan 100% menggunakan bahasa Bugis sebagai bahasa pertama. Hanya 3.3% sahaja jumlah responden dari kumpulan umur 30-49 yang menuturkan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dan 96.7% menggunakan bahasa Bugis. Perubahan atau penolakan dari penggunaan bahasa Bugis nyata sekali bagi responden dari kumpulan 13-29 kerana penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama menunjukkan 93.3% berbanding hanya 6.7% yang menggunakan bahasa Bugis. Ini jelas menunjukkan penolakan ketara penggunaan bahasa Bugis sebagai bahasa pertama merentasi umur (Sila lihat Jadual 4.1 dan Rajah 4.1).

**Jadual 4.1 : Bahasa Pertama Responden**

		Bahasa Pertama		Jumlah
		B.Melayu	B.Bugis	
Umur	70 - 89	0 .0%	10 100.0%	10 100.0%
	50 - 69	0 .0%	30 100%	30 100.0%
	30 - 49	1 3.3%	29 96.7%	30 100.0%
	13 - 29	28 93.3%	2 6.7%	30 100.0%
Jumlah		29 29.0%	71 71.0%	100 100.0%

**Rajah 4.1 : Bahasa Pertama Responden**



## 4.2 Penggunaan Bahasa di domain Rumah


### 4.2.1 Bahasa yang digunakan di rumah dengan suami/isteri

Data menunjukkan penggunaan bahasa Bugis di kalangan suami-isteri semakin menurun iaitu 88.9% kumpulan umur 70-89, 59.3% kumpulan umur 50-69, 3.4% kumpulan umur 30-49. Bagaimanapun, responden dari kumpulan umur 13-29 yang sudah berkahwin, iaitu seramai 6 orang, menunjukkan semua pasangan menggunakan 100% bahasa Melayu (Sila lihat Jadual 4.2 dan Rajah 4.2).

**Jadual 4.2:** Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Suami-isteri

		Bah. Pertuturan Di Rumah Dgn Suami/Isteri				Jumlah
		B Melayu	B Bugis	B Melayu + B Bugis	B Melayu + B Inggeris	
Umur	70-89	1 11.1%	8 88.9%	0 .0%	0 .0%	9 100.0%
	50-69	2 7.4%	16 59.3%	9 33.3%	0 .0%	27 100.0%
	30-49	19 65.5%	1 3.4%	7 24.1%	2 6.9%	29 100.0%
	13-29	6 100.0%	0 .0%	0 .0%	0 .0%	6 100.0%
Jumlah		28 39.4%	25 35.2%	16 22.5%	2 2.8%	71 100.0%

**Rajah 4.2:** Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Suami-isteri



#### **4.2.2 Bahasa yang digunakan dengan anak-anak**


Data menunjukkan dari kumpulan umur 70-89, seramai 70% responden menggunakan bahasa Bugis dengan anak-anak dan 30% responden menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Bugis. Dalam kumpulan umur 50-69, penggunaan bahasa Bugis oleh responden dengan anak-anak semakin berkurangan iaitu hanya 14.3% responden yang menggunakan bahasa Bugis. Responden yang menggunakan bahasa Melayu ialah 17.9% dan peningkatan sekali ganda penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Bugis oleh responden iaitu 67.9%. Dalam kumpulan umur 30-49 penggunaan bahasa Bugis semakin berkurangan iaitu 3.6%. Responden yang menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris mencatatkan peratusan yang sama iaitu 3.6%. Penggunaan bahasa Melayu oleh responden dengan anak-anak semakin meningkat iaitu 75%. Responden yang menggunakan bahasa Melayu dan Bugis dengan anak-anak semakin menurun iaitu 17.9%.

Dalam kumpulan umur 13-29 pula iaitu seramai 5 orang responden yang sudah berkahwin dan mempunyai anak mengatakan mereka menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya dengan anak-anak mereka di rumah (100% responden menggunakan bahasa Melayu). (Sila lihat Jadual 4.3 dan Rajah 4.3).

**Jadual 4.3 :** Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Anak-anak

		Bah. Pertuturan Di Rumah Dgn Anak-Anak				Jumlah
		B Melayu	Bugis	B Melayu + B Bugis	B Melayu + B Inggeris	
Umur	70-89	0 .0%	7 70.0%	3 30.0%	0 .0%	10 100.0%
	50-69	5 17.9%	4 14.3%	19 67.9%	0 .0%	28 100.0%
	30-49	21 75.0%	1 3.6%	5 17.9%	1 3.6%	28 100.0%
	13-29	5 100.0%	0 .0%	0 .0%	0 .0%	5 100.0%
Jumlah		31 43.7%	12 16.9%	27 38.0%	1 1.4%	71 100.0%

**Rajah 4.3 :** Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Anak-anak



#### 4.2.3 Bahasa yang digunakan dengan Ibubapa


Kesemua responden berumur 70-89 tidak menjawab soalan ini dan hanya mengatakan sudah tidak mempunyai ibu bapa. Dalam kumpulan umur 50-69, semua responden iaitu 100% responden menggunakan bahasa Bugis dengan kedua ibu bapa mereka. Dalam kumpulan umur 30-49, responden yang menggunakan bahasa Bugis dengan kedua bapa mereka semakin berkurangan (43.3%) dan responden yang menggunakan bahasa Melayu sahaja mencatatkan 23.3% manakala responden yang menggunakan kedua-dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Bugis adalah 33.3%. Bagi kategori umur 13-29, responden

yang menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya mencatatkan peratusan yang tertinggi iaitu 43.3% diikuti dengan penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Bugis oleh responden iaitu 36.7%. Manakala responden yang menggunakan bahasa Bugis sahaja hanya 6.7% sama dengan peratusan responden yang menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dan responden yang menggunakan bahasa Bugis, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris (Sila lihat Jadual 4.4 dan Rajah 4.4).

**Jadual 4.4 : Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Ibubapa**

		Bahasa Pertuturan Di Rumah Dengan Ibubapa					Jumlah
		B Melayu	Bugis	B Melayu + B Bugis	B Melayu + B Inggeris	B Melayu + B Bugis+ B Inggeris	
Umur	50 - 69	0 .0%	6 100.0%	0 .0%	0 .0%	0 .0%	6 100.0%
	30 - 49	7 23.3%	13 43.3%	10 33.3%	0 .0%	0 .0%	30 100.0%
	13 - 29	13 43.3%	2 6.7%	11 36.7%	2 6.7%	2 6.7%	30 100.0%
Jumlah		19 28.8%	21 31.8%	21 31.8%	2 3.0%	2 3.0%	66 100.0%

**Rajah 4.4 : Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Ibubapa**



#### 4.2.4 Bahasa yang digunakan dengan Nenek/Datuk

Berdasarkan graf, bahasa pertuturan yang digunakan oleh responden dengan datuk dan nenek dalam kategori umur 70-89 menunjukkan 100% penggunaan bahasa Bugis. Dalam kategori umur 50-69, 90.9 % responden menggunakan bahasa Bugis dan 9.1% sahaja dari kalangan responden yang menggunakan bahasa Bugis dan bahasa Melayu. Dalam kategori




umur 30-49, responden yang menuturkan bahasa Bugis menurun iaitu 65%, 25% dari responden menggunakan bahasa Bugis dan bahasa Melayu dengan datuk nenek mereka dan 10% responden menggunakan bahasa Melayu. Dalam kategori umur 13-29, tidak ada responden yang menggunakan bahasa Bugis sepenuhnya dengan datuk dan nenek mereka. Didapati 46.7% responden menggunakan bahasa Bugis bercampur dengan bahasa Melayu manakala 53.3% responden menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya dengan datuk dan nenek mereka (Sila lihat Jadual 4.5 dan Rajah 4.5).

**Jadual 4.5 : Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Nenek/Datuk**

		Bahasa Pertuturan Di Rumah Dengan Nenek/Datuk			Jumlah
		B Melayu	B Bugis	B Melayu + B Bugis	
Umur	70-89	0 .0%	1 100.0%	0 .0%	1 100.0%
	50-69	0 .0%	10 90.9%	1 9.1%	11 100.0%
	30-49	2 10.0%	13 65.0%	5 25.0%	20 100.0%
	13-29	8 53.3%	0 .0%	7 46.7%	15 100.0%
Jumlah		10 21.3%	24 51.1%	13 27.7%	47 100.0%

**Rajah 4.5 : Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Nenek/Datuk**




#### **4.2.5 Bahasa yang digunakan dengan Adik-beradik**

Rajah 4.6 menunjukkan bahawa bahasa pertuturan di rumah oleh semua responden dengan adik-beradik dalam kategori umur 70-89 adalah bahasa Bugis (100%). Dalam kategori umur 50-69, responden yang menggunakan bahasa Bugis adalah seramai 74.1% manakala 25.9% menggunakan bahasa Bugis dan bahasa Melayu. Bagi kategori umur 30-49, penggunaan bahasa Bugis turun mendadak kepada 4%, sementara 20% responden menggunakan bahasa Melayu dan Bugis. Responden cenderung menggunakan bahasa Melayu iaitu seramai 76%. Dalam kategori 13-29, bilangan responden menggunakan bahasa Melayu dengan adik-beradik mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 91.7% berbanding dengan penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Bugis serta bahasa Melayu dan bahasa Inggeris masing-masing mencatatkan 4.2% (Sila lihat Jadual 4.6 dan Rajah 4.6).

**Jadual 4.6** : Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Adik-beradik

		Bahasa Pertuturan Di Rumah Dengan Adik-Beradik				Jumlah
		B Melayu	B Bugis	B Melayu + B Bugis	B Melayu + B Ingeris	
Umur	70-89	0	8	0	0	8
		.0%	100.0%	.0%	.0%	100.0%
	50-69	0	20	7	0	27
		.0%	74.1%	25.9%	.0%	100.0%
	30-49	19	1	5	0	25
		76.0%	4.0%	20.0%	.0%	100.0%
	13-29	22	0	1	1	24
		91.7%	.0%	4.2%	4.2%	100.0%
Jumlah		41	29	13	1	84
		48.8%	34.5%	15.5%	1.2%	100.0%

**Rajah 4.6** : Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Adik-beradik



#### 4.2.6 Bahasa yang digunakan dengan Bapa/Ibu saudara


Berdasarkan data, responden yang menggunakan bahasa Bugis sepenuhnya dengan ibu dan bapa saudara mereka di rumah dalam kumpulan umur 70-89 mencatatkan 100%. Bagi kategori umur 50-69, seramai 80% responden masih menggunakan bahasa Bugis, seramai 13.3% responden menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Bugis dan seramai 6.7% menggunakan bahasa Melayu. Bagi kategori umur 30-49 pula, responden yang menggunakan bahasa Bugis dengan ibu atau bapa saudara mereka adalah 43.3%, manakala responden yang beralih menggunakan bahasa Melayu adalah 26.7% dan responden yang menggunakan bahasa Bugis dan Melayu adalah 30%. Bagi kategori generasi muda iaitu

lingkungan umur 13-29, responden yang menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 58.6%, sementara hanya 3.4% responden yang menggunakan bahasa Bugis dan 37.9% responden menggunakan bahasa Bugis dan bahasa Melayu (Sila lihat Jadual 4.7 dan Rajah 4.7).

**Jadual 4.7** : Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Bapa/Ibu saudara

		Bahasa Pertuturan Di Rumah Dengan Bapa/Ibu Saudara			Jumlah
		B Melayu	B Bugis	B Melayu + B Bugis	
Umur	70-89	0 .0%	8 100.0%	0 .0%	8 100.0%
	50-69	2 6.7%	24 80.0%	4 13.3%	30 100.0%
	30-49	8 26.7%	13 43.3%	9 30.0%	30 100.0%
	13-29	17 58.6%	1 3.4%	11 37.9%	29 100.0%
Jumlah		27 27.8%	46 47.4%	24 24.7%	97 100.0%

**Rajah 4.7** : Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Bapa/Ibu saudara



#### 4.2.7 Bahasa yang digunakan dengan Ahli keluarga dan Saudara- Mara


Tinjauan dari segi penggunaan bahasa Bugis di kalangan keluarga dan saudara-mara jelas menunjukkan penarikan diri dari penggunaan bahasa etnik dalam kumpulan umur 30-49 dan kumpulan umur 13-29. Pengalihan bahasa sudah bermula dari kumpulan umur 70-89

iaitu menggunakan bahasa Melayu dengan isteri mereka dan menggunakan kedua-dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan Bugis dengan anak-anak mereka. 88.9% penggunaan bahasa Bugis di antara suami-isteri dan 70% penggunaan bahasa Bugis dengan anak-anak. Dalam kumpulan umur 13-29 hanya 6.7% dari responden yang menggunakan bahasa Bugis dengan ibu bapa mereka dan 3.4% dari responden yang menggunakan bahasa Bugis dengan ibu atau bapa saudara mereka. Sudah tidak ada responden yang menggunakan bahasa Bugis dengan datuk dan nenek mereka atau adik-beradik mereka kerana semuanya sudah beralih kepada bahasa Melayu. Bagi responden yang sudah berkahwin pula sudah tidak ada dari kalangan mereka yang menggunakan bahasa Bugis dengan pasangan mereka dan anak-anak mereka (Sila lihat Jadual 4.8 dan Rajah 4.8).

**Jadual 4.8** : Penggunaan Bahasa Bugis di kalangan ahli keluarga di rumah

Kumpulan Umur	Suami-isteri	Anak-anak	Ibu-bapa	Adik-beradik	Datuk-nenek	Ibu/Bapa Saudara
70-89%	88.9%	70%	100%	100%	100%	100%
50-69%	59.3%	14.3%	100%	74.1%	90.9%	80%
30-49%	3.4%	3.6%	43.3%	4%	65%	43.3%
13-29%	0 %	0%	6.7%	0%	0%	3.4%

**Rajah 4.8:** Penggunaan Bahasa Bugis di kalangan ahli keluarga di rumah




### 4.3 Penggunaan Bahasa dalam Domain Pekerjaan

Dalam domain pekerjaan iaitu di tempat kerja bagi kategori umur 70-89, hanya seorang sahaja responden yang bekerja sendiri dan pekerjaanya adalah merupakan anaknya sendiri (ayah dan anak lelaki bekerja sendiri di ladang kelapa dan kelapa sawit ) bahasa yang dituturkan adalah bahasa Bugis dan bahasa Melayu dan bahasa dominan yang digunakan adalah bahasa Melayu. Bagi kategori umur 50-69, terdapat 50% responden yang menggunakan bahasa Melayu dengan pekerjaanya, 8.3% responden menggunakan bahasa Bugis dan 41.7% responden menggunakan bahasa Bugis dan Melayu. Bagi kategori umur 30-49, 100% responden menggunakan bahasa Melayu. Begitu juga dengan kategori umur 13-29, 100 % responden yang bekerja menggunakan bahasa Melayu dengan pekerjaanya (Sila lihat Jadual 4.9 dan Rajah 4.9).

**Jadual 4.9** : Bahasa yang digunakan di tempat kerja dengan pekerja

	Bahasa Di Tempat Kerja Dgn Pekerja			Jumlah
	B Melayu	Bugis	B Melayu + B Bugis	
Umur 70-89	0 .0%	0 .0%	1 100.0%	1 100.0%
50-69	6 50.0%	1 8.3%	5 41.7%	12 100.0%
30-49	3 100.0%	0 .0%	0 .0%	3 100.0%
13-29	2 100.0%	0 .0%	0 .0%	2 100.0%
<b>Jumlah</b>	11 61.1%	1 5.6%	6 33.3%	18 100.0%

**Rajah 4.9 :** Bahasa yang digunakan di Tempat Kerja dengan pekerja




#### 4.3.1 Bahasa di Tempat Kerja dengan Rakan Sekerja

100% responden dari kumpulan umur 70-89 menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Bugis. Di sini hanya seorang pekerja yang bekerja dengan anaknya sendiri dan bahasa dominan yang digunakan adalah bahasa Melayu. Dalam kumpulan umur 50-69, 78.6% daripada responden menggunakan bahasa Melayu dan 21.4% menggunakan bahasa Melayu dan Bugis. Bagi kategori umur 30-49, responden yang menggunakan bahasa Melayu adalah 88.5%, manakala bahasa Bugis, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dan Inggeris masing-masing mencatatkan peratusan yang sama iaitu 3.8%. Dalam kumpulan umur 13-29, responden yang bekerja menggunakan bahasa Melayu adalah seramai 71.4% dan 28.6% menggunakan bahasa Inggeris. Ini menunjukkan bahasa Melayu lebih digunakan di domain kerja (Sila lihat Jadual 4.10 dan Rajah 4.10).

**Jadual 4.10** : Bahasa Di tempat Kerja Dengan Rakan Sekerja

		Bahasa Di Tempat Kerja, Rakan Sekerja					Jumlah
		B Melayu	Bugis	B Inggeris	B Melayu + B Bugis	B Melayu + B Inggeris	
Umur	70 - 89	0 .0%	1 100.0%	0 .0%	0 .0%	0 .0%	1 100.0%
	50 - 69	11 78.6%	0 .0%	0 .0%	3 21.4%	0 .0%	14 100.0%
	30 - 49	23 88.5%	1 3.8%	1 3.8%	0 .0%	1 3.8%	26 100.0%
	13 - 29	10 71.4%	0 .0%	0 .0%	0 .0%	4 28.6%	14 100.0%
Jumlah		44 80.0%	2 2.6%	1 1.8%	3 5.5%	5 9.1%	55 100.0%

**Rajah 4.10** : Bahasa Di Tempat Kerja Dengan Rakan Sekerja



#### 4.3.2 Bahasa di Tempat Kerja Dengan Rakan Bugis

Bagi kategori umur 70-89, 100% responden menggunakan bahasa Bugis. Bagi kategori umur 50-69, seramai 92.9% responden menggunakan bahasa Bugis dan 7.1% yang menggunakan bahasa Melayu. Bagi kategori umur 30-49, responden yang menggunakan bahasa Bugis iaitu 36% sama dengan responden yang menggunakan bahasa Melayu dan Bugis, dan bahasa Melayu 28%. Manakala bagi kategori 13-29, daripada 14 orang yang




bekerja 71.4% menggunakan bahasa Melayu, 21.4% menggunakan bahasa Melayu dan Bugis manakala responden yang menggunakan Bugis hanya 7.1% sahaja. Ini menunjukkan dalam kategori umur 13-29 hanya seorang pekerja yang menggunakan bahasa Bugis sepenuhnya di mana responden masih boleh menggunakan bahasa Bugis dan akan berkomunikasi dengan rakan-rakan Bugisnya yang sama-sama bekerja di sebuah kilang (Sila lihat Jadual 4.11 dan Rajah 4.11).

**Jadual 4.11:** Bahasa di tempat Kerja dengan Rakan Bugis

		Bahasa Di Tempat Kerja Dengan Rakan Bugis			Jumlah
		B Melayu	Bugis	B Melayu + B Bugis	
Umur	70-89	0 .0%	1 100.0%	0 .0%	1 100.0%
	50-69	1 7.1%	13 92.9%	0 .0%	14 100.0%
	30-49	7 28.0%	9 36.0%	9 36.0%	25 100.0%
	13-29	10 71.4%	1 7.1%	3 21.4%	14 100.0%
Jumlah		18 33.3%	24 44.4%	12 22.2%	54 100.0%

**Rajah 4.11 :** Bahasa Di tempat Kerja Dengan Rakan Bugis



#### **4.4 Pengurangan Penggunaan Bugis dalam Fungsi-fungsi Bahasa yang Spesifik**

Berdasarkan rajah 4.13, 4.14, 4.15 pengurangan penggunaan bahasa Bugis dalam fungsi-fungsi bahasa yang tertentu adalah merentasi generasi dan umur.

##### **4.4.1 Bahasa Ketika Berdoa**

Pengkaji mendapati 100% responden mengatakan mereka menggunakan bahasa Arab ketika berdoa iaitu doa-doa selepas sembahyang dan doa-doa seharian seperti doa makan, doa sebelum tidur, doa sebelum memulakan perjalanan dan sebagainya. Segala bacaan semasa mengerjakan sembahyang juga adalah menggunakan bahasa Arab sepenuhnya. Bahasa Arab adalah dihubungkan dengan agama Islam di mana semua bacaan di dalam sembahyang dan doa-doa ditulis dalam bahasa Arab. Begitu juga ayat-ayat al Quran ditulis dalam bahasa Arab. Penulis juga mendapati kitab-kitab lama yang skripnya ditulis dalam bahasa Bugis. Doa-doa ditulis dalam bahasa Arab manakala penerangannya atau terjemahannya ditulis dalam bahasa Bugis. Biasanya keluarga dari komuniti Bugis akan memastikan anak mereka belajar membaca al Quran dengan mengajar sendiri anak mereka atau menghantar ke rumah jiran yang boleh membaca Quran dengan baik.

##### **4.4.2 Bahasa Ketika Marah**


Dalam kategori umur 70-89, 90% responden menggunakan bahasa Bugis ketika marah dan 10% yang menggunakan bahasa Melayu dan Bugis. Dalam kategori umur 50-69 responden yang menggunakan bahasa Bugis menurun sehingga 37.9%. Didapati 48.3% responden menggunakan bahasa Melayu dan Bugis. Manakala penggunaan bahasa Melayu oleh responden hanyalah 13.8% sahaja. Dalam kategori umur 30-49 pula, hanya 6.7% sahaja

responden yang menggunakan bahasa Bugis, dengan peningkatan kepada penggunaan bahasa Melayu iaitu 53.3% sementara 36.7% menggunakan bahasa Melayu dan Bugis. Terdapat 3.3% responden yang menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris ketika marah. Bagi kategori umur 13-29, hanya 3.3% menggunakan bahasa Bugis, 66.7% menggunakan bahasa Melayu, 6.7% menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Bugis, 23.3% menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris (Sila lihat Jadual 4.12 dan Rajah 4.12).

**Jadual 4.12:** Bahasa Ketika Marah

		Bahasa Ketika Marah				Jumlah
		B Bugis	B Melayu	B Melayu + B Bugis	B Melayu + B Inggeris	
Umur	70-89	9 90.0%	0 .0%	1 10.0%	0 .0%	10 100.0%
	50-69	11 37.9%	4 13.8%	14 48.3%	0 .0%	29 100.0%
	30-49	2 6.7%	16 53.3%	11 36.7%	1 3.3%	30 100.0%
	13-29	1 3.3%	20 66.7%	2 6.7%	7 23.3%	30 100.0%
Jumlah		23 23.2%	40 40.4%	28 28.3%	8 8.1%	99 100.0%

**Rajah 4.12 :** Bahasa Ketika Marah




#### 4.4.3 Menyatakan Sayang

Bagi kategori umur 70-89, seramai 60% responden menyatakan rasa sayang dengan menggunakan bahasa Bugis dan 40% responden menggunakan bahasa Melayu dan Bugis. Bagi kategori umur 50-69, responden yang menggunakan bahasa Bugis berkurangan kepada 31% dan sebaliknya menunjukkan peningkatan kepada penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Bugis iaitu 51.7%, penggunaan bahasa Melayu 13.8% dan bahasa Inggeris sebanyak 3.4%. Bagi kategori umur 30-49, penggunaan bahasa Melayu ketika menyatakan sayang meningkat kepada 73.3% manakala penggunaan bahasa Bugis semakin menurun iaitu hanya 6.7%. Penggunaan bahasa Melayu dan Bugis adalah 10%, bahasa Inggeris adalah 3.3%, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris 6.7% sama dengan penggunaan bahasa Bugis. Bagi kategori umur 13-29, pengalihan bahasa Bugis berlaku kerana tiada seorang responden pun yang menggunakan Bugis ketika menyatakan sayang. Bahasa Melayu telah mengambil alih bahasa etnik dengan mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 50% diikuti dengan bahasa Melayu dan Inggeris iaitu 43.3%. Seterusnya yang menggunakan bahasa Inggeris iaitu 6.7%. (Sila lihat Jadual 4.13 dan Rajah 4.13).

**Jadual 4.13:** Menyatakan Sayang

		Menyatakan Sayang					Jumlah
		B Bugis	B Melayu	B Inggeris	B Melayu + B Bugis	B Melayu + B Inggeris	
Umur	70-89	6 60.0%	0 .0%	0 .0%	4 40.0%	0 .0%	10 100.0%
	50-69	9 31.0%	4 13.8%	1 3.4%	15 51.7%	0 .0%	29 100.0%
	30-49	2 6.7%	22 73.3%	1 3.3%	3 10.0%	2 6.7%	30 100.0%
	13-29	0 .0%	15 50.0%	2 6.7%	0 .0%	13 43.3%	30 100.0%
Jumlah		17 17.2%	41 41.4%	4 4.0%	22 22.2%	15 15.2%	99 100.0%

**Rajah 4.13: Menyatakan Sayang**




#### 4.4.4 Bahasa Ketika Berdoa Dalam Hati

Bagi kategori umur 70-89, semua responden berdoa di dalam hati menggunakan bahasa Bugis (100%). Bagi kategori umur 50-69, terdapat penurunan penggunaan bahasa Bugis iaitu 65.5% kerana sebahagian daripada responden dalam kategori ini menggunakan bahasa Melayu 17.2% dan menggunakan bahasa Melayu dan Bugis iaitu dalam jumlah peratusan yang sama 17.2%. Bagi kategori umur 30-49, penurunan mendadak penggunaan bahasa Bugis oleh responden iaitu 6.7% kerana responden beralih kepada bahasa Melayu iaitu 83.3% manakala bahasa Melayu dan Inggeris digunakan oleh 10% daripada responden. Bagi kategori umur 13-29, tiada responden berdoa di dalam hati menggunakan bahasa Bugis tetapi bahasa Melayu mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 86.7%. Selebihnya menggunakan bahasa Melayu dan Bugis iaitu 3.3% dan bahasa Melayu dan Inggeris 10%. (Sila lihat Jadual 4.14 dan Rajah 4.14).

**Jadual 4.14 : Bahasa Ketika Berdoa Dalam Hati**

		Bahasa Ketika Berdoa Dalam Hati				Jumlah
		B Bugis	B Melayu	B Melayu + B Bugis	B Melayu + B Inggeris	
Umur	70-89	10 100.0%	0 .0%	0 .0%	0 .0%	10 100.0%
	50-69	19 65.5%	5 17.2%	5 17.2%	0 .0%	29 100.0%
	30-49	2 6.7%	25 83.3%	3 10.0%	0 .0%	30 100.0%
	13-29	0 .0%	26 86.7%	1 3.3%	3 10.0%	30 100.0%
Jumlah		31 31.3%	56 56.6%	9 9.1%	3 3.0%	99 100.0%

**Rajah 4.14 : Bahasa Ketika Berdoa Dalam Hati**



#### 4.4.5 Bahasa Ketika Berfikir


Bagi kategori umur 70-89, semua responden menggunakan bahasa Bugis ketika berfikir (100%). Bagi kategori umur 50-69, responden yang menggunakan bahasa Bugis telah menurun kepada 65.5% dan yang lainnya masing-masing menggunakan bahasa Melayu 17.2% dan bahasa Melayu dan Bugis 17.2%. Bagi kategori umur 30-49, penggunaan bahasa

Bugis menurun secara mendadak iaitu 10% kerana kebanyakan responden menggunakan bahasa Melayu iaitu 80%. 10% daripada responden yang lain menggunakan bahasa Melayu dan Bugis. Bagi kumpulan umur 13-29, tiada responden yang menggunakan bahasa Bugis ketika berfikir. 83.3% daripada responden menggunakan bahasa Melayu, hanya 3.3% menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Bugis. Manakala 13.3% menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris ketika berfikir (Sila lihat Jadual 4.15 dan Rajah 4.15).

**Jadual 4.15 : Bahasa Ketika Berfikir**

		Bahasa Ketika Berfikir				Jumlah
		B Bugis	B Melayu	B Melayu + B Bugis	B Melayu + B Inggeris	
Umur	70-89	10 100.0%	0 .0%	0 .0%	0 .0%	10 100.0%
	50-69	19 65.5%	5 17.2%	5 17.2%	0 .0%	29 100.0%
	30-49	3 10.0%	24 80.0%	3 10.0%	0 .0%	30 100.0%
	13-29	0 .0%	25 83.3%	1 3.3%	4 13.3%	30 100.0%
Jumlah		32 32.3%	54 54.5%	9 9.1%	4 4.0%	99 100.0%

**Rajah 4.15 : Bahasa Ketika Berfikir**



## 4.5 Tahap Kecekapan Bahasa Bugis

### 4.5.1 Membaca dalam Bahasa Bugis

Kecekapan membaca dalam bahasa Bugis menunjukkan kemerosotan yang amat ketara. Bagi responden dalam kumpulan umur 70-89, seramai 80% responden masih boleh membaca bahasa Bugis tetapi dalam kumpulan umur 50-69 peratusan menurun kepada 43.3%. Pada peringkat umur seterusnya iaitu 30-49 dan 13-29 menunjukkan 0% iaitu tidak ada seorang pun di kalangan kedua-dua kumpulan ini yang boleh membaca bahasa Bugis (Sila lihat Jadual 4.16).

**Jadual 4.16** : Membaca Bahasa Bugis

Umur	Bilangan Responden	Boleh Membaca Bahasa Bugis	Peratus
70-89	10	8	80
50-69	30	13	43.3
30-49	30	0	0
13-29	30	0	0
Jumlah	100	21	21

### 4.5.2 Menulis dalam Bahasa Bugis

Kecekapan menulis dalam bahasa Bugis juga hanya terhad kepada golongan yang lebih tua iaitu di peringkat umur 50-89 tahun. Hasil dapatan menunjukkan bagi kategori umur 70-89, 80% boleh menulis Bugis. Bagi kategori umur 50-69, responden yang boleh menulis Bugis menurun kepada 36.7%. Dua responden yang sebelumnya hanya boleh membaca tetapi tidak boleh menulis Bugis. Bagi peringkat umur 13-29, kesemua responden didapati sudah tidak boleh menulis dalam bahasa Bugis (Sila lihat Jadual 4.17).



**Jadual 4.17** : Menulis Bahasa Bugis

<b>Umur</b>	<b>Bilangan Responden</b>	<b>Boleh Menulis Bahasa Bugis</b>	<b>Peratus</b>
70-89	10	8	80
50-69	30	11	36.7
30-49	30	0	0
13-29	30	0	0
Jumlah	100	19	19

#### **4.5.3 Berbincang Isu Semasa Dalam Bahasa Bugis**

Kecekapan menggunakan bahasa Bugis dalam perbincangan isu-isu semasa di kalangan etnik Bugis semakin menurun iaitu berperingkat-peringkat mengikut kategori umur. Bagi kategori umur 70-89, 100% responden boleh berbincang isu semasa dalam bahasa Bugis. Bagi kategori umur 50-69, seramai 76.6% boleh berbincang isu semasa dalam Bugis. Bagi kategori umur 30-49, 40% daripada responden masih boleh berbincang isu semasa dalam Bugis. Bagi kategori umur 13-29, hanya 13.3% responden sahaja yang boleh berbincang isu-isu semasa dalam Bugis (Sila lihat Jadual 4.18).

**Jadual 4.18** : Berbincang Isu Semasa Dalam Bugis

<b>Umur</b>	<b>Bilangan Responden</b>	<b>Boleh Berbincang Isu Semasa Dalam B. Bugis</b>	<b>Peratus</b>
70-89	10	10	100
50-69	30	23	76.6
30-49	30	12	40
13-29	30	4	13.3
Jumlah	100	49	49

#### **4.6 Peranan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pengantar di Sekolah**

Penulis mendapati 100 % responden mengatakan bahasa pengantar mereka adalah bahasa Melayu di sekolah.

## 4.7 Persepsi dan Sikap Masyarakat Terhadap Identiti dan Bahasa Etnik Mereka

### 4.7.1 Bahasa Bugis Adalah Identiti kepada Orang Bugis

Soalan 36 bertujuan untuk melihat sama ada responden mempunyai kesedaran yang mereka adalah ahli di dalam kumpulan etnik Bugis. Ianya bertujuan untuk melihat hubungan di antara kesedaran terhadap identiti kumpulan etnik dan kepentingan menggunakan bahasa tersebut. Hasil dapatan menunjukkan hampir kesemua responden mengatakan bahawa bahasa Bugis adalah identiti kepada orang Bugis kecuali seorang atau 3.3% dari kumpulan umur 30-48 yang mengatakan tidak (Sila rujuk Jadual 4.19).

**Jadual 4.19** : Bahasa Bugis Adalah Identiti Kepada Orang Bugis

Umur	Bilangan Responden	B. Bugis Identiti Orang Bugis	Peratus
70-89	10	10	100
50-69	30	30	100
30-49	30	29	96.7
13-29	30	30	100
Jumlah	100	99	99

### 4.7.2 Responden Yang Mahu Anak Mereka Belajar Bahasa Bugis

Bagi kumpulan umur 70-89, kesemua responden inginkan anak mereka mempelajari bahasa Bugis (100%). Bagi kumpulan umur 50-69, 93.36% daripada responden bersetuju anak mereka belajar bahasa Bugis. Bagi kategori umur 30-49, 96.6% responden bersetuju. Seterusnya bagi peringkat umur 13-29, 60% daripada responden bersetuju anak mereka belajar bahasa Bugis. Ini menunjukkan peratusan tinggi atau sikap yang positif terhadap bahasa etnik mereka (Sila rujuk Jadual 4.20).

**Jadual 4.20** : Responden Yang Mahu Anak Mereka Belajar Bahasa Bugis

<b>Umur</b>	<b>Bilangan Responden</b>	<b>Anak Belajar B. Bugis</b>	<b>Peratus</b>
70-89	10	10	100
50-69	30	28	93.3
30-49	30	29	96.6
13-29	30	18	60
Jumlah	100	85	85

#### **4.7.3 Responden Yang Mahu Anak Mereka Menggunakan Bahasa Bugis**

Hasil dapatan menunjukkan kesemua dari kumpulan umur pertama mahu anak mereka menggunakan bahasa Bugis (100%). Seterusnya kumpulan umur 50-69, 83.3% responden ingin anak mereka menggunakan bahasa Bugis. Bagi kumpulan umur 30-49, responden yang mahu anak mereka menggunakan Bugis ialah seramai 86.6%. Bagi kumpulan umur 13-29, hanya 40% daripada responden mahukan anak mereka belajar Bugis. (Sila rujuk Jadual 4.21).

**Jadual 4.21** : Responden Yang Mahu Anak Mereka Menggunakan Bugis

<b>Umur</b>	<b>Bilangan Responden</b>	<b>Anak Guna B. Bugis</b>	<b>Peratus</b>
70-89	10	10	100
50-69	30	25	83.3
30-49	30	26	86.6
13-29	30	12	40
Jumlah	100	73	73

#### **4.7.4 Alasan Bersetuju Anak Mereka menggunakan Bugis**

Berdasarkan jadual, 80% responden bersetuju anak mereka menggunakan bahasa Bugis dengan alasan supaya mereka memahami sesuatu keturunan. Responden yang memberikan alasan untuk berkomunikasi dengan datuk nenek secara lebih berkesan adalah seramai 54%

manakala alasan untuk berkomunikasi dengan ibu bapa secara lebih berkesan adalah seramai 52%. Ini menunjukkan alasan anak mereka menggunakan bahasa Bugis adalah lebih kepada mahu memahami sesuatu keturunan daripada berkomunikasi dengan lebih berkesan. (Sila rujuk Jadual 4.23 dan Rajah 4.22).

**Jadual 4.22** : Alasan Bersetuju Anak Mereka menggunakan Bugis

<b>Alasan</b>	<b>Bil</b>	<b>Peratus</b>
Untuk Berkomunikasi Dengan Iubapa Secara Lebih Berkesan	52	52.0
Untuk Berkomunikasi Dengan Datuk Nenek Secara Lebih Berkesan	54	54.0
Untuk Memahami Sesuatu Keturunan	80	80.0

#### **4.7.5 Bahasa Bugis Berguna**

Kesemua responden dari kumpulan umur pertama bersetuju mengatakan bahasa Bugis adalah bahasa yang berguna. Begitu juga dengan kumpulan umur kedua iaitu 50-69, 100% responden mengatakan bahasa Bugis adalah bahasa yang berguna. Walaubagaimanapun peratus responden yang bersetuju bagi kategori 30-49 menurun kepada 80%. Seterusnya bagi kategori umur 13-29, 86.6% responden bersetuju mengatakan bahasa Bugis berguna (Sila rujuk Jadual 4.23).

**Jadual 4.23** : Bahasa Bugis Berguna

<b>Umur</b>	<b>Bilangan Responden</b>	<b>B. Bugis Berguna</b>	<b>Peratus</b>
70-89	10	10	100
50-69	30	30	100
30-49	30	24	80
13-59	30	26	86.6
Jumlah	100	90	90

#### **4.7.6 Alasan Mengatakan Bahasa Bugis Adalah Bahasa Yang Berguna**

86 orang daripada 100 orang responden bersetuju mengatakan bahasa Bugis adalah bahasa yang berguna. Masing-masing mempunyai alasan mengapa mereka bersetuju mengatakan bahasa Bugis adalah bahasa yang berguna. Data menunjukkan 40% daripada keseluruhan responden memberikan sebab mudah berkomunikasi sesama etnik Bugis, 31% mengatakan bahawa bahasa Bugis berguna sebagai lambang atau identiti orang Bugis, 4% memberikan sebab dapat mengenali sesuatu keturunan dan bahasa, 3% daripada responden mengatakan bahasa tersebut berguna untuk membaca kitab-kitab lama yang ditulis dalam tulisan Bugis, 2% mengatakan bahasa Bugis berguna sebagai warisan nenek moyang. Manakala sebab-sebab lain hanya menunjukkan 1% sahaja di mana responden mengatakan ia berguna untuk membaca sejarah Bugis, membaca kitab agama yang ditulis dalam tulisan Bugis. Selain daripada itu 1% juga mengatakan untuk menulis surat kepada saudara-mara di Tanah Bugis, Sulawesi yang mana mereka masih menggunakan tulisan Bugis. Responden juga memberikan sebab bahasa Bugis adalah bahasa ibunda dan perlu dipelihara iaitu 1%, sebab untuk memahami bahasa Bugis juga 1% dan 1% responden juga mengatakan bahasa Bugis mempunyai kepentingan yang tersendiri. Peratus tertinggi adalah kerana ia berguna untuk berkomunikasi sesama etnik Bugis dan seterusnya sebagai lambang atau identiti bangsa Bugis (Sila rujuk Jadual 4.24).

**Jadual 4.24** : Alasan Mengatakan Bahasa Bugis Adalah Bahasa Yang Berguna

Ya, Kerana	Jumlah Responden	Bil	Peratus
Baca kitab lama	100	3	3
Banyak Sejarah Bugis Di tulis Dalam Bahasa Bugis	100	1	1
Dapat Membaca Kitab Agama Dlm Bahasa Bugis	100	1	1
Ia warisan nenek moyang	100	2	2
Identiti orang Bugis	100	31	31
Mempunyai kepentingan yang tersendiri	100	1	1
Mengenali sesuatu keturunan dan bahasa	100	4	4
Mudah Berkomunikasi Sesama Bugis	100	40	40
Mudah untuk memahami bahasa bugis	100	1	1
Sebab bahasa ibunda dan perlu dipelihara	100	1	1
Untuk Menulis Surat Dalam B Bugis Kepada Saudara Mara Di Sulawesi	100	1	1
Jumlah	100	86	86

#### 4.7.7 Tidak Bersetuju Menggunakan Bahasa Bugis dan Alasannya

Hanya 7 orang daripada 100 orang responden yang tidak bersetuju anak mereka menggunakan bahasa Bugis. Hanya 4 orang responden (4%) mengatakan bahasa ini tidak mempunyai kepentingan. Manakala alasan lain ialah bahasa ini jarang digunakan, tidak difahami oleh semua orang dan semua urusan memerlukan bahasa Melayu. Responden yang memberikan alasan tersebut masing-masing hanya seorang sahaja (1%). Secara keseluruhannya data menunjukkan bilangan responden yang tidak bersetuju menggunakan bahasa Bugis adalah sedikit jumlahnya (Sila rujuk Jadual 4.25).

**Jadual 4.25** : Tidak Bersetuju Menggunakan Bahasa Bugis dan Alasannya

Tidak, Kerana	Jumlah Responden	Bil	Peratus
Tiada kepentingan	100	4	4
Tidak di fahami oleh semua orang	100	1	1
Bahasa ini jarang di gunakan	100	1	1
Semua urusan memerlukan bahasa Melayu	100	1	1
Jumlah	100	7	7


#### 4.7.8 Perkahwinan Campur

Responden juga diminta memberikan pandangan mereka mengenai perkahwinan campur. Dalam kumpulan umur 70-89, tidak ada responden yang menyokong kahwin campur. Responden yang tidak menyokong adalah seramai 40% berbanding yang tidak kisah 60%. Manakala dalam kumpulan umur 50-69, responden yang menyokong seramai 46.7%, responden yang tidak menyokong menurun kepada 20% dan responden yang tidak kisah seramai 33.3%. Bagi kumpulan umur 30-49 tidak ada responden yang tidak menyokong perkahwinan campur, 53.3% responden menyokong dan 46.7% responden mengatakan tidak kisah. Seterusnya dalam kumpulan umur 13-29, seramai 20% responden yang menyokong kahwin campur dan selebihnya 80% responden mengatakan tidak kisah. Ini menunjukkan masih terdapat generasi yang lebih tua yang mahukan anak atau cucu mereka berkahwin sesama etnik supaya bahasa dan budaya Bugis masih dapat dipelihara dan dipertahankan. Bagaimanapun generasi yang lebih muda lebih mengatakan tidak kisah atau lebih baik kahwin campur supaya dapat mengembangkan persaudaraan dan bergaul dengan komuniti yang lain (Sila lihat Jadual 4.26 dan Rajah 4.16).

**Jadual 4.26** : Kahwin Campur

		Kahwin Campur			Jumlah
		Menyokong	Tidak Menyokong	Tidak Kisah	
Umur	70-89	0 .0%	4 40.0%	6 60.0%	10 100.0%
	50-69	14 46.7%	6 20.0%	10 33.3%	30 100.0%
	30-49	16 53.3%	0 .0%	14 46.7%	30 100.0%
	13-29	6 20.0%	0 .0%	24 80.0%	30 100.0%
Jumlah	36 36.0%	10 10.0%	54 54.0%	100 100.0%	

**Rajah 4.16 :** Kahwin Campur



#### **4.8 Keputusan dan Analisis Data 20 orang etnik Bugis yang menetap di Kuala Lumpur**

##### **4.8.1 Bahasa Pertama Responden**


Ketiga-tiga responden dalam kumpulan umur 50-69 (100%) masing-masing menggunakan bahasa Bugis sebagai bahasa pertama kerana ibu bapa dan datuk nenek mereka masih menggunakan bahasa Bugis dalam kehidupan seharian mereka. Bagi kumpulan umur 30-49, 3 orang responden menggunakan bahasa Melayu dan 7 orang responden menggunakan bahasa Bugis sebagai bahasa pertama. Manakala bagi kumpulan umur 13-29, 5 orang responden yang merupakan pelajar dan dilahirkan serta dibesarkan di Kuala Lumpur menyatakan bahawa bahasa pertama mereka adalah bahasa Melayu. Walaubagaimanapun 2 orang responden yang dilahirkan dan dibesarkan di KPK tetapi sekarang ini bekerja di Kuala Lumpur menyatakan bahasa Bugis adalah bahasa pertama mereka (Sila rujuk Jadual 4.27 dan Rajah 4.17).



**Jadual 4.27** : Bahasa Pertama Responden

Umur	Bahasa Pertama		Jumlah
	B.Melayu	B.Bugis	
50-69	0 0%	3 100%	3 100%
30-49	3 30%	7 70%	10 100%
13-29	5 71.42%	2 28.57%	7 100%
Jumlah	8 40%	12 60%	20 100%

**Rajah 4.17** : Bahasa Pertama Responden



#### **4.9 Penggunaan Bahasa di domain Rumah**

##### **4.9.1 Bahasa Pertuturan Di Rumah Dengan Suami-isteri**


Bagi kategori umur 50-69, ketiga-tiga responden yang mempunyai pasangan Bugis menggunakan kedua-dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Bugis apabila berkomunikasi di rumah. Bagi kategori umur 30-49, 7 orang responden berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan pasangan masing-masing di mana pasangan masing-masing adalah orang Melayu dan 3 orang responden yang berkahwin sesama etnik Bugis

menggunakan bahasa Melayu dan Bugis apabila berkomunikasi. Dalam kategori umur 13-29 pula, 4 orang responden kesemuanya menggunakan bahasa Melayu dengan pasangan masing-masing walaupun ada 2 pasangan yang berkahwin sesama etnik Bugis (Sila rujuk Jadual 4.28 dan Rajah 4.18).

**Jadual 4.28** : Bahasa Pertuturan Di Rumah Dengan Suami-isteri

Umur	Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Suami-isteri		Jumlah
	B.Melayu	B. Melayu + B.Bugis	
50-69	0 0%	3 100%	3 100%
30-49	7 70%	3 30%	10 100%
13-29	4 100%	0 0%	4 100%
Jumlah	11 64.70%	6 35.30%	17 100%

**Rajah 4.18** : Bahasa Pertuturan Di Rumah Dengan Suami-isteri




#### 4.9.2 Bahasa Pertuturan Di Rumah Dengan Anak-anak

2 orang responden dari kumpulan umur pertama berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan anak-anak mereka dan seorang daripada mereka berkomunikasi dalam bahasa Melayu dan bahasa Bugis, walaupun pasangan adalah sesama etnik Bugis. Dalam kumpulan umur 30-49, 9 orang menggunakan bahasa Melayu dan seorang sahaja responden yang menggunakan bahasa Melayu dan Bugis dengan anak-anak mereka. Keempat-empat responden yang sudah berkahwin dan mempunyai anak menggunakan bahasa Melayu dengan anak mereka (Sila rujuk Jadual 4.29 dan Rajah 4.19).

**Jadual 4.29** : Bahasa Pertuturan Di Rumah Dengan Anak-anak

Umur	Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Anak-anak		Jumlah
	B.Melayu	B. Melayu + B.Bugis	
50-69	2 66.66%	1 33.34%	3 100%
30-49	9 90%	1 10%	10 100%
13-29	4 100%	0 0%	4 100%
Jumlah	15 88.23%	2 11.77%	17 100%

**Rajah 4.19** : Bahasa Pertuturan Di Rumah Dengan Anak-anak




#### 4.9.3 Bahasa Pertuturan Di Rumah Dengan Ibu bapa

Ketiga-tiga responden daripada kumpulan pertama menggunakan bahasa Melayu dan Bugis apabila berkomunikasi dengan ibu bapa kerana ibu bapa mereka boleh bertutur kedua-dua bahasa. Bagi kumpulan umur 30-49, 3 orang responden menggunakan bahasa Melayu dan 7 orang responden menggunakan kedua-dua bahasa kerana ibu bapa mereka adalah dwibahasa. Bagi kumpulan umur 13-29, kesemua responden berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu dengan ibu bapa mereka (Sila rujuk Jadual dan 4.30 Rajah 4.20).

**Jadual 4.30** : Bahasa Pertuturan Di Rumah Dengan Ibu bapa

Umur	Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Ibu bapa		Jumlah
	B.Melayu	B. Melayu + B.Bugis	
50-69	0 0%	3 100%	3 100%
30-49	3 30%	7 70%	10 100%
13-29	7 100%	0 0%	7 100%
Jumlah	10 50%	10 50%	20 100%

**Rajah 4.20** :Bahasa Pertuturan Di Rumah Dengan Ibu bapa




#### 4.9.4 Bahasa Pertuturan Di rumah dengan Datuk Nenek

Ketiga-tiga responden kumpulan pertama sudah tidak mempunyai datuk dan nenek. Bagi kumpulan umur 30-49, 2 orang responden yang masih mempunyai nenek di kampung menggunakan bahasa Bugis kerana nenek mereka tidak begitu fasih menggunakan bahasa Melayu. Ketujuh-tujuh responden yang mempunyai datuk nenek di kampung menggunakan bahasa Melayu dengan datuk dan nenek mereka kerana sudah tidak tahu bertutur dalam bahasa Bugis (Sila rujuk Jadual 4.31 dan Rajah 4.21).

**Jadual 4.31** : Bahasa Pertuturan Di rumah dengan Datuk Nenek

Umur	Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Datuk nenek			Jumlah
	B.Melayu	B. Melayu + B.Bugis	B. Bugis	
50-69	0 0%	0 0%	0 0%	0 0%
30-49	0 0%	0 0%	2 100%	2 100%
13-29	7 100%	0 0%	0 0%	7 100%
Jumlah	7 77.77%	0 0%	2 22.23%	9 100%

**Rajah 4.21** : Bahasa Pertuturan Di rumah Dengan Datuk Nenek




#### 4.9.5 Bahasa Pertuturan Dengan Ibu atau Bapa Saudara

Ketiga-tiga responden daripada kumpulan umur pertama menggunakan bahasa Melayu dan Bugis apabila berkomunikasi dengan ibu atau bapa saudara mereka kerana ibu bapa saudara mereka boleh berkomunikasi dalam kedua-dua bahasa. Bagi kumpulan umur 30-49, 8 orang responden berkomunikasi dalam bahasa Melayu dan 2 orang sahaja yang berkomunikasi menggunakan kedua-dua bahasa. Bagi kumpulan umur 13-29, kesemua responden menggunakan bahasa Melayu (100%) dengan ibu bapa saudara mereka (Sila rujuk Jadual 4.32 dan Rajah 4.22).

**Jadual 4.32** : Bahasa Pertuturan Dengan Ibu atau Bapa Saudara

Umur	Bahasa Pertuturan di Rumah dengan Ibu / Bapa Saudara			Jumlah
	B.Melayu	B. Melayu + B.Bugis	B. Bugis	
50-69	0 0%	3 100%	0 0%	3 100%
30-49	8 80%	2 20%	0 0%	10 100%
13-29	7 100%	0 0%	0 0%	7 100%
Jumlah	15 75%	5 25%	0 0%	20 100%

**Rajah 4.22** : Bahasa Pertuturan Dengan Ibu atau Bapa Saudara



#### **4.10 Penggunaan Bahasa di domain Pekerjaan**

100% responden menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa yang dominan di domain pekerjaan .

#### **4.11 Pengurangan Penggunaan bahasa Bugis dalam Fungsi Bahasa yang Spesifik**

##### **4.11.1 Bahasa Ketika Berdoa**

100% responden mengatakan bahasa yang digunakan apabila menunaikan sembahyang adalah bahasa Arab. Begitu juga dengan bacaan doa selepas sembahyang ataupun doa harian seperti doa sebelum makan, doa sebelum memulakan sesuatu pekerjaan, doa sebelum tidur, doa menaiki kenderaan dan lain-lain semuanya menggunakan bahasa Arab.

##### **4.11.2 Bahasa Ketika Marah**


Seorang responden dari kumpulan pertama menggunakan bahasa Melayu ketika marah dan 2 orang mengatakan apabila mereka marah dengan pasangan mereka, mereka lebih suka

menggunakan bahasa Bugis kerana anak mereka tidak berapa memahami tetapi mereka menggunakan bahasa Melayu dan Bugis apabila memarahi anak-anak mereka. Bagi kumpulan umur 30-49, 7 orang menggunakan bahasa Melayu ketika marah dan 3 orang menggunakan bahasa Melayu dan Bugis. Bagi kumpulan umur 13-29 kesemua responden marah menggunakan bahasa Melayu (Sila rujuk Jadual 4.33 dan Rajah 4.23).

**Jadual 4.33** : Bahasa Ketika Marah

Umur	Bahasa Ketika Marah		Jumlah
	B.Melayu	B. Melayu + B.Bugis	
50-69	1 33.33%	2 66.67%	3 100%
30-49	7 70%	3 30%	10 100%
13-29	7 100%	0 0%	7 100%
Jumlah	15 75%	5 25%	20 100%

**Rajah 4.23** : Bahasa Ketika Marah






### 4.11.3 Menyatakan Sayang

Seorang responden daripada kumpulan umur 50-69 menyatakan sayang menggunakan bahasa Melayu dan 2 orang responden menggunakan bahasa Melayu atau Bugis kepada pasangan mereka atau anak-anak mereka. Bagi kumpulan umur 30-49, 6 orang responden lebih suka menyatakan sayang menggunakan bahasa Melayu dan 4 orang daripada mereka menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris apabila menyatakan sayang. Bagi kumpulan umur 13-29, 3 orang menyatakan sayang menggunakan bahasa Melayu manakala 4 orang lagi menyatakan sayang menggunakan bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (Sila rujuk Jadual 4.34 dan Rajah 4.24).

**Jadual 4.34** : Menyatakan Sayang

Umur	Menyatakan Sayang			Jumlah
	B.Melayu	B. Melayu + B.Bugis	B. Melayu + B. Inggeris	
50-69	1 33.33%	2 66.67%	0 0%	3 100%
30-49	6 60%	0 0%	4 40%	10 100%
13-29	3 42.85%	0 0%	4 57.15%	7 100%
Jumlah	10 75%	2 25%	8 0%	20 100%

**Rajah 4.24** : Menyatakan Sayang




#### 4.11.4 Bahasa Ketika berdoa Dalam hati

Dalam kumpulan umur 50-69, seorang responden mengatakan bahawa dia berdoa di dalam hati menggunakan bahasa Melayu tetapi 2 orang responden menggunakan bahasa Melayu dan Bugis. Dalam kumpulan umur 30-49, 7 orang responden berdoa di dalam hati menggunakan bahasa Melayu dan 3 orang reponden menggunakan bahasa Melayu dan Bugis. Dalam kumpulan umur seterusnya iaitu 13-29, ketujuh-tujuh responden memilih menggunakan bahasa Melayu ketika berdoa di dalam hati (Sila rujuk Jadual 4.35 dan Rajah 4.25)

**Jadual 4.35** : Bahasa Ketika Berdoa Dalam Hati

Umur	Bahasa Ketika Berdoa Dalam Hati		Jumlah
	B.Melayu	B. Melayu + B.Bugis	
50-69	1 33.33%	2 66.67%	3 100%
30-49	7 70%	3 30%	10 100%
13-29	7 100%	0 0%	7 100%
Jumlah	15 75%	5 25%	20 100%

**Rajah 4.25** : Bahasa Ketika Berdoa Dalam Hati




#### 4.11.5 Bahasa Ketika Berfikir

Dalam kategori umur 50-69, seorang responden berfikir menggunakan bahasa Melayu dan 2 orang lagi responden menggunakan bahasa melayu dan Bugis. Dalam kategori umur 30-49, 7 orang responden menggunakan bahasa Melayu dan 3 orang menggunakan bahasa Melayu dan Bugis ketika berfikir. Seterusnya, kesemua responden iaitu 7 orang berfikir menggunakan bahasa Melayu (Sila rujuk Jadua 4.36 dan Rajah 4.26).

**Jadual 4.36** : Bahasa Ketika Berfikir

Umur	Bahasa Ketika Berfikir		Jumlah
	B.Melayu	B. Melayu + B.Bugis	
50-69	1 33.33%	2 66.67%	3 100%
30-49	7 70%	3 30%	10 100%
13-29	7 100%	0 0%	7 100%
Jumlah	15 75%	5 25%	20 100%

**Rajah 4.26** : Bahasa Ketika Berfikir



## 4.12 Tahap Kecekapan Bahasa Bugis

### 4.12.1 Kebolehan Dalam Membaca dan Menulis Bugis

Penulis mendapati 100% responden sudah tidak boleh membaca dan menulis dalam bahasa Bugis. Ini merupakan kemerosotan yang amat ketara kerana tidak ada seorang pun responden yang mempunyai kemahiran tersebut.

### 4.12.2 Berbincang Isu Semasa Dalam Bahasa Bugis

Dalam kumpulan umur pertama kesemua responden masih boleh berbincang isu semasa dalam bahasa Bugis. Bagaimanapun, dalam kumpulan umur 30-49, 3 orang responden sahaja yang boleh berbincang isu semasa dalam bahasa Bugis dan tidak ada seorang pun responden (0%) yang boleh berbincang isu semasa dalam bahasa Bugis bagi kumpulan umur 13-29 (Sila rujuk Jadual 4.37).

**Jadual 4.37** : Berbincang Isu Semasa Dalam Bahasa Bugis

Umur	Bilangan Responden	Boleh Berbincang Isu Semasa Dalam B. Bugis	Peratus
50-69	3	3	100
30-49	10	3	30
13-29	7	0	0
Jumlah	20	6	30

### 4.13 Peranan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pengantar di Sekolah

100% responden iaitu 20 orang responden mengatakan bahawa bahasa Melayu adalah bahasa pengantar semasa mereka bersekolah di sekolah Kebangsaan dan Menengah.

#### 4.14 Bahasa Bugis Adalah Identiti kepada Orang Bugis

Penulis mendapati 100% atau kesemua 20 responden bersetuju mengatakan bahasa Bugis adalah identiti kepada orang Bugis kerana menurut mereka melalui bahasa dan cara pertuturan mereka dikenali sebagai orang Bugis.

##### 4.14.1 Responden Yang Mahu Anak Mereka Belajar dan menggunakan Bahasa Bugis

Bagi kumpulan umur 50-69, kesemua responden bersetuju anak mereka belajar dan berkomunikasi dalam bahasa Bugis. Bagi kumpulan umur 30-49, 7 orang daripada mereka bersetuju tetapi 3 orang tidak bersetuju. Manakala bagi kumpulan umur 13-29, hanya 2 orang responden sahaja yang bersetuju anak mereka belajar dan menggunakan bahasa Bugis dan 5 orang responden tidak bersetuju (Sila rujuk Jadual 4.38).

**Jadual 4.38 :** Responden Yang Mahu Anak Mereka Belajar dan Menggunakan Bahasa Bugis

Umur	Bilangan Responden	Mahu Anak Mereka Belajar dan Menggunakan Bahasa Bugis	Peratus
50-69	3	3	100
30-49	10	7	21
13-29	7	2	28.57
Jumlah	20	12	60

##### 4.14.2 Alasan Bersetuju Anak Mereka menggunakan Bugis

Berikut adalah alasan mengapa responden bersetuju anak mereka belajar dan menggunakan bahasa Bugis. Terdapat 10 orang responden mengatakan tujuannya adalah untuk berkomunikasi dengan ibu bapa secara lebih berkesan, 8 orang daripada responden mengatakan tujuannya adalah untuk berkomunikasi dengan datuk nenek secara lebih

berkesan. 12 orang daripada responden bersetuju dengan tujuan untuk memahami lebih mendalam tentang keturunan Bugis (Sila rujuk Jadual 4.39).

**Jadual 4.39:** Alasan Bersetuju Anak Mereka menggunakan Bugis

Alasan	Jumlah Responden	Bil	Peratus
Untuk Berkomunikasi Dengan Ibumama Secara Lebih Berkesan	20	10	50
Untuk Berkomunikasi Dengan Datuk Nenek Secara Lebih Berkesan	20	8	40
Untuk Memahami Sesuatu Keturunan	20	12	60

#### 4.14.3 Bahasa Bugis Berguna

Secara keseluruhannya 12 orang responden daripada 20 bersetuju mengatakan bahasa Bugis adalah bahasa berguna, iaitu ketiga-tiga responden daripada kumpulan 50-69, 7 orang daripada 10 orang responden dalam kumpulan 30-49 dan 2 orang daripada 7 orang responden daripada kumpulan 13-29 (Sila rujuk Jadual 4.40).

**Jadual 4.40 :** Bahasa Bugis Berguna

Umur	Bilangan Responden	Bersetuju Bahasa Bugis adalah Bahasa Berguna	Peratus
50-69	3	3	100
30-49	10	7	70
13-29	7	2	28.57
Jumlah	20	12	60

#### 4.14.4 Alasan Mengatakan Bahasa Bugis Adalah Bahasa Yang Berguna

Berikut adalah alasan-alasan mereka yang mengatakan bahasa Bugis adalah bahasa yang berguna. 6 orang responden mengatakan bahasa Bugis berguna sebagai alat yang memudahkan mereka berkomunikasi sesama etnik Bugis. 2 orang responden mengatakan bahasa Bugis berguna sebagai identiti kepada orang Bugis. 3 orang responden mengatakan bahasa Bugis adalah alat berkomunikasi dengan etnik Bugis yang tidak tahu menggunakan bahasa Melayu dan seorang responden yang pernah belajar di Indonesia mengatakan ianya amat berguna terutama apabila berada dalam komuniti yang menuturkan bahasa tersebut iaitu apabila berada di Sulawesi (Sila rujuk Jadual 4.41).

**Jadual 4.41:** Alasan Mengatakan Bahasa Bugis Adalah Bahasa Yang Berguna

Ya, Kerana	Jumlah Responden	Bil	Peratus
Mudah Berkomunikasi Sesama Bugis	20	6	30
Sebagai Identiti orang Bugis	20	2	10
Berkomunikasi dengan orang Bugis yang tidak tahu menggunakan bahasa Melayu	20	3	15
Apabila berada dalam komuniti yang menuturkan bahasa tersebut contohnya apabila berada di Sulawesi	20	1	5
Jumlah	20	12	60

#### 4.14.5 Tidak Bersetuju Menggunakan Bahasa Bugis dan Alasannya

Terdapat 8 orang responden yang tidak bersetuju menggunakan bahasa Bugis. 4 orang responden memberikan alasan penggunaan bahasa Bugis amat terhad iaitu hanya untuk berkomunikasi dengan etnik Bugis terutamanya golongan tua. Menurut mereka, pada masa sekarang kebanyakan etnik Bugis yang tinggal di KPK boleh bertutur bahasa Melayu dan bahasa Bugis. Oleh itu tidak perlu menggunakan bahasa Bugis kerana komuniti Bugis boleh memahami bahasa Melayu. 2 orang responden pula tidak bersetuju menggunakan

bahasa Bugis dengan alasan bahawa bahasa Bugis tidak difahami oleh semua orang di mana hanya etnik Bugis sahaja yang memahami bahasa tersebut. 2 orang responden pula tidak bersetuju menggunakan bahasa Bugis dengan alasan bahasa Bugis ini jarang digunakan (Sila rujuk Jadual 4.42).

**Jadual 4.42** : Tidak Bersetuju Menggunakan Bahasa Bugis dan Alasannya

Tidak, Kerana	Jumlah Responden	Bil	Peratus
Penggunaannya terhad.	20	4	20%
Tidak di fahami oleh semua orang	20	2	10%
Bahasa ini jarang di gunakan.	20	2	10%
Jumlah	20	8	40%

#### **4.15 Pemerhatian Terhadap 10 keluarga di Kampung Parit Keroma**

Pengkaji membuat pemerhatian di dalam sepuluh rumah yang terdiri daripada sepuluh keluarga. Kesemuanya adalah merupakan jiran tetangga dan saudara-mara terdekat penulis. Penulis bukan sahaja menjadi pemerhati tetapi juga mengambil bahagian di dalam pemerhatian. Semua pemerhatian yang dibuat telah dicatatkan oleh penulis.

Secara keseluruhannya, pemilihan bahasa komuniti Bugis di KPK adalah bergantung kepada umur. Bagi golongan yang berumur 50 tahun ke atas kecenderungan pemilihan kepada bahasa Bugis adalah tinggi. Apabila mereka bertemu sesama mereka, sama ada lelaki dengan lelaki, perempuan dengan perempuan ataupun lelaki dengan perempuan mereka akan berkomunikasi menggunakan bahasa Bugis. Ini adalah untuk memudahkan mereka berkomunikasi dalam bahasa etnik mereka sendiri.

Sekiranya di dalam sesuatu komunikasi itu terdapat golongan yang lebih muda, pertukaran kod akan berlaku kerana golongan yang lebih muda sudah tidak mahir menggunakan



bahasa Bugis. Ada di kalangan mereka hanya memahami dan tidak tahu bertutur dalam bahasa Bugis. Biasanya wujud situasi di mana seorang ibu akan bercakap Bugis dengan anaknya tapi anaknya akan bercakap dalam bahasa Melayu.

Akomodasi juga berlaku apabila ada di kalangan golongan yang lebih tua lebih suka menggunakan bahasa Melayu kepada golongan yang lebih muda supaya komunikasi akan berjalan dengan lebih lancar. Bagi komuniti yang berumur 40 tahun ke bawah mereka lebih memilih bahasa Melayu kerana bagi mereka ini adalah merupakan kebiasaan dan lebih mudah bercakap dalam bahasa Melayu berbanding bahasa Bugis.

#### **4.16 Pemerhatian kepada 4 keluarga yang berasal dari KPK dan sekarang menetap di sekitar Kuala Lumpur**

Pengkaji membuat pemerhatian apabila berkunjung ke rumah mereka pada hujung minggu atau berkumpul di rumah salah seorang daripada mereka semasa kenduri atau majlis hari terbuka Hari Raya. Mereka adalah terdiri dari kakak dan saudara-mara pengkaji sendiri. 3 orang daripada mereka berkahwin sesama etnik iaitu dengan sepupu mereka sendiri manakala 7 orang lagi berkahwin dengan orang Melayu. Responden berumur di antara 28 hingga 50.

Di antara pekerjaan responden ialah pengarah Bahagian Pembangunan, pensyarah di politeknik, pensyarah universiti, guru di sekolah menengah dan sekolah kebangsaan dan ada yang bekerja di syarikat swasta.

Dari segi pemerhatian pengkaji, bahasa yang digunakan oleh pasangan suami isteri adalah bahasa Melayu dan bahasa ini juga yang digunakan dengan anak-anak walaupun berkahwin sesama etnik Bugis. Bahasa Bugis hanya digunakan apabila ibu bapa atau ibu bapa saudara

mereka berkunjung sesekali ke rumah mereka. Apabila berjumpa sesama mereka ada juga sesekali mereka menggunakan perkataan Bugis yang tidak difahami oleh orang lain atau anak mereka sendiri. Perkataan Bugis juga digunakan sekiranya perkataan itu tidak wujud dalam bahasa Melayu atau lebih tepat sekiranya disebut dalam bahasa Bugis seperti nama makanan-makanan tradisional, acara-acara kebudayaan dan keagamaan. Secara keseluruhannya penggunaan bahasa Melayu sepenuhnya digunakan.

Contoh rakaman perbualan yang diambil ketika pemerhatian dibuat di rumah kakak penulis untuk menunjukkan pengalihan kod.

Contoh 1 :

Pengkaji: Oh! Sekarang ni budak-budak cuti ya?

Kakak pengkaji : Ya, cuti .

Pengkaji: Rehatlah sikit ya, budak-budak ada.

Kakak pengkaji: Tidak juga, budak-budak ni *metindro mi falonna*.(Asyik tidur saja)

Contoh 2:

Pn. A : *Aga kareba?*( Apa khabar?)

Pn B: *Kareba madeceng?* (Khabar baik). Ah,  
jemputlah masuk.

Contoh 3:

Pn. R: Siapa yang *Mendrek Tojang?*(Kenduri Naik Buai)?

Pn S : Anak Siti.

Pn. R: Nak buat apa ni?

Pn. S : Biasalah buat "*sokkok onyit*"(pulut kuning),\*"*baleh buta*", \*"*lepek-lepek*", \*"*beppa loppo*". (\*makanan yang disediakan khas untuk upacara Kenduri Naik Buai bayi yang baru dilahirkan iaitu pulut kuning dan lain-lain).

Pn R: Ada buat \*"*baulu fecak*" tak? Dah lama tak makan.

Pn. S: Ada.

\* kuih tradisional Bugis iaitu kek span yang direndam dengan gula hangus

Apabila berjumpa di domain pekerjaan responden lebih suka menggunakan bahasa Melayu. Walaubagaimanapun 7 orang responden masih boleh bertutur dengan lancar dalam bahasa ibunda tetapi 3 orang lagi tidak boleh bertutur dalam bahasa Bugis walaupun masih memahaminya. Contohnya, apabila 7 orang responden ini pulang ke kampung dan

berinteraksi dengan ibu bapa dan saudara-mara mereka memilih menggunakan bahasa Bugis.

Kesemua anak responden sudah beralih ke bahasa Melayu. Penggunaan bahasa Bugis amat terhad sekali kerana semua urusan adalah menggunakan bahasa Melayu.

#### **4.17 Perbandingan di antara Responden yang tinggal di kampung dengan**

##### **Responden yang tinggal di Kuala Lumpur**

Responden yang tinggal di KPK masih berpeluang untuk menggunakan bahasa Bugis secara lebih meluas kerana tinggal di dalam satu komuniti yang majoritinya Bugis berbanding responden yang tinggal di Kuala Lumpur yang terlalu terhad penggunaan bahasa Bugis mereka.

Bahasa Bugis lebih cenderung digunakan oleh generasi yang lebih tua apabila berjumpa atau berkumpul sekiranya adanya majlis perkahwinan, kenduri doa selamat, kenduri naik buai, majlis keagamaan seperti Maulidul Rasul dan Isra' Mikraj. Ini berdasarkan pemerhatian penulis di KPK. Di kampung, bagi keluarga yang mempunyai datuk dan nenek di rumah, cucu mereka masih memahami dan boleh bertutur dalam bahasa Bugis berbanding keluarga yang tiada datuk dan nenek di rumah. Bagi responden yang sudah menetap di Kuala Lumpur penggunaan bahasa Bugis mereka amat terhad. Mereka hanya berpeluang bercakap Bugis apabila berjumpa sesama Bugis di rumah salah seorang dari mereka ataupun apabila pulang ke kampung.

Boleh dikatakan kesemua anak-anak responden yang tinggal di Kuala Lumpur sudah beralih bahasa ke bahasa Melayu kerana ibu bapa mereka sudah tidak menggunakan bahasa Bugis di rumah. Ini berlaku juga kepada anak pasangan yang berkahwin sesama etnik kerana merasakan keperluan dan kepentingan terhadap bahasa Melayu dan bahasa Inggeris berbanding bahasa Bugis. Perkara ini juga berlaku di kampung di mana generasi muda sudah tidak tahu bertutur dalam bahasa Bugis walaupun ada segelintir ibu bapa yang merasakan perlu mengajar dan menggunakan bahasa Bugis sebagai warisan bangsa supaya tidak kehilangan bahasa ibunda mereka.

#### **4.18 Punca-punca Pemilihan Bahasa di Kalangan Komuniti Bugis**

##### **4.18.1 Etnolinguistik Vitaliti /Umur**

Penulis mendapati responden yang berusia 70-89 tahun lebih mempunyai kesetiaan yang tinggi kepada bahasa Bugis kerana mereka lebih suka menggunakan bahasa Bugis apabila berkomunikasi sesama mereka iaitu apabila berjumpa di rumah, di surau dan di kedai. Mereka merasakan bahawa bahasa Bugis adalah identiti mereka dan mereka tidak merasa malu jika dikenali sebagai orang Bugis. Responden 50-69 tahun adakalanya memilih menggunakan bahasa Bugis sepenuhnya tetapi ada juga yang menggunakan dwi-bahasa atau pertukaran kod. (Rujuk 5.2).

##### **4.18.2 Sikap terhadap bahasa Bugis**

Komuniti Bugis mempunyai sikap positif terhadap bahasa mereka dan mereka bangga untuk menyatakan mereka adalah orang Bugis. Mereka menyatakan bahawa bahasa Bugis adalah identiti mereka. Ini dapat dibuktikan berdasarkan jadual 4.19 di mana hampir 100% responden menyatakan bahasa Bugis adalah identiti kepada orang Bugis. Begitu juga dengan jadual 4.20 yang menunjukkan responden yang mahu anak mereka belajar bahasa

Bugis di mana jumlah peratus yang hampir 90% ke 100% bersetuju anak mereka belajar bahasa Bugis. Walaubagaimanapun jika dirujuk kepada jadual 4.3, di kalangan ibu bapa berumur 70-89, didapati 70% daripada responden menggunakan bahasa Bugis dengan anak-anak. Manakala ibu bapa yang berumur 50-69 hanya seramai 14.3% sahaja yang menggunakan bahasa Bugis dengan anak-anak tetapi mereka lebih cenderung menggunakan dwi-bahasa iaitu bahasa Bugis dan Melayu dengan anak-anak (67.9%). Di kalangan ibu bapa berumur 30-49 pula, hanya 3.6% menggunakan bahasa Bugis dengan anak-anak dan 17.9% responden menggunakan bahasa Bugis dan Melayu. Bagi ibu bapa yang berumur 13-29, didapati tiada responden di kalangan mereka yang menggunakan bahasa Bugis ataupun dwibahasa dengan anak-anak, 100% responden adalah menggunakan bahasa Melayu.

Ini menunjukkan bahawa walaupun komuniti Bugis menyatakan sikap mereka terhadap identiti bugis iaitu bahasa Bugis adalah identiti kepada orang Bugis tetapi sebenarnya tidak sama dari segi perlakuan mereka. Ini kerana mereka lebih suka menggunakan bahasa Melayu apabila berkomunikasi dengan anak-anak dan tiada sebarang inisiatif untuk mengajarkan bahasa Bugis kepada anak-anak mereka.

#### **4.18.3 Pengaruh Penggunaan Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris**

Tidak dapat dinafikan pengaruh penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara mengakibatkan peralihan penggunaan kepada bahasa Melayu. Ini adalah kerana bahasa Melayu adalah penting untuk tujuan pendidikan dan pekerjaan berbanding bahasa Bugis yang hanya digunakan sebagai alat komunikasi dalam komuniti Bugis sahaja. Begitu juga dengan kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa globalisasi yang memerlukan semua orang menguasai bahasa ini untuk berjaya di dalam bidang pendidikan, pekerjaan dan bersaing di dunia global.

Sebagai contoh penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam pengucapan sayang bagi generasi muda di Kuala Lumpur meningkat kepada 57.15% bagi kumpulan umur 13-29 tahun berbanding 0% bagi kumpulan umur 50-69 tahun. Ini menunjukkan pendedahan yang lebih meluas kepada penggunaan bahasa Inggeris kepada generasi yang lebih muda berbanding dengan generasi yang lebih tua.

Walaupun bagaimanapun, penggunaan bahasa Inggeris untuk menyatakan sayang dikatakan mempunyai kaitan dengan fungsi metaforik. Sebagaimana menurut Gumperz, di dalam Li Wei (1994:15) pertukaran kod seperti ini iaitu melafazkan pernyataan sayang dengan menggunakan bahasa lain adalah berkaitan dengan fungsi Metaforik iaitu simbolik kepada hubungan peribadi. Menurut beliau:

*'Metaphorical code-switching as symbolic of alternative interpersonal relationship'* (Li Wei, 1994:15)

#### **4.18.4 Lakuan Identiti**

Walaupun komuniti Bugis berbangga mengatakan mereka adalah dari keturunan etnik Bugis tetapi untuk diserapkan di dalam komuniti yang menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya dalam semua urusan mereka terpaksa memilih menggunakan bahasa Melayu supaya boleh diterima di dalam masyarakat .

#### **4.18.5 Usaha dan motivasi ibu bapa terhadap penggunaan dan kecekapan**

##### **bahasa anak-anak**

Ibu bapa generasi tua mempunyai motivasi yang tinggi terhadap penggunaan bahasa Bugis di mana mereka akan berkomunikasi dalam bahasa Bugis dan menggalakkan anak-anak menggunakan bahasa Bugis dengan alasan supaya bahasa Bugis tidak dilupakan. Ini

dibuktikan berdasarkan jadual 4.1 di mana penurunan bahasa pertama responden kategori umur 13-29 yang menunjukkan 93.3% responden menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama berbanding dalam kategori umur 30-49 menunjukkan 96.7% responden menggunakan bahasa Bugis sebagai bahasa pertama. Ini menunjukkan kurangnya usaha dan motivasi ibu bapa terhadap penggunaan bahasa Bugis yang menggalakkan peralihan kepada bahasa Melayu.

#### **4.19 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya pemilihan bahasa oleh komuniti Bugis menunjukkan perluasan dwi bahasa (bahasa Bugis dan Melayu) dan pertukaran kod di kalangan generasi tua dan peralihan bahasa di kalangan generasi muda.



## **BAB 5 : BAHASA PILIHAN DALAM KELUARGA DAN INTRA- KOMUNITI**

### **5.0 Pengenalan**

Tujuan bab ini adalah untuk melihat pilihan bahasa dalam keluarga dan intra- komuniti di kalangan komuniti Bugis di KPK. Analisis yang dibuat adalah berdasarkan rakaman perbualan dan pemerhatian pengkaji. Rakaman perbualan yang dibuat dengan beberapa orang responden adalah merentasi umur iaitu dari peringkat umur 9 tahun hinggalah umur 85 tahun. Penulis telah merakamkan 21 perbualan di kalangan sesama etnik Bugis di dalam 15 buah rumah di KPK. Perbualan tersebut keseluruhannya mengambil masa 180 minit. Perbualan yang dirakamkan ini semuanya adalah secara tidak formal dan tidak dirancang.

Rakaman perbualan adalah perlu di samping soal-selidik kerana melalui kajian soal-selidik penulis tidak mendapat gambaran yang luas dan sebenarnya penggunaan bahasa yang digunakan secara langsung berbanding dengan rakaman perbualan. Sebagai contoh, apakah bahasa yang digunakan apabila bercakap dengan kawan-kawan, dengan ibu bapa atau nenek, antara suami-isteri. Adakah bahasa Melayu, bahasa Bugis atau bahasa Inggeris digunakan. Adakah terdapat strategi dalam perbualan seperti pertukaran kod atau akomodasi. Adalah sukar untuk mendapatkan dokumen seperti ini daripada soal-selidik. Oleh itu rakaman perbualan telah diadakan di kalangan ahli keluarga, jiran tetangga dan intra- komuniti secara langsung untuk didengar semula, ditranskripsi dan dianalisis.

Rakaman perbualan ini adalah bertujuan untuk melihat corak-corak bahasa dominan yang digunakan oleh para interlokuter dari pelbagai peringkat umur. Ini adalah penting untuk melihat perluasan penggunaan bahasa etnik. Pemeliharaan sesuatu bahasa akan dilihat dalam keadaan genting apabila interaksi di dalam sesuatu bahasa etnik adalah berkurangan seperti menjawab hanya satu perkataan sahaja atau apabila bahasa etnik digunakan

berlakunya salah faham atau apabila berlakunya strategi komunikasi seperti penukaran kod (David, 2001:99).

### 5.1 Analisis Rakaman Perbualan 1 dan 2

Berikut adalah analisis secara menyeluruh daripada rakaman perbualan berdasarkan peringkat umur responden.

**Jadual 5.1:** Analisis Rakaman Perbualan 1

<b>Umur</b>	<b>Interlokuter</b>	<b>Bahasa yang digunakan</b>
(70-89)	Suami-isteri	Bugis
	Lelaki-perempuan(jiran)	Bugis
	Lelaki –lelaki(jiran)	Bugis
(50-69)	Suami-isteri	Percampuran kod (Bugis + Melayu)
	Suami-isteri	Percampuran kod (Bugis + Melayu)
	Suami-isteri	Percampuran kod (Bugis + Melayu)
	Perempuan-Perempuan	Percampuran kod (Bugis + Melayu)
(30-49)	Suami-isteri	Percampuran kod (Bugis + Melayu)
	Suami-isteri	Percampuran kod (Bugis + Melayu)
	Suami-isteri	Melayu
(13-29)	Suami-isteri	Melayu
	Sepupu Perempuan-Perempuan	Percampuran kod (Melayu+ Inggeris)

**Jadual 5.2 :** Analisis Rakaman Perbualan 2

<b>Umur</b>	<b>Interlokuter</b>	<b>Bahasa yang digunakan</b>
Anak perempuan (40), ibu(65) nenek(88)	Anak perempuan, ibu, nenek	Bugis
Anak perempuan (40), ayah(65)	Anak perempuan , ayah.	Dominan bahasa Melayu basahan dan satu perkataan Bugis yang ditekankan di akhir ayat.(Pertukaran kod).

Anak perempuan (36), nenek(80) , jiran perempuan(42)	Anak perempuan, nenek, jiran perempuan	Dwi- bahasa (Bugis dan Melayu) Akomodasi: jiran menggunakan bahasa Bugis kpd nenek dan bahasa Melayu kpd anak perempuan
Anak perempuan (28), ibu (60), pengkaji (38)	Anak perempuan, ibu, pengkaji	Pengkaji menggunakan bahasa Bugis kpd ibu, bahasa Melayu kepada anak perempuan.(Akomodasi)
Ibu , anak lelaki(20), anak perempuan (25)	Ibu, anak lelaki, anak perempuan	Ibu –Bugis, anak –Melayu. Kemudian ibu akomodasi /tukar kod kpd bahasa Melayu.
Pengkaji (38), jiran perempuan (24)	Pengkaji, jiran perempuan	Pengkaji-Bugis Jiran- Melayu (Non-Reciprocal)
Ibu (60), anak lelaki (40)	Ibu , anak perempuan	Ibu-Bugis Anak lelaki –Melayu (Non-Reciprocal)
Nenek (65), cucu perempuan (16)	Nenek, cucu perempuan	Nenek-Bugis Cucu-Melayu (Wujud salah faham)
Ibu (60), anak lelaki (40)	Ibu , anak lelaki	Ibu-Bugis Anak lelaki –Melayu (Wujud salah faham)

## 5.2 Bahasa Yang Digunakan di kalangan Responden yang berumur 70-89

Berdasarkan pemerhatian penulis dan transkripsi yang dibuat menunjukkan bahawa bahasa pilihan di kalangan komuniti Bugis di kalangan umur tersebut adalah bahasa Bugis. Ini adalah kerana mereka tidak menguasai bahasa Melayu dengan baik disebabkan mereka tidak mempunyai pendidikan. Mereka hidup di dalam sebuah komuniti Bugis dan berkahwin sesama etnik Bugis. Ini dilihat apabila mereka berinteraksi sesama suami-isteri,

sesama jiran tetangga, gender yang berlainan mahupun gender yang sama. Bahasa yang dominan adalah bahasa Bugis. Sila lihat contoh ( 5.1,5. 1. 2 dan 5.1.3).

**Contoh 5.1 :** Penggunaan bahasa Bugis Sebagai Bahasa Yang Dominan di kalangan Responden Berumur 70-89 Tahun

Isteri: *Fi folehko? (Awak dari mana?)*  
Suami: *Foleh bolai, bola lobbang. Foleh meta kelulu, dekgaga. Melokka makkofek, mattulilikka sappa keluku dekga uruntuk. (Dari rumah, rumah kosong, pergi cari buah kelapa tak ada. Saya nak mengupas kelapa, pusing-pusing cari kelapa tapi tak ada).*

**Contoh 5.1.2**

Hjh. Jenek: *Aga kareba, Sak?(Apa khabar, Sak?)*  
Hj. Arshad: *Fakuehnilah to malasae. (Macam inilah orang sakit).*

**Contoh 5.1.3**

Hj.Derus: *Fi Foleh?(Dari mana?)*  
Hj. Batong: *Foleh gade e, melli gaga melok mabaca dowo baja?(Dari kedai, beli barang untuk kenduri doa selamat esok.)*  
Hj. Derus: *Mega tau muollik?(Ramai orang yang awak jemput)?*  
Hj. Batong: *Pada idik mi. (Sesama kita sahaja).*

**5.3 Bahasa yang digunakan di kalangan Responden berumur 50-69**

Bagi responden yang berumur di antara 50-69, didapati mereka adalah dwi-bahasa. Mereka boleh menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Bugis. Di kalangan umur 60 hingga 69 tahun mereka dahulunya pernah mengikuti kelas Dewasa iaitu mempelajari bahasa Melayu

di surau-surau. Bagi responden yang berumur 50 tahun hingga 60 tahun mereka mempunyai pendidikan di mana bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar. Ada di kalangan mereka yang bekerja sebagai kaki tangan kerajaan atau swasta. Oleh itu terdapat pertukaran kod di dalam komunikasi di antara mereka. Sila lihat contoh (5.2,5.2.1,5.2.2 dan 5.2.3)

**Contoh 5.2** Pertukaran kod : Penggunaan dua bahasa atau kod di kalangan responden berumur 50-69 Tahun

Hj. Yassin: *Aga mu fegok tu?* (**Awak buat apa?**)  
Hjh. Saleha: Kerja rumah, apa namanya tu “kerja *bolah*”. *massesak, mabbissa pinceng, mannasu.* (**Kerja rumah, membasuh kain, mencuci pinggan, memasak.**)

**Contoh 5.2.1**

Ustaz Jaafar: *Cikgu Sadek dekgaga kereba-kerebana? Finraka lassanna, melandekka lasanna, kakamu?* (**Tidak ada khabar tentang abang awak Cikgu Sadek? Sudah beransur baik ke atau semakin teruk penyakitnya?**)

Pn. Rogayah: *Abih, deknengka tolekka.* Mana kita tahu? (**Habis kita tidak pernah pergi.**)

**Contoh 5.2.2**

Isteri: *Figi loklo?* (**Nak ke mana?**)  
Suami: *Melokka mapalaung.* (**Nak pergi kerja**)  
Isteri: *Aga mualah kero?* (**Nak buat apa di sana?**)  
Suami: Nak tebang pisang.

### Contoh 5.2.3

Isteri A: *Merejing ajekna tao e.* (**Ialah orang tu pun susah**)

Isteri B: Tak kisah, sihat-sihat juga. *meraja meto, masikolah meto, fada ,meto tae.*  
(**Tak kisah anak saya besar juga, sekolah juga macam orang lain**)

### 5.4 Bahasa Yang Digunakan di kalangan Responden yang berumur 30-49

Bagi peringkat umur 30-49 tahun juga majoriti di kalangan mereka adalah dwi-bahasa. Walaubagaimanapun terdapat pasangan suami-isteri yang menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya apabila berkomunikasi walaupun berkahwin sesama etnik. Sila lihat contoh (5.3,5.3.1 dan 5.3.2).

**Contoh 5.3** Pertukaran kod (code-switching): Penggunaan dua bahasa atau kod di kalangan Responden Berumur 30-49 Tahun

En. Bacok: *Kayah, dekmelok jokka Jorok, bolana Huda?* (**Kayah, awak tak pergi Johor, rumah Huda?**)

Pn. Rohayah: Boleh juga.

**Contoh: 5.3.1** Percampuran kod

Becek : *Engka penyengat lagi ya?* (**Ada penyengat lagi?**)

Arfah: *Dek ga ga.* (**Tak ada**)

**Contoh 5.3.2 : Penggunaan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Dominan**

Isteri: Esok nak pergi kenduri pukul berapa?  
Suami: Pagi-pagilah. Apasal?  
Isteri: Susu Sarah dah habis.  
Suami: Esok pagi sempat beli

**5.5 Bahasa Yang Digunakan di kalangan Responden yang berumur 13-29**

Berdasarkan pemerhatian penulis dan analisis transkripsi yang dibuat menunjukkan bahasa dominan yang digunakan oleh komuniti Bugis adalah bahasa Melayu. Walaubagaimanapun dalam pemerhatian penulis terdapat pengalihan kod dalam bahasa Inggeris di dalam interaksi seharian di kalangan komuniti di kalangan umur tersebut. Ini adalah disebabkan oleh pendidikan yang mementingkan bukan sahaja bahasa Melayu bahkan peranan bahasa Inggeris sebagai bahasa globalisasi. Sila lihat contoh (5.4 dan 5.4.1).

**Contoh 5.4 : Penggunaan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Dominan**

Isteri: Awak balik kerja pukul berapa?  
Suami: Pukul 6.

**Contoh 5.4.1 : Percampuran kod (Code-mixing) penggunaan satu perkataan lain dalam Bahasa Melayu**

Yana: Yah, *homework* dah siap? (**kerja rumah**)  
Yah: Belum. Banyak lagi. *why?*(**kenapa**)  
Yana: Ingat nak ajak pergi Pontian.

## 5.6 Pilihan Bahasa Keluarga dan Intra-Komuniti Merentasi Umur

Pengkaji seterusnya ingin menunjukkan apakah bahasa yang digunakan di dalam interaksi seharian yang melibatkan peringkat umur yang berbeza, umpamanya di antara ibu dan anak, bapa dan anak serta cucu dan nenek. Ini adalah berdasarkan pemerhatian penulis dan analisis transkripsi yang dibuat melalui rakaman perbualan.

### 5.6.1 Monolingual / Satu Bahasa

Apabila kesemua responden adalah sama dari segi gendernya iaitu wanita dan topik perbualan adalah mengenai cara-cara membuat kuih tradisional Bugis maka bahasa Bugis sepenuhnya digunakan tanpa adanya “code-mixing” atau “code-switching”. Pemilihan bahasa adalah bergantung kepada umur dan topik juga menentukan bahasa yang dipilih oleh komuniti Bugis. Sila lihat (contoh 5.5) di bawah.

#### Contoh 5.5 : Monolingual

Perbualan di antara anak perempuan (40) ibu (65) dan nenek(88)

Anak: *Melokka makkibuk baulu Fecak, Dekwissengi.*(**Saya nak buat “Bahu Fecak” tapi saya tidak tahu.**)

Ibu: *Agasenna itellok igontangi siba golla cedek. Furaniro inasungi gola napenni itaro labuk cedek.* (**Telur dipukul dengan sedikit gula. Kemudian gula pasir masukkan tepung sedikit- sedikit, terlebih dahulu masak gula dengan sedikit air sehingga menjadi pekat.**)

Nenek: *Itaro menggontang kembang ladek pi, meferek-ferek.*(**Dipukul hingga kembang, biarkan pekat.**)

### 5.6.2 Percampuran Kod

Perbualan di antara anak dan bapa menggunakan bahasa Melayu basahan sebagai bahasa yang dominan tetapi akhirnya terdapat satu perkataan Bugis yang dimasukkan di dalam perbualan mereka. Sila lihat contoh 5.6 di bawah.



### Contoh 5.6 : Percampuran Kod

Perbualan di antara bapa (65 tahun) dan anak perempuan (40 tahun)

Bapa: Semalam pakai kereta, pakai aje tak taruh minyak.  
Anak: Masa pergi semalam dah E. Itulah nak isi kat  
Petronas tu *tattutukkni*. (**dah tutup**)

**Bahasa Melayu Standard:**

**Bapa: Semalam naik kereta, tidak isi minyak.**

**Anak :Semalam masa saya bertolak sudah menunjukkan E. Saya nak isi minyak di Petronas tetapi sudah tutup**

Walaupun bapa dan anak boleh menggunakan bahasa Bugis dengan baik atau berkomunikasi dalam Bugis dengan baik tapi mereka memilih menggunakan bahasa Melayu basahan dalam perbualan mereka. Di akhir perbualan anak menggunakan pertukaran kod iaitu *tattutukkni* yang bermaksud sudah tutup. Beliau menukar kod ke bahasa Bugis untuk memberikan penegasan yang kedai minyak Petronas sudah tutup dan beliau tidak dapat mengisi minyak kereta. Gumperz (1972), di dalam Reyes (2004: 28) menyatakan di antara fungsi pertukaran kod di bawah kategori metaforik adalah bergantung kepada fungsi wacana seperti hendakkan seseorang itu menyertai atau keluar dari sesuatu perbualan, untuk keintiman dan kemesraan atau untuk menegaskan sesuatu mesej.

#### 5.6.3 Dwi-bahasa dan Akomodasi

Pemerhatian dan analisis transkripsi yang dibuat oleh pengkaji menunjukkan wujud akomodasi di dalam interaksi komuniti Bugis di KPK. Ini adalah kerana bagi kumpulan umur 50-69 dan 30-49 mereka adalah dwi-bahasa.

Terdapat beberapa variasi akomodasi iaitu mengikut peringkat umur. Bagi peringkat umur 30 hingga 49 tahun di mana majoriti adalah dwi-bahasa mereka akan menggunakan bahasa

Bugis kepada orang lebih tua dan akan menggunakan bahasa Melayu kepada komuniti yang sama umur atau lebih muda. Mereka akan membuat akomodasi kepada golongan yang lebih tua iaitu memilih menggunakan bahasa Bugis kerana menghormati orang yang lebih tua. Ini dilakukan terutama kepada datuk dan nenek mereka, ibu saudara dan bapa saudara dan ibu bapa mereka. Mereka memilih menggunakan bahasa Melayu kepada mereka yang mempunyai umur yang sama kerana mudah untuk berinteraksi di dalam bahasa Melayu. Mereka menggunakan bahasa Melayu kepada penutur yang lebih muda kerana majoriti di kalangan umur 13-29 sudah tidak fasih bertutur bahasa Bugis.

Generasi yang lebih muda iaitu dalam kumpulan umur 13-29 merasakan generasi yang lebih tua daripada mereka memahami kedua-dua bahasa dan akan mengakomodasikan bahasa apabila bertutur dengan mereka. Jadi, mereka merasakan tidak perlu menggunakan bahasa etnik apabila berkomunikasi dan ini menyumbang kepada peralihan bahasa. Sila lihat contoh 5.7, 5.7.1 dan 5.7.2.

**Contoh 5.7 : Akomodasi**

Sana(42), J(80), S(36)

**J: *Aga senna, cappukni anukku. Engkatu yaseng “Zaitun”?* (Sabun mandi saya dah habis Nama sabun tu sabun Zaitun.)**

**Sana: *Dek ga ga Fuang.* (Tidak ada nenek)**

**Sana: *Dekna gaga makkakue sabung Zaitun ibaluk* (Sekarang ini sudah tidak ada Sabun Zaitun dijual).**

**Sana menukar kod ke bahasa Melayu apabila bercakap dengan S yang lebih muda daripadanya.**

Jiran: “Pampers” dia ni tak sesuai .Ada yang satu jenis tu.

S: Ada yang untuk pakai siang dan malam. Kalau malam “pampers all night.”

\***Zaitun** adalah jenama sabun mandi.

\***Pampers** adalah jenama lampin pakai buang untuk bayi. **Pampers all night** adalah jenama lampin pakai buang bayi untuk digunakan pada waktu malam sahaja.

### Contoh 5.7.1

**Pn. Halijah: 60, anak Pn . Hawa: 28 Pn.Siti I:38**

Pn.Siti: *Arewing ne rewek? (Dia balik petang)?*

Pn. Halijah: *Teté k seppulo, engkani rewek, mappalaungi kesik, kongkeni rewek nappeni nesita anakna.(Pukul 10 baru balik kerja, barulah boleh jumpa anak dia).*

**Pn.Siti menukar kod ke bahasa Melayu apabila bercakap dengan Pn. Hawa yang lebih muda daripadanya.**

Pn. Siti: Hawa tak kerja?

Pn. Hawa:cuti

### Contoh 5.7.2

Akomodasi yang dibuat oleh ibu terhadap anaknya.

**Ibu: 58 anak lelaki 20 anak perempuan 25**

Pn. Aminah: Adam *figi foleh ko?(Adam dari mana?)*

Adam :Beli suratkhobar.

Pn. Aminah: Buat apa asyik beli suratkhobar?

Adam: Nak bacalah.

Pn. Aminah: *Dayah furah massesak?(Dayah sudah membasuh?)*

Hidayah: *Furah. (Dah).*

Pn. Aminah: Anak engkau belum mandi ya?

Hidayah: Belum.

## 5.7 Bahasa Pilihan komuniti yang muda (yang berumur 13-29)

### Non-reciprocity- tiada komunikasi Dua Hala

Di antara tanda-tanda peralihan bahasa adalah apabila berlaku penggunaan bahasa non-reciprocal (David:2001:141). Maksudnya penutur mengelak dari menggunakan bahasa yang digunakan oleh penutur sebelumnya. Ini berlaku kerana penutur dari kumpulan umur

13-29 sudah tidak menguasai bahasa etnik mereka iaitu bahasa Bugis. Oleh sebab itu mereka memilih menggunakan bahasa yang lain yang lebih mereka kuasai iaitu bahasa Melayu. Sila lihat contoh 5.8 .

### Contoh 5.8

#### Pengkaji (38) dan Faekah (24)

P: *Dek toga ne teri anakmu?* (**Anak awak tak menangis ke?**)

Faekah: kadang-kadang nangis.

P: *Finmonro kianak?* (**Di mana bersalin?**)

Faekah: Pontian, Hospital Besar.

Faekah hanya boleh bertutur sedikit-sedikit sahaja dalam bahasa Bugis, iaitu menjawab satu perkataan atau dua sahaja tetapi boleh memahaminya dan lebih suka menggunakan bahasa Melayu walaupun ibunya dan pengkaji menggunakan bahasa Bugis dengannya. Di sini tidak berlaku komunikasi dua hala iaitu (non-reciprocal) di mana apabila pengkaji atau ibunya menyoal, Faekah hanya menjawab soalan tersebut dan tidak pula menyambung dengan lebih panjang atau bertanyakan soalan lain supaya perbualan menjadi lebih mesra dan menarik. Ini adalah kerana Faekah tidak fasih menggunakan bahasa Bugis dan menjawab soalan menggunakan bahasa Melayu. Sila lihat contoh 5.8.1.

#### Contoh 5.8.1

Perbualan di antara seorang ibu dan anak lelakinya.

Pn. Chudeng: *Figi foleh?* (**Dari mana?**)

Rosli: Dari kedai.

Pn. Chudeng: *Aga senna, aga muelli?* (**Apa ni, awak beli apa?**)

Rosli: Minyak "*lasa anak*"? (**Minyak untuk "penyakit kanak-kanak"**).

Pn. Chudeng : *Aga fi kuangek muelli?* (**Awak beli apa lagi?**)

Rosli: Beli itu aje.

Di sini ibu menggunakan bahasa Bugis sepenuhnya tetapi anak menjawab menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya kecuali perkataan tertentu seperti “lasa anak”. Di dalam rakaman ini didapati walaupun ibu (60 tahun) menggunakan bahasa Bugis tetapi anaknya Rosli (40 tahun) tetap menggunakan bahasa Melayu. Masing-masing menggunakan bahasa yang berlainan kerana kedua-duanya saling memahami di antara satu sama lain. Ibunya yang lebih fasih bertutur bahasa Bugis memilih bahasa Bugis manakala anak yang lebih fasih bertutur dalam bahasa Melayu memilih menggunakan bahasa Melayu. Penulis mendapati situasi begini berlaku juga di kalangan keluarga lain kerana masing-masing tidak mahu bertolak ansur dan membuat akomodasi dalam komunikasi. Ibu bapa masih ingin mempertahankan bahasa etnik mereka tetapi anak-anak yang sudah mengalami perubahan bahasa disebabkan keperluan penguasaan bahasa Melayu di sekolah, telah memilih menggunakan bahasa Melayu.

### **5.8 Kesalahfahaman Komunikasi**

Apabila komuniti yang lebih tua menggunakan bahasa Bugis dalam sesuatu komunikasi, kerana lebih selesa menggunakan bahasa Bugis yang merupakan bahasa ibunda mereka, komuniti yang lebih muda pula sudah tidak menguasai bahasa Bugis dan lebih selesa menggunakan bahasa Melayu. Maka, kadang-kala akan timbul masalah kesalahfahaman komunikasi seperti yang ditunjukkan dalam contoh 5.9 dan 5.9.1.

## Contoh: 5.9 Kesalahfahaman Komunikasi

### Seorang nenek (65) dengan cucu (16)

Nenek: *Elun, tak bukak ni kade. Jokka ko melli itellok sibawa gola.* (**Kedai dah buka pergilah beli telur dengan gula**).

Elun: Kedai tak buka buat apa nak pergi.

*\*Tak bukak* maksudnya buka dalam bahasa Bugis

### Contoh: 5.9.1

#### Kesalahfahaman Komunikasi

#### Antara ibu dan anak

Ibu: *Waseng massuruh melli lemo?* (**Isteri suruh beli limau?**)

Anak: Bukan “lemo” tapi minyak cap limau. (**Bukannya limau tapi minyak cap limau.**)

Di dalam contoh 5.9 cucu salah faham dengan perkataan “Takbukak” dalam bahasa Bugis maksudnya adalah buka. Dia mengatakan kepada neneknya kenapa hendak pergi kedai kalau kedai tersebut tutup/tidak buka. Contoh 5.1 pula menunjukkan ibu salah faham yang menantunya menyuruh membeli “limau” sebenarnya “minyak cap limau” iaitu minyak yang disapu ke atas perut bayi untuk mengelakkan daripada kembang perut.

## 5.9 Kesimpulan

Berdasarkan analisis rakaman perbualan, faktor umur memainkan peranan penting dalam penggunaan bahasa etnik minoriti Bugis di Kg Pt. Keroma. Ini adalah kerana penggunaan bahasa Bugis sepenuhnya oleh responden di domain rumah bagi kategori umur 70-89 tahun. Ini berlaku di kalangan suami-isteri, mahupun sesama intra-komuniti sama ada

interlokuter yang sama gender iaitu lelaki dengan lelaki atau berlainan gender iaitu perempuan dengan lelaki.

Di samping itu juga bagi kategori umur 70-89, responden menggunakan bahasa Bugis dan ia dikaitkan dengan teori Etnolinguistik Vitaliti kerana mereka mempunyai kesetiaan kepada bahasa etnik mereka. (Rujuk 2.6.4).

Bagi kategori umur 50-69 tahun, penutur boleh dikatakan dwi-bahasa kerana boleh menuturkan kedua-dua bahasa Bugis dan Melayu. Ada di kalangan mereka mempunyai pendidikan dan bekerja sebagai kakitangan kerajaan, swasta dan ada yang bekerja sendiri. Di sini didapati sikap terhadap bahasa Melayu serta keperluan dan kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Penulis mendapati terdapat “code-switching”(pertukaran kod) di dalam perbualan suami-isteri dan juga di kalangan intra-komuniti.

Bagi kategori 30-49 penutur juga adalah dwi-bahasa, dan terdapat pertukaran kod di dalam perbualan mereka. Walaubagaimanapun ada juga pasangan suami-isteri yang menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya kerana salah seorang daripada pasangan sudah tidak tahu berbahasa Bugis.

Bagi kategori 13-29 penutur menggunakan bahasa Melayu secara dominan walaupun suami-isteri adalah dari etnik Bugis kerana sudah tidak tahu bercakap dalam bahasa Bugis. Walaubagaimanapun dari perbualan sesama remaja didapati mereka berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa yang dominan dan “code-mixing” dalam bahasa Inggeris. Ini menunjukkan kemahiran terhadap bahasa Bugis semakin berkurang kerana kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara Malaysia dan peranan bahasa Inggeris sebagai bahasa globalisasi.

Secara keseluruhannya, banyak terdapat akomodasi “**Theory Speech Accommodation**” oleh Giles (1979). Iaitu pemilihan bahasa untuk mengurangkan atau meningkatkan jarak sosial di antara interlokuter di dalam kumpulan etnik yang berbeza.

Contoh-contoh perbualan menunjukkan penutur dwi-bahasa akan memilih dan menukar bahasa bergantung kepada interlokuternya iaitu menggunakan bahasa Bugis kepada orang

yang lebih tua daripadanya, dan bahasa Melayu kepada orang yang lebih muda daripadanya. (Rujuk contoh perbualan 5.7 dan 5.7.1).

Apabila komunikasi melibatkan penutur 13-29 di mana penutur sudah tidak mahir menggunakan bahasa Bugis tetapi masih memahami bahasa Bugis maka wujudlah penggunaan **Non-Reciprocity** (Tiada komunikasi dua hala). Iaitu orang yang lebih tua akan bercakap menggunakan bahasa Bugis tetapi akan dijawab dalam bahasa Melayu oleh penutur yang lebih muda 13-29. (Rujuk contoh perbualan 5.8 dan 5.8.1)

Di samping itu juga apabila golongan muda dan golongan tua berkomunikasi akan berlaku salah faham. Rujuk contoh perbualan 5.9 dan 5.9.1. Masalah salah faham berlaku kerana kedua-dua penutur tidak mempunyai kecekapan bahasa yang sama di mana golongan tua lebih menguasai bahasa Bugis manakala golongan muda lebih menguasai bahasa Melayu.

Faktor kehadiran datuk dan nenek di rumah (rujuk 2.6.6), juga memainkan peranan di dalam pilihan bahasa interlokuter. Sebagaimana menurut kajian Holmes et al (1993), komuniti Greek di New Zealand akan menggunakan bahasa Greek di domain rumah sekiranya datuk nenek tinggal bersama-sama mereka. Ini berlaku di kalangan etnik Bugis yang mempunyai datuk nenek yang berumur 70-89 kerana mereka masih menuturkan bahasa Bugis kepada anak-anak dan cucu-cucu mereka berbanding datuk nenek yang beumur 50-69 yang lebih mudah membuat akomodasi kepada anak dan juga cucu-cucu mereka kerana lebih menyedari kepentingan bahasa Melayu .

Menurut Sridhar dalam David (2001), ujian litmus terhadap pengekalan bahasa adalah bahasa yang digunakan oleh golongan muda dan bahasa yang dituturkan kepada golongan muda. Berdasarkan ciri yang pertama Sridar, jelas menunjukkan bahawa golongan yang lebih muda menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa yang dominan. Manakala kriteria kedua Sridar pula menunjukkan golongan yang lebih tua menggunakan bahasa Melayu kepada orang muda (terutamanya peringkat umur 50-69). Walaupun Bahasa bugis masih boleh dituturkan di kalangan umur 30-69 secara dwi-bahasa tetapi kumpulan umur 13-29 ke bawah sudah tidak tahu menggunakan bahasa Bugis dan ini petanda-petanda yang peralihan bahasa akan berlaku kepada komuniti Bugis di KPK.



## **BAB 6: PENUTUP**

### **6.0 Pendahuluan**

Bab ini adalah merupakan rumusan keseluruhan terhadap hasil penyelidikan dengan memberi fokus terhadap pencapaian objektif keseluruhannya.

### **6.1 Tujuan Kajian**

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat pemilihan bahasa komuniti Bugis di Kampung Parit Keroma (KPK), Ayer Baloi, Pontian, Johor di domain rumah, domain intra -komuniti dan domain pekerjaan. Seterusnya membuat perbandingan pemilihan bahasa oleh komuniti yang sama tetapi telah menetap di Kuala Lumpur dalam domain yang sama.

### **6.2 Metodologi Kajian**

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah soal-selidik kepada 100 orang responden di KPK dan 20 orang responden dari KPK yang telah menetap di Kuala Lumpur, rakaman perbualan yang dibuat di 15 buah rumah sebanyak 21 rakaman perbualan dari pelbagai peringkat umur, temu-bual dengan lima orang responden tua dan mengambil bahagian dalam pemerhatian terhadap 10 keluarga etnik Bugis di KPK dan 4 keluarga Bugis di Kuala Lumpur. Mengambil bahagian dalam pemerhatian adalah berdasarkan teori Hymes (1972) iaitu kajian Etnografik di mana penulis mendapat gambaran sebenar pemilihan atau penggunaan bahasa responden, dengan siapakah mereka menuturkan bahasa tersebut dan bilakah mereka menggunakan bahasa tersebut.

### **6.3 Dapatan kajian**

Komuniti dalam kumpulan umur 70-89 tahun yang begitu kuat berpegang mempertahankan bahasa Bugis sudah semakin berkurangan. Kini yang tinggal adalah komuniti dari kumpulan umur 50-69, kumpulan umur 30-49 yang dwi-bahasa dan seterusnya kumpulan umur 13-29 yang sudah tidak tahu bertutur dalam bahasa Bugis. Ini merupakan satu fenomena yang sangat membimbangkan bagi kumpulan etnik Bugis yang merupakan satu kumpulan etnik minoriti di Malaysia.

Bahasa Bugis di KPK boleh dikategorikan sebagai Bahasa Pinggiran dalam Weber (1991:301). Iaitu bahasa yang masih mempunyai penutur tetapi semakin berkurangan dan bahasa ini tidak mendapat tempat atau keistimewaan di dalam masyarakat. Bahasa ini dipinggirkan kerana ia tiada kepentingan dan tidak mendapat bantuan kerajaan untuk memeliharanya daripada terus pupus. (Sila lihat Weber 1991:301) mengenai tekanan-tekanan bahasa). Bahasa Bugis dipinggirkan oleh komunitinya sendiri oleh kerana status bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris sebagai bahasa bahasa antara bangsa di Malaysia.

Boleh dikatakan Bahasa Bugis mempunyai kemungkinan akan pupus kerana penggunaannya yang semakin berkurangan akibat jumlah penuturnya yang semakin berkurang walaupun budayanya tidak terjejas. Ini kerana komuniti Bugis begitu berpegang kepada budaya seperti adat dalam perkahwinan, adat naik buai untuk menyambut kehadiran bayi yang baru lahir, makanan-makanan tradisional dan acara-acara keagamaan dan perayaan yang masih lagi disambut dengan begitu meriah. Ini adalah satu petanda bahawa masih ada harapan untuk mengekalkan bahasa Bugis.

Sebagai satu kumpulan etnik yang minoriti di Malaysia dan dengan wujudnya kekangan-kekangan ke arah mengekalkan bahasa Bugis, kini lahir kesedaran di kalangan komuniti berumur 50-69 untuk memelihara bahasa dan budaya Bugis daripada terus pupus. Pada masa sekarang ada inisiatif seperti menggalakkan kahwin saudara, pengekalan budaya dan penjagaan budaya oleh penduduk bangsa Bugis di Kampung Parit Keroma. Dengan kesedaran ini juga lahirnya Muzium Bugis di Pontian yang mengumpulkan pelbagai khazanah peninggalan Bugis seperti pakaian, alat tenunan, senjata, pinggan-mangkuk, dan hasil penulisan Bugis.

Persatuan Anak-anak Bugis Johor juga telah ditubuhkan di mana beberapa aktiviti telah dijalankan seperti perjumpaan Hari Raya pada setiap tahun dan melawat Tanah Ogi atau Tanah Bugis di Sulawesi.

#### **6.4 Perbandingan di antara Responden di Kampung Parit Keroma dan di Kuala Lumpur**

##### **Lumpur**

Secara keseluruhannya komuniti Bugis di kampung masih berpeluang menggunakan bahasa Bugis secara meluas kerana tinggal di dalam satu kampung yang majoritinya Bugis berbanding dengan komuniti yang sudah menetap di Kuala Lumpur di mana penggunaan bahasa Bugis amat terhad. Walaupun begitu penulis mendapati di kampung sudah berlaku proses peralihan bahasa di kalangan komuniti Bugis di domain rumah dan sesama etnik. Proses peralihan bahasa ini amat ketara kepada kumpulan umur 13-29. Jika dirujuk kepada kumpulan umur 70-89, 70-100% penggunaan bahasa di rumah adalah bahasa Bugis. Manakala kumpulan umur 13-29 hanya 3.4%- 6.7% sahaja di kalangan mereka memilih menggunakan bahasa Bugis di rumah. (Sila rujuk Jadual & Rajah 4.8).

## **6.5 Cadangan kajian Selanjutnya**

Kajian ini hanya berfokus kepada kaum etnik Bugis di Kampung Parit keroma untuk melihat penggunaan bahasa Bugis di kalangan komuniti di domain rumah, intra-komuniti dan kerja serta perbandingan komuniti Bugis yang telah menetap di Kuala Lumpur. Melalui pilihan bahasa kita melihat berlakunya proses peralihan bahasa dan tanda-tanda kepupusan bahasa di kalangan mereka. Oleh kerana kajian ini adalah terhad saya mencadangkan kajian selanjutnya dijalankan dan bidang kajiannya lebih luas seperti meninjau pengekaln dan pengalihan bahasa Bugis oleh kaum etnik Bugis di negeri Johor. Selain daripada itu, kajian lain yang boleh dibuat ialah mengkaji perubahan bahasa Bugis iaitu dari segi fonetik dan morfologinya. Adakah terdapat perubahan dari segi bentuk sesuatu perkataan atau adakah bahasa lain diambil dan diterima pakai dalam bahasa Bugis?

## **6.6 Kesimpulan**

Faktor pemilihan bahasa di kalangan etnik Kg Pt Keroma adalah bergantung kepada kepentingan bahasa Melayu. Oleh kerana komuniti Bugis ini adalah terdiri daripada etnik minoriti dan tinggal di dalam negara Malaysia yang memerlukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, maka mereka memilih bahasa Melayu dan mengeneipkan bahasa Bugis yang merupakan bahasa ibunda dan bahasa identiti mereka. Walaupun begitu generasi yang lebih tua masih mempunyai kesetiaan kepada bahasa Bugis iaitu mempunyai Etnolinguistik Vitaliti (Giles et al , 1977) yang tinggi berbanding generasi yang lebih muda. Faktor umur juga boleh dikaitkan dengan pemilihan bahasa kerana generasi tua 70-89 tahun masih berkomunikasi dalam bahasa Bugis di domain rumah dan intra-komuniti. Kumpulan umur 50-69 dan 30-49 merupakan penutur dwi-bahasa dan banyak berlaku Code-switching (pertukaran kod) dan Code-mixing (percampuran kod) di dalam perbualan mereka,

manakala peringkat umur 13-29 majoriti penutur menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa yang dominan.

Di samping itu faktor kahwin –campur yang dinyatakan oleh Putz (1991) pada mulanya merupakan penyebab peralihan kepada bahasa yang lebih dominan tetapi bagi etnik komuniti Bugis di Kg Pt Keroma khususnya golongan yang lebih muda walaupun berkahwin sesama etnik, penggunaan bahasa Bugis adalah terhad dan mereka lebih suka berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu dengan anak-anak mereka.

Faktor migrasi (May 2002) juga memainkan peranan penting di dalam pemilihan bahasa dan pengalihan bahasa etnik komuniti Bugis di Kg. Pt Keroma. Ini terbukti berdasarkan komuniti Bugis yang telah berpindah ke Kuala Lumpur di mana majoriti menggunakan bahasa Melayu di kesemua domain berbanding komuniti yang masih menetap di Kg. Parit Keroma di mana majoriti penduduknya adalah Bugis dan masih berpeluang berkomunikasi dalam bahasa Bugis terutama dengan orang yang lebih tua .

Faktor Lakuan Identiti (Gal, 1979) juga merupakan faktor etnik minoriti Bugis beralih kepada penggunaan bahasa Melayu. Walaupun etnik Bugis berbangga menyatakan yang mereka adalah Bugis tetapi untuk diserap ke dalam masyarakat dan diterima dalam masyarakat Malaysia terutama di dalam bidang pendidikan dan pekerjaan mereka terpaksa menggunakan bahasa Melayu.

Berdasarkan faktor-faktor yang disebutkan komuniti Bugis lebih memilih menggunakan bahasa Melayu kerana kepentingannya di Malaysia berbanding bahasa Bugis sebagai bahasa komunikasi di domain rumah. Proses ini lama kelamaan akan bertukar kepada pengalihan bahasa. Oleh itu, pengalihan kepada bahasa Melayu perlu diambil perhatian serius supaya bahasa Bugis tidak akan hilang atau pupus. Komuniti etnik Bugis perlu mencari inisiatif seperti membuka kelas-kelas belajar bertutur dan menulis bahasa Bugis kepada anak-anak supaya bahasa Bugis ini terpelihara daripada pupus. Dokumen-dokumen

yang ditulis dan dibukukan di dalam transkrip Bugis seperti cerita-cerita atau kitab-kitab agama yang masih ada dalam simpanan generasi tua perlu dipelihara dan dijaga untuk generasi akan datang sebagai satu khazanah peninggalan nenek-moyang etnik komuniti Bugis.

Secara keseluruhannya pemilihan bahasa di kalangan komuniti Bugis di Kampung Parit Keroma lebih cenderung kepada pengalihan kepada bahasa Melayu yang merupakan bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan bahasa Malaysia dan hanya kesedaran yang lahir dari komuniti Bugis ini sendiri untuk sama-sama berusaha mengekalkan bahasa Bugis yang merupakan identiti mereka daripada terus lopus.

Universiti Malaysia

## RUJUKAN

- Allard, R & Landry, R. (1992). *Etnolinguistic Vitality Beliefs and Language Maintenance and loss* di dalam Fase, W. J dan S. K. *Maintenance and Loss of Minority Languages*. Amsterdam : John Benjamin Publishing Company. (ms 171-195)
- Anderson, U.C. and Anderson, S. (1999). *Growing up with two languages: A practical guide*. Routledge : London
- Andi Zainal Abidin (1983). *Persepsi Orang-orang Bugis Makassar tentang Hukum, Negara dan dunia Luar*, Bandung: Penerbit Alumni.
- Arbak Othman (1983). *Permulaan Ilmu Linguistik*. Kuala Lumpur : Sarjana Enterprise.
- Asmah Haji Omar (1993). *Perancangan Bahasa dengan Rujukan Khusus kepada Perancangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (1988). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj Omar (2003). *Language And Language Situation In Southeast Asia: With A Focus On Malaysia*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Melayu.
- Brockman, T. (1979). "Language, Communication and Ethnicity in British Honduras" in *Sociolinguistic Studies in Language Contact Methods and Cases*, Mackey, W. F (ed) The Hague: Mouton Publishers.
- Clyne M (2003). *Dynamics of Language Contact*. Cambridge : Cambridge University Press.
- David, K.M. (1996) *Language shift Among the Sindhis Of Malaysia*, Thesis (Ph.D.) Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- David, K.M. (2001). *The Sindhis Of Malaysia, A Sociolinguistic Study*. London : Asean Academic Press.
- David, K.M. (2002). *Methodological And Analytical Issues In Language Maintenance And Language Shift Studies*. Frankfurt : Peter Lang.
- Edwards, J. (1984). *Linguistic Minorities, Policies and Pluralism*. London: Academic Press Inc.

- Edwards, J. (1985). *Language, Society and Identity*, Oxford: Blackwell
- Fasold, R. (1984). *The Sociolinguistics of Society*. Oxford: Basil Blackwell Publisher.
- Fase, W. J. dan S. K. (1992). *Maintenance and Loss of Minority Languages*, Amsterdam : John Benjamin Publishing Company. ms 3-15
- Ferguson, C.(1959). *Diaglossia*. Word 15 ms325-340.
- Fishman, J. A. (1980). *International Journal of the Sociology Of Language*, New York: Mouton Publishers.
- Fishman, J. A. (1988). *Language and Ethnicity in Minority Sociolinguistic Perspective*. Clevedon: Multilingual Matters Ltd.
- Fishman, J. A (1964) *Language Maintenance And Language Shift As A Field Of Inquiry*. Linguistic 9, 32-70.
- Gal, S.(1979). *Language Shift , Social Determinants Of Linguistics Change In Bilingual Austria*. New York :Academic Press.
- George L. Campbell (1991) *Compendium of the world's Languages: Volume 1 Abaza to Lusatian*, London.
- Grenoble, L. dan Whaley, L. W. J (1998), *Endangered Languages, Language loss And Community Response*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Gumperz, J.J (1982). *Discourse Strategies*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hayatie Binti Untong,(1996/1997) *Masyarakat Bugis di Sandakan Satu Tinjauan Etnografi.*, Academic exercise (B.A.) Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Universiti Malaya.
- Holmes, J, Roberts, M, Verivaki M(1993), "Language Maintenance and Shift in Three New Zealand Speech Communities". *Applied Linguistics* 14(1) ms 1-24
- Jessey, S. J. (1970) *Tawarikh Tanah Melayu (1400-1959)*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kanazawa, H. & Loveday, L. (1988). " The Japanese Immigrant Community in Brazil: Language Contact and Shift. *Journal of Multilingual and Multicultural Development* 9(5) ms 123-435
- Lambert, R (1982), *The Loss of language Skills*. Ronley, Mass: Newbury House.



- Landé N.A dan Pascasio E.M (1979). "Language Maintenance and Code-switching among Filifino Bilingual Speakers" dlm Sociolinguistic Studies in Language Contact Methods and Cases , Mackey, W. F (ed) The Hague: Mouton Publishers.
- Lineton, J. A. (1975).An Indonesian Society And Its Universe: A Study Of The Bugis Of South Sulawesi(Celebes) And Their Role Within A Wider Social And Economic System. Thesis PHD, Univerity of London.
- Li Wei (1994). *Three Generations, Two Languages, One Family: Language Choice and Language shift in a Chinese Community in Britain*. Clevedon : Multilingual Matters.
- Lundén, T. (1979). "Language Minorities in a World of Communications" dlm Sociolinguistic Studies in Language Contact Methods and Cases, Mackey, W. F (ed) The Hague: Mouton Publishers
- Mackey, W. F. dan Ornstein J. (1979). *Sociolinguistic Studies In Language Contact*. New York : Mouton Publishers.
- Martin, P.W. 1991. "Language Shift and Solidarity in Brunei Darussalam. The Ecology of a Minority Language". The Conference of Bilingualism and National Development University Brunei Darussalam, 9-12 Dec. Ms 352-367
- Mohamad Subakir Mohd.Yasin (1998). *Languge Allegiance and Language Shift: A Malaysian Case Study*. Bangi : UKM.
- Noor Aina Dani (2006). *Dialektologi Bahasa Bugis di Sabah* , Jurnal Bahasa, Jilid 6, Bil 2, Jun Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka (ms 191-211)
- Noor Aina Dani dan Mhd. Amin Arshad (2004). Teori dan Realiti Perubahan Bahasa, Jurnal Bahasa, Jilid 4, Jun. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (ms 409-451).
- Norhisham Osman (1993). *Kajian Pemilihan Bahasa di kawasan Ulu Dedap Seberang Perak*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhisham Osman (1999), Pemeliharaan Dan Penyisihan Bahasa:Kajian Kes Terhadap Komuniti Minoriti Rajang- Tanjong. Thesis PHD. Jabatan Pengajian Melayu Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Nurul Huda Binti Mohd. Bisri (2003) Peranan Kesultanan Melayu Bugis Terhadap Perkembangan Islam di Selangor: Satu Kajian Sejarah. Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam , Dissertation , Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Pelras, Cristian (1996). *The Bugis*. United Kingdom: Blackwell Publishers.

- Putz, M.(1991). Language Maintenance And Language Shift in The Speech Behaviour of German-Australian Migrants in Canberra. *Journal in Multilingual and Multicultural Development* 12(6) ms477-492
- Ramachandran Nicholas Sudesh, (2000), Language Maintenance And Shift Among The Portuguese Eurasian In The Portuguese Settlement, Dissertation MESL, Faculty of Languages and Linguistics University of Malaya.
- Roksana Bibi Abdullah (2002) Pemilihan dan Penggunaan Bahasa Malaysia di kalangan masyarakat Melayu di Singapura. Thesis PHD Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Rosman Bin Bachok(1987/1988), Fonologi Bahasa Bugis Di Mukim Benut, Academic exercise(BA) Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Rosmini Sumsudin(1999).Migrasi Bugis Ke Daerah Tawau, Pola dan Sosio-ekonomi Komuniti Bugis. Academic exercise (B.A.)Jabatan Geografi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya,
- Rubin P.A.(1974). *The International Personality of The Malay Peninsula*. Kuala Lumpur:Universiti Malaya.
- Saidah Md Ali (2000). Sosio-budaya masyarakat Bugis di Kampung Teluk Kerang, Pontian Johor Academic exercise (B.A.) Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Shameem, Nikhat (1994). The Wellington Indo-Fijians, Language Shift Among Teenage New Migrants. *Journal of multilingual and Multicultural Development* 15(5) ms399-417
- Shepard. C.A., Giles H, Le Poire B.A(2001) ."Communication Accomodation Theory" in *The New Handbook of Language and Social Psychology* , Robinson W.P. & Giles H.(eds), Chichester: John Willey & Sons.
- Tamrin Hj. Amboala, (2001/2002) Konsep Siri' di Dalam World View Masyarakat Bugis, Academic exercise(BA) Jabatan Sosio-Budaya Melayu, APM, Universiti Malaya.
- Tregonning K.G. (1964). *A History of Modern Malaya*. London :Eastern Universities.
- Vasseberg M. L. (1993). *Alsations Acts of Identity*. United Kingdom: Multilingual Matters Ltd
- Vijaya, Sanker Lokasundari (2004), Language Shift And Maintenance Among The Malaysian Iyers. Thesis PHD .Faculty of Languages And Linguistics University of Malaya.
- Weber, G. *Beberapa Catatan tentang Kemerosotan dan Kejatuhan Bahasa*. dlm

*Jurnal Dewan Bahasa*, 35(4), April,1991. ms296-310

Weinrech, U. (1970). *Language in Contact Findings and Problems*. The Hague: Mouton.

Zulyani Hidayah (1997), *Ensiklopedia Suku Bangsa di Indonesia*, PT Pustaka, LP3ES Indonesia.

<http://dbp.gov.my/dbp98/majalah/bahasa20/feb/j02sor.htm>.(diakses pada 10.3. 2006)

<http://en.wikipedia.org/wiki/Bugis> (diakses pada 15.3. 2006)

<http://philtar.ucsm.ac.uk/encyclopedia/indon/bugis.html> (diakses pada 15.3.2006)

[http://www.johordt.gov.my/mdp/sejarah\\_daerah\\_pontian.htm](http://www.johordt.gov.my/mdp/sejarah_daerah_pontian.htm) (diakses pada 16.5.2006)

[.http://www.utusan.com.my/utusan/archive.asp?y=2003&dt=0308&pub=utusan\\_express&sec=special\\_report&pg=sr\\_03.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/archive.asp?y=2003&dt=0308&pub=utusan_express&sec=special_report&pg=sr_03.htm&arc=hive)(diakses pada 18.5.2006)

<http://www.prel.hawaii.edu> (diakses pada 20.3.2006)

<http://www.prel.hawaii.edu> (diakses pada 03.10.2007) Paulston (1994:20)

May (2002)Bilingualism or Language Loss? Pasifika Communities and Bilingual Education. Ulimasao: First National Pasifika Bilingual Education Conference. Alexandra Park, Auckland, October 2002

[http://www.tki.org.nz/r/esol/esolonline/teachers/prof\\_read/sections/bilingual\\_e.php](http://www.tki.org.nz/r/esol/esolonline/teachers/prof_read/sections/bilingual_e.php)May (diakses 13.05.2007)

Nik Safiah Karim”Domain Kawalan Bahasa Melayu : Sejarah Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia” (<http://dbp.gov.my/dbp98/majalah/bahasa20/feb/j02sor.htm>) (diakses pada 5.08.2005)

Evans (1996) *The Bilingual Research Journal*. Spring 1996, Vol. 20, No. 2, pp. 177-207  
[http://www.ncela.gwu.edu/pubs/nabe/brj/v20/20\\_2\\_evans.pdf](http://www.ncela.gwu.edu/pubs/nabe/brj/v20/20_2_evans.pdf)  
(diakses pada 5 .01.2008)

[http://www.johordt.gov.my/mdp/sejarah\\_daerah\\_pontian.htm](http://www.johordt.gov.my/mdp/sejarah_daerah_pontian.htm)  
(diakses pada 5 .10.2007)

[http://www.johordt.gov.my/mdp/sejarah\\_daerah\\_pontian.htm](http://www.johordt.gov.my/mdp/sejarah_daerah_pontian.htm)  
(diakses pada 5 .10.2007)

<http://www.sabah.org.my/bm/daerah/daerah/twu/tawau/bugis.htm>  
(diakses pada 22.02.06).